143,510 (95.8%)	95 (0.1%)	4,924 (3.3%)	1,309 (0.8%)

Nota: Warganegara sahaja

TARAF PERKAHWINAN (ORANG)

Tidak Pernah Berkahwin	Berkahwin	Bercerai / Berpisah	Balu / Duda
12,090 (7.7%)	129,562 (82.9%)	2,591 (1.6%)	12,119 (7.8%)

SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH (ORANG)

Tertiari	Rendah	Menengah	Tiada Sijil
8,383 (5.4%)	44,123 (28.3%)	47,086 (30.2%)	56,104 (36.0%)

PARAMETER UTAMA SEKTOR PERTANIAN, SABAH, 2023

	Pegangan Pertanian	Keluasan Bertanam (Ha)	Keluasan Bertuai (Ha)	Kuantiti Pengeluaran (mt)	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai Jualan (RM juta)
Jumlah	159,394	1,781,341.5	1,578,170.2	23,279,796.6	23,230,477.4	24,689.3
Individu	156,770 (98.4%)	435,235.4 (24.4%)	408,458.8 (25.9%)	3,234,510.8 (13.9%)	3,185,823.2 (13.7%)	4,660.1 (18.9%)
Pertubuhan	2,624 (1.6%)	1,346,106.1 (75.6%)	1,169,711.4 (74.1%)	20,045,252.2 (86.1%)	20,044,621.3 (86.3%)	20,029.1 (81.1%)

Sumber: Banci Pertanian 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEKTOR PERTANIAN, SABAH, 2023

PENDAPATAN (RM juta)

Jumlah
RM28,216.83

Individu
RM5,907.98
(20.9%)

Pertubuhan
RM22,308.84
(79.1%)


PERBELANJAAN (RM juta)

Jumlah
RM9,551.46

Individu
RM2,211.05
(23.1%)

Pertubuhan
RM7,340.41
(76.9%)

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MENGIKUT NEGERI (RM JUTA)



1 Tawau RM4,563.61 RM1,671.34	2 Kinabatangan RM4,537.29 RM1,325.66	3 Lahad Datu RM3,864.80 RM1,163.36	4 Beluran RM3,147.42 RM934.21
5 Sandakan RM2,841.09 RM903.40	6 Kota Kinabalu RM1,174.99 RM592.39	7 Keningau RM1,087.22 RM378.14	
8 Kunak RM991.22 RM304.86	9 Semporna RM892.88 RM311.46	10 Papar RM729.68 RM372.53	
11 Ranau RM605.15 RM208.22	12 Beaufort RM525.60 RM177.38	13 Kudat RM476.43 RM182.71	
14 Tuaran RM 350.84 RM166.42	15 Tongod RM331.87 RM121.86	16 Kota Marudu RM326.55 RM94.76	17 Kota Belud RM288.62 RM107.29	18 Pitas RM260.22 RM85.30
19 Tenom RM242.21 RM83.87	20 Sipitang RM205.02 RM82.97	21 Telupid RM157.03 RM56.77	22 Nabawan RM148.37 RM43.88	23 Penampang RM123.19 RM47.61
24 Kalabakan RM114.57 RM50.99	25 Tambunan RM85.38 RM32.08	26 Membakut RM64.11 RM23.77	27 Kuala Penyu RM55.97 RM17.50	28 Putatan RM26.49 RM10.74

Pendapatan (RM juta) Perbelanjaan (RM juta)

Sumber: Banci Pertanian 2024

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA TEMPAT PERTAMA DI DUNIA
20 OKTOBER
2016 - 2030

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH SEKTOR PERTANIAN, SABAH, 2023

Guna tenaga sektor pertanian 2023 adalah seramai 281,116 orang dan gaji & upah tahunan sebanyak RM3,406.26 juta.



281,116
RM3,406.26



163,991
RM1,142.45



117,125
RM2,263.74

Guna Tenaga (orang) | Gaji & Upah (juta) | Jumlah | Individu | Pertubuhan

Guna Tenaga Sektor Pertanian

Pekerja bergaji pada tahun 2023 adalah seramai 166,362 orang dan menerima purata gaji & upah tahunan sebanyak RM20,475.

JUMLAH GUNA TENAGA
281,116 (100%)

Pemilik dan Rakan Niaga yang Aktif
104,141 (37.0%)

Pekerja Keluarga tanpa Gaji
10,613 (3.8%)

Pekerja Bergaji
166,362 (59.2%)

Purata Gaji & Upah Tahunan
RM20,475

Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan mengikut Daerah



281,116
RM20,475

Tawau, Kinabatangan, Lahad Datu, Beluran dan Sandakan menyumbangkan 53.0 peratus daripada guna tenaga sektor pertanian Negeri Sabah dan Telupid adalah daerah yang merekodkan purata gaji & upah tahunan tertinggi.

Tawau	Kinabatangan	Lahad Datu	Beluran	Sandakan	Semporna	Ranau	Keningau
34,367	33,081	31,724	26,452	23,410	16,739	13,589	10,907
RM22,892	RM20,998	RM20,178	RM20,750	RM20,104	RM24,197	RM18,370	RM23,627

Kunak	Kudat	Kota Marudu	Beaufort	Kota Belud	Tuaran	Tongod	Kota Kinabalu	Pitas	Tenom
9,565	7,918	7,112	7,003	6,959	6,393	5,937	5,346	4,372	4,090
RM18,962	RM16,507	RM15,397	RM19,261	RM16,187	RM15,529	RM18,183	RM17,453	RM16,953	RM17,748


Sipitang	Telupid	Papar	Kalabakan	Nabawan	Tambunan	Membakut	Penampang	Kuala Penyu	Putatan
3,856	3,427	3,395	3,328	2,952	2,786	2,342	1,925	1,356	785
RM19,243	RM25,911	RM17,503	RM20,475	RM16,139	RM14,163	RM16,475	RM20,017	RM21,090	RM14,520

Guna Tenaga (orang) | Purata Gaji & Upah

Sumber: Banci Pertanian 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA GUNA TENAGA SEKTOR PERTANIAN, SABAH, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Nota: Jumlah guna tenaga merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING PROFILE



98.0% (1,012,993) are individual agricultural holding

Citizenship	**99.2%**	Malaysian
Ethnic Group	**88.4%**	Bumiputera
Sex	**74.5%**	Male
Age Group	**45.6%**	60 years and above
Marital Status	**76.3%**	Married
Highest Certificate Attained	**37.2%**	Secondary

Rubber crops contributed highest number of **agricultural holding** at **35.2%** (387,433)

The planted area is 7.5 million hectare with **69.0%** by **establishment agricultural holding**

Establishment agricultural holding recorded a total of **67.4%** (6.6 million hectare) of harvested area

Sarawak contributed **22.3%** (22.9 million tonnes) of total crop subsector production

Sarawak recorded the highest total quantity of sales of **22.4%** (22.8 million tonnes)

Pahang contributed **18.7%** (RM21.78 billion) of sales value crops subsector

73.0% (RM136.05 billion) of agriculture sector's income contributed by **establishment agricultural holding**

72.4% (RM49.18 billion) of agriculture sector's expenditure was contributed by **establishment agricultural holding**

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area | Harvested Area | Production Quantity | Sales Quantity | Sales Value | Income | Expenditure

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING

Total	Individual	Establishment
1,034,182	1,012,993	21,189

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
1,005,316 (99.2%)	7,677 (0.8%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
754,204 (74.5%)	258,789 (25.5%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	33,215 (3.3%)
31 - 45 years	190,944 (18.8%)
46 - 59 years	326,968 (32.3%)
60 years and above	461,866 (45.6%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian	Chinese	Others
888,752 (88.4%)	10,589 (1.1%)	97,605 (9.7%)	8,370 (0.8%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	107,211 (10.7%)
Married	766,299 (76.3%)
Divorced / Separated	12,892 (1.3%)
Widow / Widower	118,554 (11.8%)

No Information: 8,037

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Secondary	Primary	No Certificate
77,929 (7.7%)	376,515 (37.2%)	263,323 (26.0%)	274,782 (27.1%)

No Information: 20,444

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvest Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	1,034,182	7,540,319.8	6,674,308.2	102,929,762.3	102,046,911.1	116,711.19
Individual	1,012,993 (98.0%)	2,337,115.3 (31.0%)	2,172,787.7 (32.6%)	19,106,684.7 (18.6%)	18,326,017.6 (17.8%)	31,753.90 (27.2%)
Establishment	21,189 (2.0%)	5,203,204.5 (69.0%)	4,501,520.5 (67.4%)	83,823,077.6 (81.4%)	83,720,893.5 (81.3%)	84,957.29 (72.8%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

INCOME (RM million)

Total
RM186,433.27

Individual
RM50,378.04
(27.0%)

Establishment
RM136,055.23
(73.0%)


EXPENDITURE (RM million)

Total
RM67,890.66

Individual
RM18,713.72
(27.6%)

Establishment
RM49,176.94
(72.4%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

Employment in the Agriculture sector reached 1,735,469 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM18,003.10 million.



1,735,469	1,186,282	549,187
RM18,003.10	RM7,257.96	RM10,745.14

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 887,274 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,290.

TOTAL EMPLOYMENT
1,735,469 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
780,329 (45.0%)

Unpaid Family Workers
67,866 (3.9%)

Paid Employees
887,274 (51.1%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM20,290

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang accounted for 71.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah and Selangor were the five states that recorded the highest annual mean salaries & wages.

	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak
1,735,469	210,575	121,924	80,256	19,542	53,196	193,216	28,219	194,316
RM20,290	RM21,315	RM22,720	RM18,507	RM23,226	RM19,747	RM20,987	RM23,691	RM19,750

Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak	W.P Kuala Lumpur	W.P Labuan	W.P Putrajaya
24,224	70,058	97,114	281,116	358,803	276	2,454	180
RM17,467	RM21,534	RM17,373	RM20,475	RM19,122	RM23,236	RM19,623	RM13,196

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages (million)

Source: Agriculture Census 2024

@StatsMalaysia

BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

MALAYSIA MADANI kemampanan


ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD
20 October
2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023

AGRICULTURAL HOLDING PROFILE



98.4 % (156,770) are Individual Agricultural Holding

Citizenship	**95.6%**	Malaysian
Ethnic Group	**95.8%**	Bumiputera
Sex	**74.1%**	Male
Age Group	**36.4%**	60 years and above
Marital Status	**82.9%**	Married
Highest Certificate Attained	**30.2%**	Secondary

75.6% (1,346,106.1 hectares) of the planted area was recorded by **Establishment Agricultural Holding**

74.1% (1,169,711.4 hectares) of the harvested area was recorded by **Establishment Agricultural Holding**

99.8% (23,230,477.4 tonne) of the total production was sold

86.1% (20,045,252.2 tonne) of production quantity led by **Establishment Agricultural Holding**

Kinabatangan District contributed **20.9%** (4,872,129.8 tonne) of the total quantity production

79.1% (RM22,308.84) of the income was contributed by **Establishment Agricultural Holding**

76.9% (RM 7,340.41) of the expenditure was contributed by **Establishment Agricultural Holding**

Source: Agriculture Census 2024

Legend:

Individual Agriculture Holding | Establishment Agricultural Holding | Planted Area (hectares) | Harvested Area (hectares) | Production Quantity (tonne) | Sales Quantity (tonne) | Income (RM million) | Expenditure (RM million)

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURE HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023

AGRICULTURAL HOLDING

Total	Individual	Establishment
159,394	156,770	2,624

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
149,838 (95.6%)	6,932 (4.4%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
116,162 (74.1%)	40,608 (25.9%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	46 - 59 years
6,200 (4.0%)	54,149 (34.5%)
31 - 45 years	**60 years and above**
39,382 (25.1%)	57,039 (36.4%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian
143,510 (95.8%)	95 (0.1%)
Chinese	**Others**
4,924 (3.3%)	1,309 (0.8%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	12,090 (7.7%)
Married	129,562 (82.9%)
Divorced / Separated	2,591 (1.6%)
Widow / Widower	12,119 (7.8%)

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Primary
8,383 (5.4%)	44,123 (28.3%)
Secondary	**No Certificate**
47,086 (30.2%)	56,104 (36.0%)

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvested Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	159,394	1,781,341.5	1,578,170.2	23,279,796.6	23,230,477.4	24,689.3
Individual	156,770 (98.4%)	435,235.4 (24.4%)	408,458.8 (25.9%)	3,234,510.8 (13.9%)	3,185,823.2 (13.7%)	4,660.1 (18.9%)
Establishment	2,624 (1.6%)	1,346,106.1 (75.6%)	1,169,711.4 (74.1%)	20,045,252.2 (86.1%)	20,044,621.3 (86.3%)	20,029.1 (81.1%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023

INCOME (RM million)

Total
RM28,216.83

Individual
RM5,907.98
(20.9 %)

Establishment
RM22,308.84
(79.1 %)


EXPENDITURE (RM million)

Total
RM9,551.46

Individual
RM2,211.05
(23.1 %)

Establishment
RM7,340.41
(76.9 %)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



		Income (RM million)	Expenditure (RM million)
1	Tawau	RM4,563.61	RM1,671.34
2	Kinabatangan	RM4,537.29	RM1,325.66
3	Lahad Datu	RM3,864.80	RM1,163.36
4	Beluran	RM3,147.42	RM934.21
5	Sandakan	RM2,841.09	RM903.40
6	Kota Kinabalu	RM1,173.99	RM592.39
7	Keningau	RM1,087.22	RM378.14
8	Kunak	RM991.22	RM304.86
9	Semporna	RM892.88	RM311.46
10	Papar	RM729.68	RM372.53
11	Ranau	RM605.15	RM208.22
12	Beaufort	RM525.60	RM177.38
13	Kudat	RM476.43	RM182.71
14	Tuaran	RM 350.84	RM166.42
15	Tongod	RM331.87	RM121.86
16	Kota Marudu	RM326.55	RM94.76
17	Kota Belud	RM288.62	RM107.29
18	Pitas	RM260.22	RM85.30
19	Tenom	RM242.21	RM83.87
20	Sipitang	RM205.02	RM82.97
21	Telupid	RM157.03	RM56.77
22	Nabawan	RM148.37	RM43.88
23	Penampang	RM123.19	RM47.61
24	Kalabakan	RM114.57	RM50.99
25	Tambunan	RM85.38	RM32.08
26	Membakut	RM64.11	RM23.77
27	Kuala Penyu	RM55.97	RM17.50
28	Putatan	RM26.49	RM10.74

Source: Agriculture Census 2024

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD
20 October
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MALAYSIA 2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023

Employment in the agricultural sector reached 281,116 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM3,406.26 million.



281,116 | RM3,406.26



163,991 | RM1,142.45



117,125 | RM2,263.74

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agricultural Sector

The number of paid employees in 2023 was 166,362 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,475.

TOTAL EMPLOYMENT
281,116 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
104,141 (37.0%)

Unpaid Family Workers
10,613 (3.8%)

Paid Employees
166,362 (59.2%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM20,475

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

281,116
RM20,475

"Tawau, Kinabatangan, Lahad Datu, Beluran and Sandakan contribute 53.0 percent of employment in Sabah's agricultural sector and Telupid is the district that records the highest average annual salary and wages."

Tawau	Kinabatangan	Lahad Datu	Beluran	Sandakan	Semporna	Ranau	Keningau
34,367	33,081	31,724	26,452	23,410	16,739	13,589	10,907
RM22,892	RM20,998	RM20,178	RM20,750	RM20,104	RM24,197	RM18,370	RM23,627

Kunak	Kudat	Kota Marudu	Beaufort	Kota Belud	Tuaran	Tongod	Kota Kinabalu	Pitas	Tenom
9,565	7,918	7,112	7,003	6,959	6,393	5,937	5,346	4,372	4,090
RM18,962	RM16,507	RM15,397	RM19,261	RM16,187	RM15,529	RM18,183	RM17,453	RM16,953	RM17,748

Sipitang	Telupid	Papar	Kalabakan	Nabawan	Tambunan	Membakut	Penampang	Kuala Penyu	Putatan
3,856	3,427	3,395	3,328	2,952	2,786	2,342	1,925	1,356	785
RM19,243	RM25,911	RM17,503	RM20,475	RM16,139	RM14,163	RM16,475	RM20,017	RM21,090	RM14,520

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

@StatsMalaysia

BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

MALAYSIA MADANI kemampanan


ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD

20 October

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MALAYSIA 2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURAL SECTOR, SABAH, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

@StatsMalaysia
BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA
MALAYSIA MADANI kemampanan
ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD
20 October
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS MALAYSIA 2016 - 2030



PENEMUAN UTAMA

25 Pengenalan

25 Latar Belakang

29 Profil Pegangan Pertanian

31 Keluasan Bertanam

32 Keluasan Bertuai

33 Kuantiti Pengeluaran

35 Kuantiti dan Nilai Jualan

36 Pendapatan

39 Perbelanjaan

41 Guna Tenaga

42 Gaji & Upah

119 Aktiviti Sektor Pertanian mengikut Zon

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Negeri Sabah hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan merangkumi profil pegangan pertanian dengan aspek sosio-demografi pengusaha dan pertubuhan serta parameter utama iaitu Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam, Keluasan Bertuai, Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan dengan tambahan tiga parameter baharu iaitu Pendapatan, Perbelanjaan dan Gaji & Upah bagi memberikan gambaran komprehensif tentang struktur ekonomi dalam sektor pertanian Negeri Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan serta perhutanan dan pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci ini adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari 7 Julai sehingga 31 Oktober 2024.

Banci ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan dasar dan program sektor pertanian di Malaysia. Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan, dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.

Negeri Sabah terletak di bahagian utara Pulau Borneo, berkeluasan 74,100 kilometer persegi dan bersempadankan negeri Sarawak dan terpisah dari Wilayah Persekutuan Labuan di Malaysia. Sehingga Disember 2023, sebanyak 28 daerah pentadbiran telah diwartakan di Sabah iaitu Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Kota Kinabalu, Ranau, Kota Belud, Tuaran, Penampang, Papar, Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan, Keningau,

Tambunan, Kunak, Tongod, Putatan, Telupid, Kalabakan dan Membakut. Jumlah penduduk Sabah pada tahun 2024 dianggarkan 3.74 juta orang dengan kepadatan 50 orang bagi setiap kilometer persegi. Daripada jumlah keseluruhan penduduk, 72.1 peratus adalah warganegara. Kota Kinabalu merupakan daerah yang mempunyai penduduk paling ramai di Sabah iaitu 547.0 ribu orang diikuti Sandakan, 499.4 ribu orang dan Tawau 413.6 ribu orang. Manakala, Kuala Penyu mempunyai penduduk paling rendah iaitu 24.5 ribu orang. Penduduk negeri ini terdiri daripada pelbagai etnik seperti Kadazan Dusun, Bajau, Melayu, Murut, Orang Sungai dan etnik-etnik lain yang hidup dalam harmoni serta menyumbang kepada kepelbagaian budaya bahkan ekonomi negeri.

Terkenal dengan kekayaan sumber semula jadi dan biodiversiti, Sabah mempunyai asas kritikal kepada kemampanan ekonomi dan pembangunan luar bandar. Dengan landskap pertanian yang pelbagai, Sektor Pertanian Sabah berpotensi menjadi pemacu utama dalam memperkukuh sekuriti makanan, menjana pendapatan komuniti tempatan, serta memperluas pasaran eksport negara. Sebagai tunjang utama dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan Pelan Tindakan Pertanian Sabah 2021, sektor ini menyokong mata pencarian masyarakat luar bandar serta merangsang pertumbuhan sosioekonomi yang inklusif.

Pelan Pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya telah mengenal pasti sektor pertanian sebagai sektor yang memainkan peranan penting dalam memastikan keterjaminan makanan serta meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Bagi memperkasakan sektor pertanian, dasar dan inisiatif dirangka kearah mentransformasikan pertanian bersepadu, pengukuhan keterjaminan makanan, pembangunan modal insan dan komuniti, pelaksanaan Ekonomi Biru, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan, serta pembangunan infrastruktur pertanian.

2.1 PRESTASI EKONOMI NEGERI SABAH

Pada tahun 2023, ekonomi Sabah menunjukkan pertumbuhan marginal melalui peningkatan nilai tambah RM83.2 bilion berbanding RM82.1 bilion pada tahun 2022. Sabah mencatatkan KDNK pertumbuhan pada kadar 1.3 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya.


Carta 1: Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Sabah, 2015-2023 (pada Harga Malar)



Dari segi sumbangan sektor ekonomi di Sabah, Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama, merangkumi 50.9 peratus daripada aktiviti ekonomi negeri. Ini diikuti oleh Sektor Perlombongan dan Pengkuarian dengan sumbangan 23.3 peratus, manakala Sektor Pertanian menyumbang 15.2 peratus.

Seterusnya adalah Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang menyumbang masing-masing 7.3 peratus dan 3.0 peratus kepada keseluruhan komposisi ekonomi Sabah.

Carta 2: Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan mengikut Sektor, Sabah, 2023




2.2 PRESTASI EKONOMI SEKTOR PERTANIAN SABAH

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan dan input pertanian. Pada tahun 2023, Sektor Pertanian di Sabah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM12.6 bilion berbanding RM12.5 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun Sektor Pertanian hanya mencatatkan peningkatan 0.8 peratus pada tahun 2023, pertumbuhannya lebih baik berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.2 peratus.

Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Sabah, menyumbang 15.2 peratus pada tahun 2023. Subsektor Tanaman mendominasi sektor pertanian di Sabah dengan sumbangan 76.0 peratus, diikuti Subsektor Perikanan 14.7 peratus, Ternakan 6.0 peratus serta Perhutanan dan Pembalakan 3.3 peratus.

Carta 3: Prestasi Sektor Pertanian, Sabah, 2022-2023 (pada Harga Malar)



2.3 PRESTASI PERDAGANGAN PERTANIAN SABAH

Eksport komoditi utama pertanian bagi Sabah adalah minyak kelapa sawit bernilai RM15.3 bilion, diikuti minyak isirung kelapa sawit bernilai RM1.3 bilion serta oleokimia berasaskan kelapa sawit bernilai RM1.1 bilion. Import Sabah pada tahun 2023 mencatatkan peningkatan 2.1 peratus, merekodkan nilai import RM10.4 bilion. Import komoditi utama pertanian bagi Sabah ialah beras yang bernilai RM613.0 juta, diikuti jagung (termasuk jagung manis) yang bernilai RM351.9 juta serta bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) yang bernilai RM327.4 juta.

3.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, SABAH

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Pegangan pertanian ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024, pegangan pertanian dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pegangan pertanian individu yang mana aktiviti pertanian dikendalikan oleh isi rumah perseorangan dan pegangan pertanian pertubuhan yang mana syarikat atau pertubuhan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Persatuan, Koperasi serta Agensi Pembangunan Wilayah.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa 159,394 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Sabah, merangkumi 156,770 pegangan pertanian individu (98.4%) dan 2,624 pegangan pertanian pertubuhan (1.6%). Subsektor tanaman mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 141,127 diikuti subsektor perikanan tangkapan (14,903), subsektor ternakan (2,515), subsektor akuakultur (2,164) serta subsektor perhutanan dan pembalakan (162).

Keningau merupakan daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 14,153, diikuti oleh Ranau (12,873), Kota Marudu (12,712), Kota Belud (11,584) dan Tawau (11,134). Dari perspektif pegangan pertanian pertubuhan mengikut daerah, Sandakan menerajui dengan 577 pertubuhan atau 22.0 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan Sabah, diikuti Tawau, 567 pertubuhan (21.6%), Lahad Datu, 429 pertubuhan (16.3%), Kinabatangan,

204 pertubuhan (7.8%) dan Beluran, 196 pertubuhan (7.5%). Secara kolektif, lima daerah dari Pantai Timur Sabah menyumbang 75.2 peratus daripada bilangan pegangan pertanian pertubuhan.

3.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 156,770 pegangan pertanian individu di Sabah, seramai 149,838 orang atau 95.6 peratus adalah warganegara, manakala 6,932 orang (4.4%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

3.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Sabah didominasi oleh lelaki iaitu 116,162 orang (74.1%) berbanding 40,608 perempuan (25.9%).

3.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 57,039 orang atau 36.4 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (54,149 orang; 34.5%), 31 hingga 45 tahun (39,382 orang; 25.1%) dan 15 hingga 30 tahun (6,200 orang; 4.0%).

3.1.4 Kumpulan Etnik

Etnik yang mendominasi pegangan pertanian individu adalah Bumiputera dengan bilangan seramai 143,510 orang (95.8%), diikuti oleh Cina (4,924 orang; 3.3%), India (95 orang; 0.1%) dan lain-lain (1,309 orang; 0.8%).

3.1.5 Taraf Perkahwinan


Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (129,562 orang; 82.9%), diikuti oleh balu/duda (12,119 orang; 7.8%), tidak pernah berkahwin (12,090 orang; 7.7%) dan bercerai/berpisah (2,591 orang; 1.6%).

3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Daripada keseluruhan pegangan pertanian individu Sabah, seramai 56,104 orang atau 36.0 peratus didapati tiada sijil pendidikan. Manakala, komposisi pegangan pertanian

individu yang mempunyai pendidikan rendah, menengah dan tertiari adalah masing - masing seramai 44,123 orang (28.3%), 47,086 orang (30.2%) dan 8,383 orang (5.5%).

Paparan 1: Profil Pegangan Pertanian Individu, Sabah, 2023




3.2 KELUASAN BERTANAM

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan jumlah keluasan bertanam di Sabah pada tahun 2023 adalah seluas 1.8 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, 435.2 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 1.3 juta hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kinabatangan merekodkan

sebagai daerah yang mempunyai kawasan bertanam terbesar iaitu seluas 336.2 ribu hektar, diikuti oleh Lahad Datu (270.2 ribu hektar) dan Beluran (236.9 ribu hektar).

Paparan 2 : Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023




Paparan 3: Tiga Daerah Pentadbiran Utama bagi Keluasan Bertanam, Sabah, 2023

1	Kinabatangan	336.2 ribu hektar
2	Lahad Datu	270.2 ribu hektar
3	Beluran	236.9 ribu hektar

3.3 KELUASAN BERTUAI

Pada tahun 2023, jumlah keluasan bertuai di Sabah adalah seluas 1.6 juta hektar, dengan kawasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 408.5 ribu hektar, manakala kawasan bertuai bagi pegangan pertanian pertubuhan meliputi 1.2 juta hektar. Daerah Kinabatangan mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 285.4 ribu hektar, diikuti oleh Lahad Datu (230.1 ribu hektar) dan Tawau (216.2 ribu hektar).

Paparan 4 : Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



Paparan 5 : Tiga Daerah Pentadbiran Utama bagi Keluasan Bertuai, Sabah, 2023

1	Kinabatangan	285 ribu hektar
2	Lahad Datu	230 ribu hektar
3	Tawau	216 ribu hektar

3.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Tanaman di Sabah pada tahun 2023 mencatatkan 22.9 juta tan metrik. Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 22.4 juta tan metrik, diikuti oleh buah-buahan (140.2 ribu tan metrik) dan getah (85.8 ribu tan metrik). Daerah Kinabatangan mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman tertinggi 4.9 juta tan metrik, menyumbang 21.3 peratus kepada keseluruhan pengeluaran tanaman Sabah.

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Sabah didominasi oleh aktiviti ternakan hidup dan pengeluaran telur ayam dan itik. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup di Sabah adalah 131.3 juta ekor. Kota Kinabalu mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup tertinggi pada tahun 2023, dengan 43.7 juta ekor atau 33.3 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Sabah, diikuti oleh Tuaran (25.1 juta ekor) dan Tawau (23.0 juta ekor). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 70.0 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Sabah.

939.5 juta biji telur telah dikeluarkan pada tahun 2023, dengan Tawau sebagai daerah pengeluar telur tertinggi di Sabah iaitu 427.0 juta biji. Selain itu, kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 7.5 juta liter, dengan Keningau sebagai daerah pengeluar tertinggi (4.7 juta liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan lain merekodkan 33.7 tan metrik yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Subsektor Perikanan Tangkapan di Sabah mencatatkan jumlah pengeluaran 180.0 ribu tan metrik, yang merangkumi aktiviti perikanan tangkapan laut dan perikanan tangkapan darat di Sabah. Kota Kinabalu merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 44.9 ribu tan metrik, diikuti oleh Semporna (41.0 ribu tan metrik) dan Kudat (22.5 ribu tan metrik). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 60.2 peratus kepada pengeluaran perikanan tangkapan Sabah.

Bagi Subsektor Akuakultur Sabah, aktiviti akuakultur air tawar dan air payau merekodkan kuantiti pengeluaran 234.3 ribu tan metrik. Daripada perspektif pengeluaran mengikut daerah kuantiti pengeluaran akuakultur tertinggi dicatatkan oleh Semporna, dengan jumlah pengeluaran 166.2 ribu tan metrik, diikuti oleh Tawau (45.2 ribu tan metrik) dan Lahad Datu (9.5 ribu tan metrik). Manakala bagi aktiviti akuakultur baka dan benih serta ikan hiasan, kuantiti pengeluaran adalah 109.4 juta ekor, dengan Kota Kinabalu merekodkan pengeluaran tertinggi 70.0 juta ekor, diikuti oleh Kudat (38.9 juta ekor) dan Tuaran (274.5 ribu ekor).

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Sabah adalah 804.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 0.8 ribu meter padu (0.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 803.7 ribu meter padu (99.9%). Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 186.8 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 186.6 ribu kilogram (99.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 0.3 ribu kilogram (0.1%).

Paparan 6: Kuantiti Pengeluaran mengikut Subsektor, Sabah, 2023

Subsektor Tanaman		**22.9 juta tan metrik**
Subsektor Ternakan	**Ternakan Hidup**	**131.3 juta ekor**
	Hasilan Ternakan – Telur	**939.5 juta biji**
	Hasilan Ternakan – Susu	**7.5 juta liter**
	Hasilan Ternakan – Lain	**33.7 tan metrik**
Subsektor Perikanan Tangkapan	**Perikanan Tangkapan Laut dan Darat**	**180.0 ribu tan metrik**
Subsektor Akuakultur	**Air Payau / Air Tawar**	**234.3 ribu tan metrik**
	Baka/Benih/Ikan Hiasan	**109.4 juta ekor**
Subsektor Perhutanan dan Pembalakan	**Aktiviti Pembalakan**	**804.6 ribu meter padu**
	Hasil Hutan Bukan Kayu	**186.8 ribu kilogram**

3.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi Subsektor Tanaman di Sabah pada tahun 2023 mencatatkan 22.8 juta tan metrik. Manakala, nilai jualan bagi Subsektor Tanaman direkodkan RM20.59 bilion. Aktiviti tanaman yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah kelapa sawit iaitu 22.4 juta tan metrik, diikuti oleh buah-buahan dan getah dengan masing-masing mengeluarkan 108.9 ribu dan 85.8 ribu tan metrik. Kinabatangan mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu 4.9 juta tan metrik atau menyumbang 21.3 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Sabah.

Bagi Subsektor Ternakan, 86.8 peratus daripada jumlah pengeluaran ternakan hidup atau 113.9 juta ekor telah dijual di Sabah pada tahun 2023. Manakala, kuantiti jualan dari hasilan ternakan adalah 932.8 juta biji telur dan 5.9 juta liter susu segar. Nilai jualan bagi ternakan hidup dan hasilan ternakan adalah RM1,578.4 juta.

Keseluruhan kuantiti jualan Subsektor Perikanan Tangkapan di Sabah adalah 179.8 ribu tan metrik. Kota Kinabalu mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 44.8 ribu tan metrik, diikuti oleh Semporna (40.5 ribu tan metrik) dan Kudat (21.6 ribu tan metrik). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 59.5 peratus kepada jumlah kuantiti jualan perikanan tangkapan di Sabah. Subsektor Perikanan Tangkapan mencatatkan nilai jualan RM1,484.4 juta.

Subsektor Akuakultur merekodkan kuantiti jualan 233.4 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Daerah Semporna merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 165.5 ribu tan metrik, diikuti oleh Tawau (45.1 ribu tan metrik) dan Lahad Datu (9.5 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagi aktiviti akuakultur baka dan benih serta ikan hiasan adalah 109.3 juta ekor. Tiga daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka dan benih serta ikan hiasan adalah Kota Kinabalu (70.0 juta ekor), diikuti oleh Kudat (38.9 juta ekor) dan Tuaran (242.4 ribu ekor). Secara keseluruhan, Subsektor Akuakultur di Sabah mencatatkan nilai jualan RM291.0 juta.

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan dan hasil hutan bukan kayu di Sabah masing-masing ialah 804.6 ribu meter padu dan 136.3 ribu kilogram. Subsektor Perhutanan dan Pembalakan di Sabah mencatatkan nilai jualan RM750.1 juta.

Paparan 7 : Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Subsektor, Sabah, 2023


Subsektor Tanaman		22.8 juta tan metrik	RM20.59 bilion
Subsektor Ternakan	Ternakan Hidup	113.9 juta ekor	RM1.58 bilion
	Hasilan Ternakan – Telur	932.8 juta biji	
	Hasilan Ternakan – Susu	5.9 juta liter	
	Hasilan Ternakan – Lain	33.0 tan metrik	
Subsektor Perikanan Tangkapan	Perikanan Tangkapan Laut dan Darat	179.8 tan metrik	RM1.48 bilion
Subsektor Akuakultur	Air Payau / Air Tawar	233.4 ribu tan metrik	RM291.0 juta
	Baka/Benih/Ikan Hiasan	109.3 juta ekor	
Subsektor Perhutanan dan Pembalakan	Aktiviti Pembalakan	804.6 ribu meter	RM750.1 juta
	Hasil Hutan Bukan Kayu	136.3 ribu kilogram	

3.6 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian di Sabah pada tahun 2023 adalah RM28.22 bilion daripada jumlah ini, RM5.91 bilion (20.9%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM22.31 bilion (79.1%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM23.43 bilion. Daripada jumlah subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM4.67 bilion (19.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM18.76 bilion (80.1%).

Paparan 8: Pendapatan Subsektor Tanaman, Sabah, 2023




Pendapatan daripada aktiviti ternakan di Sabah pada 2023 berjumlah RM2.18 bilion dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM2.11 bilion (96.8%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM70.74 juta (3.2%). Kota Kinabalu mencatatkan jumlah pendapatan teratas, RM662.38 juta diikuti oleh Papar dan Tawau dengan masing - masing berjumlah RM604.67 juta dan RM528.84 juta.

Paparan 9: Pendapatan Subsektor Ternakan, Sabah, 2023




Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Sabah adalah RM1.50 bilion. Kota Kinabalu merekodkan pendapatan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan RM377.07 juta, diikuti oleh Semporna RM338.35 juta dan Kudat RM176.54 juta.

Paparan 10: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023




Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM301.29 juta. Pendapatan bagi pegangan individu adalah RM107.16 juta. Sementara itu, pendapatan bagi pegangan pertubuhan berjumlah RM194.14 juta. Semporna mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM118.89 juta (39.5%), diikuti oleh Tawau RM87.40 juta (29.0%) dan Kudat RM22.75 juta (7.6%).

Paparan 11: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Sabah, 2023



Pendapatan bagi aktiviti pembalakan adalah RM808.18 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM4.58 juta (0.6%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM803.60 juta (99.4%).


Paparan 12: Pendapatan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023



3.7 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM9.55 bilion. Daripada jumlah ini, RM2.21 bilion (23.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM7.34 bilion (76.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM7,111.81 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini. Pegangan pertanian individu menyumbang RM1,692.11 juta (23.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM5,419.70 juta (76.2%).

Paparan 13: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Sabah, 2023




Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM1,238.53 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.1 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 1.9 peratus oleh pegangan pertanian individu. Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan operasi yang tidak termasuk perbelanjaan gaji & upah serta harta modal. Jumlah perbelanjaan subsektor ternakan didominasi oleh tiga daerah teratas, iaitu Tawau (RM354.00 juta), Kota Kinabalu (RM343.17 juta) dan Papar (RM327.22 juta).

Paparan 14: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Sabah, 2023



Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Sabah bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM719.49 juta. Daripada jumlah perbelanjaan ini pegangan pertanian individu menyumbang RM486.86 juta (67.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM232.63 juta (32.3%).

Paparan 15: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023




Secara keseluruhan, subsektor akuakultur Sabah mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM95.61 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan pertanian individu menyumbang RM7.36 juta (7.7%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM88.25 juta (92.3%).

Paparan 16: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Sabah, 2023



Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, jumlah perbelanjaan merekodkan RM386.02 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM1.19 juta (0.3%) manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM384.83 juta (99.7%).


Paparan 17: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Sabah, 2023



3.8 GUNA TENAGA


Jumlah guna tenaga yang terlibat dalam sektor pertanian di Sabah adalah seramai 281,116 orang. Daripada jumlah tersebut 104,141 orang (37.0%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 166,362 orang (59.2%) terdiri daripada pekerja bergaji. Selebihnya, seramai 10,613 orang (3.8%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 18: Bilangan Guna Tenaga bagi Sektor Pertanian, Sabah, 2023




Mengikut pecahan pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan adalah seramai 163,991 orang. Daripada jumlah ini, 61.7 peratus atau 101,155 orang merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, diikuti 52,377 orang (31.9%) sebagai pekerja bergaji, manakala pekerja keluarga tanpa gaji berjumlah 10,459 orang (6.4%).

Paparan 19: Bilangan Guna Tenaga bagi Pegangan Pertanian Individu Sektor Pertanian, Sabah, 2023



Bagi pegangan pertanian oleh pertubuhan, jumlah guna tenaga direkodkan seramai 117,125 orang. Daripada jumlah tersebut, 2,986 orang (2.5%) atau merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif, manakala 113,985 orang (97.4%) terdiri daripada pekerja bergaji. Pekerja keluarga tanpa gaji pula seramai 154 orang (0.1%).


Paparan 20: Bilangan Guna Tenaga Pegangan Pertanian Pertubuhan Sektor Pertanian, Sabah, 2023



3.9 GAJI & UPAH

Secara keseluruhan, jumlah purata gaji dan upah tahunan sektor pertanian pada tahun 2023 negeri Sabah adalah RM20,475 setahun. Bagi pegangan pertanian individu, purata gaji dan upah tahunan yang dicatatkan adalah RM21,812 setahun. Manakala, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertanian pertubuhan dicatatkan adalah sebanyak RM19,860 setahun.

Paparan 21: Purata Gaji & Upah Tahunan mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



3.10 GUNA TENAGA DAN GAJI & UPAH MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Bagi sektor pertanian pada 2023, lima daerah pentadbiran teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Tawau (34,367 orang), Kinabatangan (33,081 orang), Lahad Datu (31,724 orang), Beluran (26,452 orang) dan Sandakan (23,410 orang) bagi Sabah. Dari segi purata gaji dan upah tahunan, daerah pentadbiran teratas ialah Telupid (RM25,911), Semporna (RM24,197), Keningau (RM23,627), Tawau (RM22,892) dan Kuala Penyu (RM21,090).

Paparan 22: Lima Daerah Pentadbiran Utama mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Sektor Pertanian, Sabah, 2023

BILANGAN GUNA TENAGA

SABAH 281,116 orang

- **Tawau** 34,367 orang
- **Kinabatangan** 33,081 orang
- **Lahad Datu** 31,724 orang
- **Beluran** 26,452 orang
- **Sandakan** 23,410 orang

PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN


SABAH RM20,475

- **Telupid** RM25,911
- **Semporna** RM24,197
- **Keningau** RM23,627
- **Tawau** RM22,892
- **Kuala Penyu** RM21,090

Bagi pegangan individu pada 2023, lima (5) daerah pentadbiran teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Tawau (16,710 orang), Semporna (14,068 orang), Ranau (12,824 orang), Lahad Datu (11,215 orang) dan Beluran (9,895 orang).

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu, lima daerah pentadbiran teratas ialah Kinabatangan (RM30,438), Beluran (RM28,447), Tawau (RM27,335), Telupid (RM25,999) dan Semporna (RM25,666).


Paparan 23: Lima Daerah Pentadbiran Utama mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Individu Sektor Pertanian, Sabah, 2023



Bagi pegangan pertubuhan pada 2023, lima daerah pentadbiran teratas mengikut bilangan guna tenaga ialah Kinabatangan (25,554 orang), Lahad Datu (20,509 orang), Tawau (17,657 orang), Beluran (16,557 orang) dan Sandakan (15,137 orang).

Dari segi purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan, lima daerah pentadbiran teratas ialah Tongod (RM26,546), Putatan (RM25,814), Telupid (RM24,552), Kota Belud (RM23,801) dan Keningau (RM23,402).

Paparan 24: Lima Daerah Pentadbiran Utama mengikut Bilangan Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Sektor Pertanian, Sabah, 2023



4.0 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN, SABAH

4.1 PENGENALAN

Subsektor Tanaman merupakan salah satu komponen teras dalam sektor pertanian yang memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi luar bandar, memperkukuh keterjaminan makanan serta menyokong kelestarian bekalan makanan negeri Sabah. Subsektor ini merangkumi dua kumpulan utama iaitu tanaman kekal dan tanaman tidak kekal, masing-masing memberikan sumbangan yang signifikan kepada hasil pengeluaran, nilai ekonomi, dan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat tani setempat.

Tanaman kekal melibatkan komoditi jangka panjang seperti kelapa sawit, getah, koko, nanas, lada dan pelbagai jenis buah-buahan. Tanaman ini secara amnya diusahakan dalam skala yang lebih besar dan berorientasikan pasaran, menjadikannya tunjang kepada eksport dan pembangunan industri hiliran di Sabah.

Dalam masa yang sama, tanaman tidak kekal seperti padi, sayur-sayuran, tembakau dan pelbagai tanaman makanan lain yang mempunyai kitaran hayat pendek memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan harian masyarakat serta sebagai sumber pendapatan utama kepada ribuan petani kecil di kawasan luar bandar.


Secara keseluruhannya, penemuan daripada Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Subsektor Tanaman di Sabah mempunyai struktur yang kukuh dan mempunyai potensi yang tinggi. Tanaman kekal menyumbang secara signifikan kepada eksport dan pendapatan negeri menerusi pasaran komoditi berskala besar, manakala tanaman tidak kekal pula menampung keperluan makanan rakyat dan pendapatan petani kecil. Jumlah pengeluaran dan nilai jualan bagi kedua-dua kumpulan tanaman ini memberikan asas kukuh kepada pelaksanaan dasar bersasar, pembangunan infrastruktur pertanian yang lebih menyeluruh, dan pelaksanaan strategi agropolitan yang mampan di majoriti daerah di Sabah. Kombinasi kekuatan ini meletakkan sektor tanaman sebagai teras utama dalam hala tuju pembangunan pertanian yang berdaya tahan, inklusif dan berimpak tinggi di negeri Sabah.

4.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan jumlah pegangan pertanian bagi Subsektor Tanaman di Sabah adalah 141,127 pegangan pertanian yang meliputi 138,744 pegangan pertanian individu dan 2,383 pegangan pertanian pertubuhan.

Dari segi perspektif aktiviti tanaman, lima aktiviti yang mempunyai pegangan pertanian individu paling ramai ialah penanaman getah, penanaman kelapa sawit, penanaman buah-buahan, penanaman sayur-sayuran dan penanaman padi. Manakala, bagi pegangan pertanian pertubuhan, penanaman kelapa sawit mencatatkan pegangan pertanian paling tinggi iaitu 2,283 pertubuhan.

Carta 4: Bilangan Pegangan Pertanian mengikut Aktiviti Penanaman di Sabah




4.2.1 Kewarganegaraan

Dari status kewarganegaraan, pegangan pertanian individu bagi warganegara merekodkan 135,913 (98.0%) berbanding pegangan pertanian individu bagi bukan warganegara yang merekodkan 2,831 (2.0%).

Melihat dari perspektif daerah bagi komposisi warganegara, daerah Kunak, Semporna, Tawau dan Kalabakan mencatatkan komposisi di bawah 95.0 peratus. Manakala Kalabakan merekodkan komposisi bukan warganegara tertinggi iaitu 58.1 peratus.

Paparan 25: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Sabah, 2023



Warganegara

135,913 (98.0%)



Bukan Warganegara

2,831 (2.0%)

4.2.2 Jantina

Jumlah pegangan pertanian individu bagi Subsektor Tanaman terdiri daripada 99,133 orang lelaki (71.5%) dan 39,611 orang perempuan (28.5%). Daripada persepktif pegangan pertanian lelaki mengikut daerah, Tawau merekodkan komposisi tertinggi iaitu 79.0 peratus, diikuti oleh Tongod (78.0%) dan Keningau (77.6%). Manakala, daerah Kota Belud merekodkan komposisi tertinggi bagi pegangan pertanian perempuan iaitu 39.2 peratus, diikuti oleh Kuala Penyu (37.3%) dan Sipitang (34.9%).

Paparan 26: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Sabah, 2023



Lelaki

99,133 (71.5%)



Perempuan


39,611 (28.5%)

4.2.3 Kumpulan Umur

Seramai 53,638 orang atau 38.7 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas. Manakala, seramai 47,702 orang (34.4%) individu yang berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti 32,991 orang (23.8%) daripada kumpulan umur 31 hingga 45 tahun dan 4,368 orang (3.1%) daripada kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Bagi pegangan pertanian individu berumur 60 tahun dan ke

atas mengikut daerah, Beaufort mencatatkan komposisi tertinggi dengan 54.9 peratus, diikuti Sandakan (50.7%) dan Kuala Penyu (50.1%). Manakala, daerah Kalabakan mendahului pegangan pertanian individu berumur 15 hingga 30 tahun dengan 21.2 peratus, diikuti Nabawan (6.7%), Tawau (6.1%) dan Kinabatangan (5.2%).

Paparan 27: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Sabah, 2023



15 - 30 tahun	31 - 45 tahun	46 - 59 tahun	60 tahun ke atas
4,368 (3.1%)	32,991 (23.8%)	47,702 (34.4%)	53,638 (38.7%)

4.2.4 Kumpulan Etnik

Bumiputera merupakan etnik yang mendominasi pegangan pertanian individu Subsektor Tanaman dengan 130,353 orang atau 95.9 peratus, diikuti Cina (4,821 orang; 3.5%), etnik lain-lain (650 orang; 0.5%) dan India (89 orang; 0.1%).

Paparan 28: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Sabah, 2023




Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain
130,353 (95.9%)	4,821 (3.5%)	89 (0.1%)	650 (0.5%)

4.2.5 Taraf Perkahwinan

Dari segi taraf perkahwinan, majoriti pegangan pertanian individu adalah berkahwin iaitu seramai 114,657 orang (82.9%). Manakala, yang berstatus balu/duda seramai 11,093 (8.0%). Pegangan pertanian individu yang berstatus tidak pernah berkahwin pula adalah seramai 10,267 orang (7.4%) dan seterusnya yang berstatus bercerai/berpisah adalah seramai 2,319 orang (1.7%).


Paparan 29: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Sabah, 2023



4.2.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Melihat kepada sijil tertinggi diperoleh, seramai 47,141 orang atau 34.2 peratus daripada pegangan pertanian individu Subsektor Tanaman didapati Tiada Sijil, diikuti memiliki sijil di peringkat Menengah (43,397 orang; 31.5%) dan sijil di peringkat Rendah (39,248 orang; 28.5%). Manakala, pegangan pertanian individu yang memiliki sijil di peringkat Tertiari merekodkan 7,884 orang (5.7%).


Paparan 30: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Sabah, 2023



4.3 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam pada 2023 di Sabah adalah 1,781.3 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 75.6 peratus atau 1,346.1 ribu hektar merupakan keluasan bertanam yang diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, keluasan bertanam pegangan pertanian individu hanya meliputi 24.4 peratus atau 435.2 ribu hektar.

Paparan 31: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023




Dari perspektif aktiviti tanaman, penanaman kelapa sawit merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 1,509.2 ribu hektar (84.7%) ini diikuti penanaman getah dengan keluasan bertanam 219.7 ribu hektar (12.3%), dan penanaman buah-buahan mencatatkan 19.2 ribu hektar (1.1%) keluasan bertanam.

4.4 KELUASAN BERTUAI

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan jumlah keluasan bertuai bagi Subsektor Tanaman adalah 1,578.2 ribu hektar yang meliputi 408.5 ribu hektar keluasan bertuai pegangan pertanian individu dan 1,169.7 ribu hektar keluasan bertuai pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 32: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Sabah, 2023



Daripada keseluruhan keluasan bertuai tersebut, penanaman kelapa sawit merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 1,334.2 ribu hektar, diikuti dengan penanaman getah, 196.5 ribu hektar. Kedua-dua aktiviti ini meliputi 97.0 peratus daripada keluasan bertuai di Sabah. Merujuk kepada daerah, Kinabatangan mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 285.4 ribu hektar (18.1%). Ini diikuti oleh Lahad Datu, 230.1 ribu hektar (14.6%), Tawau dengan 216.2 ribu hektar (13.7%), Beluran dengan 200.1 ribu hektar (12.7%) dan Sandakan dengan 158.1 ribu hektar (10.0%). Secara keseluruhannya, kelima-lima daerah ini menyumbang 69.1 peratus kepada jumlah keluasan bertuai bagi Subsektor Tanaman.

4.5 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023 berjumlah 22.9 juta tan metrik. Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 22.4 juta tan metrik (98.0%), diikuti buah-buahan, 140.2 ribu tan metrik (0.6%) dan getah, 85.8 ribu tan metrik (0.4%).

Paparan 33: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Sabah, 2023



Kuantiti Pengeluaran

22.9 juta tan metrik

Paparan 34: Tiga Jenis Tanaman Teratas mengikut Kuantiti Pengeluaran, Sabah, 2023



Kelapa Sawit

22.4 juta tan metrik



Buah-Buahan

140.2 ribu tan metrik



Getah

85.8 ribu tan metrik

Di peringkat daerah, Kinabatangan mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 4.9 juta tan metrik (21.4%), diikuti Lahad Datu, 3.9 juta tan metrik (17.0%) dan Tawau, 3.6 juta tan metrik (15.7%). Jumlah kuantiti pengeluaran bagi ketiga-tiga daerah ini meliputi 54.1 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023.

Paparan 35: Tiga Daerah Pentadbiran Utama bagi Kuantiti Pengeluaran,Subsektor Tanaman, Sabah, 2023

		Kuantiti Pengeluaran	Sumbangan %
1	Kinabatangan	4.9 juta tan metrik	21.4%
2	Lahad Datu	3.9 juta tan metrik	17.0%
3	Tawau	3.6 juta tan metrik	15.7%

4.6 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, kuantiti jualan bagi Subsektor Tanaman secara keseluruhannya merekodkan 22.8 juta tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM20.59 bilion (Paparan 35). Kelapa sawit merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM18.92 bilion atau 91.9 peratus daripada nilai jualan Subsektor Tanaman, diikuti getah, RM492.4 juta (2.4%) dan buah-buahan, RM477.7 juta (2.3%).

Paparan 36: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan

22.8 juta tan metrik



Nilai Jualan

RM20.59 bilion


Kinabatangan mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi Subsektor Tanaman iaitu 4.9 juta tan metrik (21.5%), diikuti oleh Lahad Datu 3.9 juta tan metrik (17.1%) dan Tawau 3.6 juta tan metrik (15.8%). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 54.4 peratus kepada keseluruhan kuantiti jualan bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023. Dari perspektif daerah bagi komposisi nilai jualan, Kinabatangan mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu 20.1 peratus, diikuti oleh Lahad Datu dengan sumbangan

16.2 peratus dan Tawau menyumbang 15.1 peratus. Ketiga-tiga daerah ini secara kumulatif menyumbang 51.4 peratus atau RM10.59 bilion kepada keseluruhan nilai jualan bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023.

4.7 PENDAPATAN

Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM23.43 bilion. Daripada jumlah subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM4.67 bilion (19.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM18.76 bilion (80.1%).


Paparan 37: Pendapatan Subsektor Tanaman, Sabah, 2023



4.8 PERBELANJAAN

Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM7,111.81 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini, pegangan pertanian individu menyumbang RM1,692.11 juta (23.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM5,419.70 juta (76.2%).

Paparan 38: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Sabah, 2023




4.9 TANAMAN KELAPA SAWIT

4.9.1 Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa 34,592 pegangan pertanian yang terlibat dalam tanaman kelapa sawit direkodkan di Sabah. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu adalah 32,309 (93.4%) dan 2,283 (6.6%) lagi merupakan pegangan pertanian pertubuhan. (Paparan 38). Lima daerah utama yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi, iaitu daerah Tawau mendahului 4,363 pegangan pertanian (12.6%), diikuti oleh Beluran (3,762; 10.9%), Lahad Datu (3,734; 10.8%), Kinabatangan (3,199; 9.2%) dan Keningau (3,195; 9.2%). Daerah-daerah ini menunjukkan penyertaan yang aktif daripada pekebun kecil dan pengusaha ladang dalam kegiatan ekonomi berasaskan komoditi khususnya di kawasan pantai timur dan luar bandar Sabah yang sesuai daripada segi bentuk muka bumi dan struktur tanah.

Paparan 39: Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023



Paparan 40: Lima Daerah Pentadbiran Utama Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023

		Bilangan Pegangan Pertanian	Sumbangan
1	Tawau	4,363 pegangan pertanian	12.6%
2	Beluran	3,762 pegangan pertanian	10.9%
3	Lahad Datu	3,734 pegangan pertanian	10.8%
4	Kinabatangan	3,199 pegangan pertanian	9.2%
5	Keningau	3,195 pegangan pertanian	9.2%

4.9.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keseluruhan keluasan bertanam kelapa sawit yang direkodkan bagi negeri Sabah adalah 1,509.2 ribu hektar. Kinabatangan merupakan daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar dengan 335.2 ribu hektar, bersamaan 22.2 peratus daripada jumlah keluasan bertanam kelapa sawit di Sabah. Ini diikuti oleh Lahad Datu dengan 268.9 ribu hektar (17.8%), Tawau 228.1 ribu hektar (15.1%), Beluran 224.8 ribu hektar (14.9%) dan Sandakan 178.6 ribu hektar (11.8%) (Paparan 40). Kelima-lima daerah ini meliputi 81.9 peratus daripada keluasan bertanam tanaman sawit Sabah yang mencerminkan dominasi aktiviti penanaman kelapa sawit secara besar-besaran di kawasan berpotensi tinggi daripada segi tanah, aksesibiliti dan pelaburan ladang.

Paparan 41: Keluasan Bertanam bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023


Keluasan Bertanam	
1,509.2 ribu hektar	
1	Kinabatangan 335.2 ribu hektar
2	Lahad Datu 268.9 ribu hektar
3	Tawau 228.1 ribu hektar
4	Beluran 224.8 ribu hektar
5	Sandakan 178.6 ribu hektar

4.9.3 Keluasan Bertuai

Jumlah keluasan bertuai bagi tanaman sawit di Sabah merekodkan 1,334.2 ribu hektar. Daerah Kinabatangan mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 284.6 ribu hektar (21.3%), diikuti oleh Lahad Datu 229.0 ribu hektar, Tawau 213.6 ribu hektar, Beluran 196.9 ribu hektar dan Sandakan 157.2 ribu hektar.



Paparan 42: Keluasan Bertuai bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023




1	Kinabatangan	284.6 ribu hektar
2	Lahad Datu	229.0 ribu hektar
3	Tawau	213.6 ribu hektar
4	Beluran	196.9 ribu hektar
5	Sandakan	157.2 ribu hektar

4.9.4 Kuantiti Pengeluaran

Jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran kelapa sawit di Sabah merekodkan 22.4 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, daerah Kinabatangan menyumbang kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 4.9 juta tan metrik (21.7%), diikuti oleh Lahad Datu 3.9 juta tan metrik, Tawau 3.6 juta tan metrik, Beluran 3.3 juta tan metrik, dan Sandakan 2.7 juta tan metrik.

Paparan 43: Kuantiti Pengeluaran bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023



		Kuantiti Pengeluaran	Sumbangan
1	Kinabatangan	4.9 juta tan metrik	21.7%
2	Lahad Datu	3.9 juta tan metrik	17.4%
3	Tawau	3.6 juta tan metrik	16.0%
4	Beluran	3.3 juta tan metrik	14.8%
5	Sandakan	2.7 juta tan metrik	12.0%

4.9.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah kuantiti jualan kelapa sawit di Sabah adalah 22.4 juta tan metrik dengan nilai jualan bernilai RM18.9 bilion. Daerah Kinabatangan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM4.11 bilion (21.8%), diikuti dengan

Lahad Datu (RM3.31 bilion), Tawau (RM3.03 bilion), Beluran (RM2.81 bilion) dan Sandakan (RM2.29 bilion). Kelima-lima daerah ini meliputi 82.3 peratus daripada keseluruhan nilai jualan kelapa sawit di Sabah.

Paparan 44: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023




		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Kinabatangan	RM4.11 bilion	21.8%
2	Lahad Datu	RM3.31 bilion	17.5%
3	Tawau	RM3.03 bilion	16.1%
4	Beluran	RM2.81 bilion	14.9%
5	Sandakan	RM2.29 bilion	12.1%

4.9.6 Pendapatan

Tanaman kelapa sawit merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM20.90 bilion. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM2.46 bilion, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM18.44 bilion. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Beluran (RM354.83 juta), Tawau (RM314.71 juta), Lahad Datu (RM272.34 juta), Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kinabatangan (RM4.27 bilion), Lahad Datu (RM3.36 bilion) dan daerah Tawau (RM3.02 bilion).


Paparan 45: Pendapatan Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023



4.9.7 Perbelanjaan

Tanaman kelapa sawit merekodkan jumlah perbelanjaan RM6.22 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM913.69 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM5.31 bilion bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Beluran (RM124.46 juta), Tawau (RM114.75 juta) dan Lahad Datu (RM99.37 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kinabatangan (RM1.23 bilion), Lahad Datu (RM962.23 juta) dan daerah Tawau (RM869.04 juta).

Paparan 46: Perbelanjaan Tanaman Kelapa Sawit, Sabah, 2023




4.10 TANAMAN GETAH

4.10.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, tanaman getah di negeri Sabah mencatatkan 81,238 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu adalah seramai 81,225 orang (99.98%) dan 13 (0.02%) lagi merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Daerah yang mencatat bilangan pegangan pertanian tertinggi ialah Keningau dengan 9,835 pegangan pertanian atau 12.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian. Ini diikuti Kota Marudu 9,832 (12.1%), Ranau 8,115 (10.0%), Kota Belud 7,452 (9.2%) dan Tenom 6,926 (8.5%).

Paparan 47: Pegangan Pertanian Tanaman Getah, Sabah, 2023




Paparan 48: Lima Daerah Pentadbiran Utama Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Tanaman Getah, Sabah, 2023

		Bilangan Pegangan Pertanian	Sumbangan
1	Keningau	9,835 pegangan pertanian	12.1%
2	Kota Marudu	9,832 pegangan pertanian	12.1%
3	Ranau	8,115 pegangan pertanian	10.0%
4	Kota Belud	7,452 pegangan pertanian	9.2%
5	Tenom	6,926 pegangan pertanian	8.5%

4.10.2 Keluasan Bertanam

Dari segi keluasan bertanam, tanaman getah di Sabah merekodkan jumlah keseluruhan seluas 219.7 ribu hektar. Daerah Keningau mencatat keluasan bertanam terbesar dengan 37.4 ribu hektar atau 17.0 peratus daripada keseluruhan negeri. Daerah lain yang turut mencatat keluasan yang besar termasuk Kota Marudu dengan 22.7 ribu hektar (10.3%), Tenom 21.5 ribu hektar (9.8%), Ranau 16.8 ribu hektar (7.6%) serta Kota Belud 14.8 ribu hektar (6.7%).


Paparan 49: Keluasan Bertanam bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Getah, Sabah, 2023



4.10.3 Keluasan Bertuai

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa 89.4 peratus daripada keluasan bertanam tanaman getah di Sabah atau 196.5 ribu hektar merupakan keluasan tanaman bertuai. Keningau merupakan daerah yang mempunyai keluasan bertuai tertinggi dengan 35.4 ribu hektar atau 18.0 peratus daripada jumlah keluasan bertuai getah di Sabah. Ini diikuti oleh Kota Marudu 21.8 ribu hektar (11.1%), Tenom 20.7 ribu hektar (10.5%), Ranau 15.2 ribu hektar (7.7%), dan Kota Belud 13.4 ribu hektar (6.8%).


Paparan 50: Keluasan Bertuai bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Getah, Sabah, 2023



4.10.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran getah di Sabah bagi tahun 2023 merekodkan 85.8 ribu tan metrik. Lima daerah utama yang menyumbang kepada kuantiti pengeluaran tertinggi adalah Keningau 16.0 ribu tan metrik (18.7%), Pitas 10.0 ribu tan metrik (11.7%), Tenom 9.9 ribu tan metrik (11.5%), Kudat 9.5 ribu tan metrik (11.1%) dan Kota Marudu 6.1 ribu tan metrik (7.1%).

Paparan 51: Kuantiti Pengeluaran bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Getah, Sabah, 2023



		Kuantiti Pengeluaran	Sumbangan
1	Keningau	16.0 ribu tan metrik	18.7%
2	Pitas	10.0 ribu tan metrik	11.7%
3	Tenom	9.9 ribu tan metrik	11.5%
4	Kudat	9.5 ribu tan metrik	11.1%
5	Kota Marudu	6.1 ribu tan metrik	7.1%

4.10.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Jumlah kuantiti jualan tanaman getah yang direkodkan adalah sama seperti jumlah pengeluaran iaitu 85.8 ribu tan metrik yang bernilai RM492.43 juta. Daerah Keningau mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM117.03 juta (23.8%), diikuti oleh Pitas RM66.96 juta (13.6%), Kudat RM61.60 juta (12.5%), Tongod RM49.66 juta (10.1%) dan Kota Marudu RM27.08 juta (5.5%).

Paparan 52: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Lima Daerah Pentadbiran, Tanaman Getah, Sabah, 2023




		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Keningau	RM117.03 juta	23.8%
2	Pitas	RM66.96 juta	13.6%
3	Kudat	RM61.60juta	12.5%
4	Tongod	RM49.66 juta	10.1%
5	Kota Marudu	RM27.08 juta	5.5%

4.10.6 Pendapatan

Tanaman Getah merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM929.40 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM143.13 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Pitas (RM100.51 juta), Keningau (RM99.94 juta), dan Kota Marudu (RM86.99 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Keningau (RM82.22 juta), Tongod (RM38.07 juta) dan Nabawan (RM15.06 juta).

Paparan 53: Pendapatan Tanaman Getah, Sabah, 2023



4.10.7 Perbelanjaan

Tanaman Getah merekodkan jumlah perbelanjaan RM266.03 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM213.07 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM52.95 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Pitas (RM31.96 juta), Kudat (RM29.72 juta) dan Keningau (RM26.57 juta). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan tertinggi pula adalah Keningau (RM29.59 juta), Tongod (RM13.70 juta) dan Nabawan (RM6.81 juta).

Paparan 54: Perbelanjaan Tanaman Getah, Sabah, 2023




4.11 TANAMAN BUAH – BUAHAN

4.11.1 Pegangan Pertanian

Merujuk pada dapatan Banci Pertanian 2024, sejumlah 15,308 pegangan pertanian bagi tanaman buah-buahan direkodkan di seluruh negeri Sabah. Daerah Tuaran mencatat bilangan tertinggi iaitu 2,156 pegangan (14.1%), diikuti oleh Tawau (2,010 pegangan, 13.1%), Ranau (1,945 pegangan, 12.7%), Sipitang (1,140 pegangan, 7.4%), dan Kota Marudu (840 pegangan, 5.5%). Lima daerah ini menyumbang lebih 52.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian bagi tanaman buah-buahan di Sabah, menunjukkan tumpuan aktiviti pekebun kecil buah-buahan di kawasan luar bandar dan sub-bandar.


Paparan 55 : Pegangan Pertanian Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023



4.11.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keluasan bertanam buah-buahan adalah 19.2 ribu hektar, dengan daerah Ranau mencatat keluasan bertanam terbesar iaitu 2,550.5 hektar (12.5%), diikuti oleh Kota Belud (1.9 ribu hektar, 9.2%), Tenom (1.8 ribu hektar, 9.0%), Sipitang (1.8 ribu hektar, 8.7%), dan Tuaran (1.7 ribu hektar, 8.4%). Taburan luas ini menunjukkan kawasan-kawasan pertanian utama dengan potensi pengembangan tinggi untuk tanaman buah-buahan. Lima daerah ini menyumbang lebih 5.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian bagi tanaman buah-buahan di Sabah, menunjukkan tumpuan aktiviti pekebun kecil buah-buahan di kawasan luar bandar dan sub-bandar.


Paparan 56: Keluasan Bertanam bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023



4.11.3 Keluasan Bertuai

Daripada keseluruhan kawasan bertanam, 16.0 ribu hektar merupakan Kawasan dituai, bersamaan 83.1 peratus kadar bertuai. Daerah yang mencatat keluasan bertuai terbesar ialah Ranau (2.4 ribu hektar, 14.1%), Kota Belud (1.6 ribu hektar; 9.5%), Sipitang (1.6 ribu hektar, 9.3%), Tuaran (1.5 ribu hektar, 8.8%), dan Tawau (1.4 ribu hektar, 8.3%).


Paparan 57: Keluasan Bertuai bagi Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023



4.11.4 Kuantiti Pengeluaran

Jumlah pengeluaran buah-buahan di Sabah adalah 140.2 ribu tan metrik dengan Kota Belud merupakan merupakan daerah pengeluar utama Sabah dengan 16.2 ribu tan metrik (16.3%). Ini diikuti oleh Sipitang (15.8 ribu tan metrik, 11.2%), Tawau (15.3 ribu tan metrik, 10.9%), Tenom (12.5 ribu tan metrik, 8.9%) dan Ranau (9.5 ribu tan metrik, 6.7%). Ini menunjukkan gabungan antara keluasan dan produktiviti tinggi di kawasan- kawasan yang terlibat.

Paparan 58: Kuantiti Pengeluaran bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Buah-Buahan,Sabah, 2023



4.11.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

108.9 ribu tan metrik buah-buahan dijual daripada keseluruhan pengeluaran, dengan kadar jualan 80.4 peratus. Daerah yang mencatat kuantiti jualan tertinggi ialah Kota Belud (13.2 ribu tan metrik, 10.2%), diikuti oleh Tawau (11.9 ribu tan metrik, 10.9%), Sipitang (11.9 ribu tan metrik, 10.9%), Tenom (10.1 ribu tan metrik, 9.3%) dan Ranau (7.4 ribu tan metrik, 6.8%). Nilai jualan bagi tanaman buah-buahan di Sabah mencecah RM477.71 juta. Sipitang mencatat nilai jualan tertinggi RM66.98 juta (14.0%), diikuti oleh Kota Belud (RM49.69 juta, 10.4%), Tawau (RM46.72 juta, 9.8%), Ranau (RM42.26 juta, 8.8%) dan Tuaran (RM29.20 juta, 6.1%).

Paparan 59: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023


		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Sipitang	RM66.98 juta	14.0%
2	Kota Belud	RM49.69 juta	10.4%
3	Tawau	RM46.72 juta	9.8%
4	Ranau	RM42.26 juta	8.8%
5	Tuaran	RM29.20 juta	6.1%



4.11.6 Pendapatan

Tanaman Buah-Buahan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM759.81 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM29.90 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Sipitang (RM161.64 juta), Kota Belud (RM71.50 juta), dan Ranau (RM97.28 juta), Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Penampang (RM17.99 juta), Tenom (RM3.58 juta) dan Keningau (RM2.89 juta).

Paparan 60: Pendapatan Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023



4.11.7 Perbelanjaan

Tanaman Buah-Buahan merekodkan jumlah perbelanjaan RM309.66 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM295.16 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM14.49 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Sipitang (RM69.66 juta), Ranau (RM43.18 juta) dan Kota Belud (RM42.47 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Penampang (RM9.06 juta), Tenom (RM1.60 juta) dan Keningau (RM1.52 juta).

Paparan 61: Perbelanjaan Tanaman Buah-Buahan, Sabah, 2023



4.12 TANAMAN PADI


4.12.1 Pesawah Di Sabah 2023

Hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan seramai 24,787 orang pesawah yang merangkumi pegangan pertanian individu, pesawah sara diri dan pesawah tidak aktif, serta lapan pertubuhan terlibat dalam aktiviti penanaman padi di Sabah. Seramai 19,199 merupakan pesawah aktif yang melaksanakan aktiviti penanaman padi pada tahun 2023 manakala 5,588 pesawah melaporkan tidak menjalankan aktiviti tersebut bagi tahun yang sama. Dalam kalangan pesawah aktif, terdapat seramai 6,760 pesawah yang menanam padi bagi tujuan jualan dikenali sebagai pegangan pertanian individu tanaman padi, manakala 12,439 pesawah merupakan pesawah yang menanam padi untuk kegunaan sendiri atau sara diri. Selain pegangan pertanian individu, terdapat lapan pertubuhan yang turut melaksanakan aktiviti penanaman padi. Secara keseluruhan, pegangan pertanian tanaman padi di Sabah berjumlah 6,768 pada tahun 2023.

4.12.2 Pegangan Pertanian

Jumlah pegangan pertanian untuk tanaman padi di Sabah adalah 6,768 pegangan pertanian. Lima daerah yang merekodkan bilangan pegangan pertanian yang tertinggi adalah Kota Belud dengan 2,933 pegangan pertanian (43.3%), diikuti oleh Keningau dengan 678 pegangan pertanian (10.0%), Kota Marudu 668 pegangan pertanian (9.9%), Tambunan 667 pegangan pertanian (9.9%) dan Ranau 412 pegangan pertanian (6.1%).


Paparan 62: Pegangan Pertanian Tanaman Padi, Sabah, 2023



4.12.3 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam padi di Sabah pada 2023 adalah seluas 12.9 ribu hektar, dengan 12.7 ribu hektar atau 98.8 peratus diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 151.4 hektar atau 1.2 peratus diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Kota Belud mencatatkan keluasan tertinggi iaitu 7.8 ribu hektar, yang mewakili kira-kira 60.6% daripada keseluruhan keluasan bertanam padi di Sabah. Ini diikuti oleh daerah Kota Marudu dengan 1.5 ribu hektar (11.5%) dan Keningau dengan 847.9 hektar (6.6%). Selain itu, Tambunan dan Papar masing-masing merekodkan 432.3 hektar (3.4%) dan 364.4 hektar (2.8%).

Paparan 63: Keluasan Bertanam bagi Lima Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Padi, Sabah, 2023




4.12.4 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai untuk aktiviti tanaman padi di Sabah pada tahun 2023 adalah seluas 12.8 ribu hektar. Kota Belud mencatatkan keluasan bertuai tertinggi dengan 7.8 ribu hektar (60.7%). Ini diikuti oleh Kota Marudu dengan 1.5 ribu hektar (11.5%) dan Keningau 847.0 hektar (6.6%).




Paparan 64: Keluasan Bertuai bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Padi, Sabah, 2023



4.12.5 Kuantiti Pengeluaran

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, jumlah keseluruhan pengeluaran padi di Sabah adalah 58.5 ribu tan metrik. Kota Belud merupakan daerah utama pengeluar padi di Sabah dengan pengeluaran 36.7 ribu tan metrik dan sumbangan 62.7 peratus. Manakala daerah utama lain, Kota Marudu meliputi 9.9 peratus dengan pengeluaran 5.8 ribu tan metrik, disusuli Keningau merekodkan 4.1 ribu tan metrik, seterusnya merangkumi 7.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran padi Sabah.

Paparan 65: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Padi, Sabah, 2023




4.12.6 Kuantiti dan Nilai Jualan

Penemuan Banci Pertanian 2024 mendapati kuantiti jualan padi di Sabah direkodkan 45.4 ribu tan metrik, dengan nilai jualan berjumlah RM56.74 juta pada tahun 2023. Sejajar sebagai daerah utama pengeluar padi di Sabah, nilai jualan padi di Kota Belud telah meliputi 69.4 peratus daripada jualan padi negeri, mencatatkan kuantiti jualan sejumlah 31.2 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM39.39 juta. Sementara itu, Kota Marudu merekodkan kuantiti jualan padi di kedudukan kedua teratas dengan 4.8 ribu tan metrik (nilai jualan: RM5.97 juta). Kuantiti jualan di

Keningau pula dicatatkan 3.1 ribu tan metrik (nilai jualan: RM3.98 juta) manakala Beluran merekodkan kuantiti jualan 973 tan metrik (nilai jualan: RM1.21 juta). Secara keseluruhan, jumlah sumbangan keempat-empat daerah tersebut telah merangkumi 89.1 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan padi Sabah pada tahun 2023.

Paparan 66: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Empat Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Padi, Sabah, 2023




		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Kota Belud	RM39.39 juta	69.4%
2	Kota Marudu	RM5.97 juta	10.5%
3	Keningau	RM3.98 juta	7.0%
4	Beluran	RM1.21 juta	2.1%

4.12.7 Pendapatan

Tanaman Padi mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM80.74 juta pada tahun 2023. Selain itu, pegangan pertanianpertubuhan pula merekodkan RM1.94 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Kota Belud (RM48.89 juta), Kota Marudu (RM7.86 juta), dan Keningau (RM6.33 juta), Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Keningau (RM1.26 juta).

Paparan 67: Pendapatan Tanaman Padi, Sabah, 2023



4.12.8 Perbelanjaan

Tanaman Padi merekodkan jumlah perbelanjaan RM33.87 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM32.28 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM1.59 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Kota Belud (RM19.99 juta), Kota Marudu (RM3.82 juta) dan Keningau (RM2.03 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Keningau (RM1.18 juta), Kota Kinabalu (RM0.16 juta) dan Papar (RM0.14 juta).

Paparan 68: Perbelanjaan Tanaman Padi, Sabah, 2023




4.13 TANAMAN SAYUR – SAYURAN

4.13.1 Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa 8,069 pegangan pertanian yang terlibat dalam tanaman sayur-sayuran pada tahun 2023 di Sabah. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu adalah seramai 8,027 orang (99.5%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 42 pertubuhan (0.5%). Tiga daerah yang mencatatkan pegangan pertanian tertinggi adalah Ranau dengan 2,010 pegangan pertanian (24.9%), diikuti Tawau, 1,554 pegangan pertanian (19.3%); dan Kalabakan, 381 pegangan pertanian (4.7%).

Paparan 69: Pegangan Pertanian Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023




4.13.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman sayur-sayuran di Sabah adalah 5.9 ribu hektar. Keluasan bertanam bagi pegangan pertanian individu mendominasi dengan 5.6 ribu hektar (94.9%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan yang mencatatkan 302 hektar (5.1%).

Ranau mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar dengan 2.4 ribu hektar (40.1%). Ini diikuti Tawau, 502.2 hektar (8.5%) dan Penampang, 280.2 hektar (4.7%).

Paparan 70: Keluasan Bertanam bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023




4.13.3 Keluasan Bertuai

Jumlah keluasan bertuai bagi tanaman sayur-sayuran adalah 5.5 ribu hektar. Keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah 5.2 ribu hektar (94.4%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan yang memiliki 300.2 hektar (5.5%).

Ranau mencatatkan jumlah keluasan bertuai tertinggi, iaitu 2.3 ribu hektar (42.6%), diikuti dengan Tawau, 431.6 hektar (7.9%) dan Penampang, 266.7 hektar (4.9%). Dari perspektif pegangan pertanian individu, Ranau mempunyai keluasan bertuai tertinggi dengan 2.1 ribu hektar, diikuti dengan Tawau, 427.9 hektar dan Penampang, 258.2 hektar. Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Ranau mencatatkan keluasan bertanam tertinggi dengan keluasan 198 hektar, diikuti dengan Kota Kinabalu, 55.9 hektar dan Tambunan, 19.7 hektar.

Paparan 71: Keluasan Bertuai bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023



4.13.4 Kuantiti Pengeluaran

Bagi tanaman sayur-sayuran, jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 adalah 65.2 ribu tan metrik dengan pegangan pertanian individu menghasilkan 56.6 ribu tan metrik (86.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan kuantiti pengeluaran 8.6 ribu tan metrik (13.2%).

Daerah Ranau merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 34.5 ribu tan metrik (52.9%); diikuti Tuaran, 3.2 ribu tan metrik (5.0%); dan Penampang, 2.8 ribu tan metrik (4.3%).

Paparan 72: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023



4.13.5 Kuantiti dan Nilai Jualan


Berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024, kuantiti jualan tanaman sayur-sayuran Sabah direkodkan 63.4 tan metrik. Pegangan pertanian individu mencatatkan kuantiti jualan 54.8 ribu tan metrik (86.5%) manakala pegangan pertanian pertubuhan telah merekodkan kuantiti jualan 8.6 ribu tan metrik (13.5%).

Secara keseluruhan, Ranau merupakan penyumbang terbesar kuantiti jualan iaitu 53.4 peratus daripada kuantiti jualan tanaman sayur-sayuran atau 33.8 ribu tan metrik diikuti dengan Tuaran (3.2 ribu tan metrik; 5.0%) dan Penampang (2.7 ribu tan metrik; 4.3%). Dari perspektif jenis sayuran, kobis mencatatkan kuantiti jualan tertinggi dengan 18.2 ribu tan metrik (29.5%), diikuti dengan sawi (4.7 ribu metrik; 7.7%) dan daun bawang (4.2 ribu tan metrik; 6.7%).

Nilai jualan bagi penanaman sayur-sayuran direkodkan RM375.83 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan nilai jualan RM330.19 juta (87.9%), berbanding pegangan pertanian pertubuhan RM45.64 juta (12.1%).

Ranau mencatatkan nilai jualan tertinggi RM178.62 juta (47.5%), diikuti oleh Tuaran dengan RM22.58 juta (6.0%) dan Tambunan RM18.56 juta (4.6%). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 58.1 peratus daripada nilai jualan tanaman sayur-sayuran di Sabah pada tahun 2023.

Paparan 73: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023




4.13.6 Pendapatan

Subsektor sayur-sayuran merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM388.22 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan RM334.04 juta, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM54.19 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan

pertanian individu adalah Ranau (RM155.02 juta), Tawau (RM15.48 juta) dan Penampang (RM14.53 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, daerah Ranau turut merekodkan pendapatan tertinggi RM32.29 juta, diikuti Tambunan (RM12.82 juta) dan Kota Kinabalu (RM4.49 juta).

Paparan 74: Pendapatan Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023



4.13.7 Perbelanjaan

Subsektor sayur-sayuran merekodkan jumlah perbelanjaan RM118.00 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM98.30 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM19.70 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Ranau (RM58.juta), Tuaran (RM5.72 juta) dan Membakut (RM4.70 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, daerah Ranau turut merekodkan pendapatan tertinggi RM11.77 juta, diikuti Tambunan (RM4.81 juta) dan Kota Kinabalu (RM1.67 juta).

Paparan 75: Perbelanjaan Tanaman Sayur-Sayuran, Sabah, 2023




4.14 TANAMAN KOKO

4.14.1 Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan 2,220 pegangan pertanian yang terlibat dalam tanaman koko di Sabah. Tanaman ini didominasi pegangan pertanian individu iaitu 99.9 peratus yang melibatkan seramai 2,217 orang pengusaha. Manakala bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan adalah tiga pertubuhan. Daerah Ranau mendominasi aktiviti penanaman koko di Sabah dengan komposisi pegangan pertanian seramai 850 orang (38.3 %). Ini diikuti oleh Keningau dengan 217 pegangan pertanian (9.8%) dan Tambunan dengan 173 pegangan pertanian (7.8%).

Paparan 76: Pegangan Pertanian Tanaman Koko, Sabah, 2023




4.14.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam koko di Sabah adalah seluas 2.8 ribu hektar. Sebanyak 93.1 peratus (2.6 ribu hektar) daripada jumlah keluasan bertanam adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dengan purata keluasan bertanam seluas 1.2 hektar bagi setiap pengusaha. Dapatan ini adalah selari dengan konsep penanaman koko di Sabah sebagai tanaman sampingan, yang mana tanaman ini ditanam secara integrasi dengan tanaman lain terutamanya dengan getah dan kelapa sawit. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 6.8 peratus iaitu 189.4 hektar kepada jumlah keluasan bertanam bagi tanaman koko.

Selari dengan bilangan pegangan pertanian, Ranau menyumbang keluasan bertanam tertinggi 994.3 hektar (35.6%) daripada keseluruhan keluasan bertanam koko Sabah. Ini diikuti oleh Keningau 266.9 hektar (9.7 %) dan seterusnya Tambunan dengan keluasan 198.1 hektar (7.2%).

Paparan 77: Keluasan Bertanam bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Koko, Sabah, 2023




4.14.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai tananam koko di Sabah merekodkan 2.0 ribu hektar iaitu 70.6 peratus daripada keluasan bertanam. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar kawasan penanaman koko telah mencapai tahap matang pada tahun 2023. 1.8 ribu hektar (90.3%) daripada keluasan bertuai tanaman koko didominasi oleh pegangan pertanian individu.

Selari dengan jumlah keluasan bertanam koko di peringkat daerah, Ranau merupakan daerah penyumbang tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai di Malaysia iaitu 20.2% atau dengan keluasan 705.3 hektar. Selain daripada Ranau, daerah lain yang mencatatkan keluasan bertuai tertinggi ialah Keningau (168.8 hektar) dan Tambunan (138.2 hektar).

Paparan 78: Keluasan Bertuai bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Koko, Sabah, 2023




4.14.4 Kuantiti Pengeluaran

Sabah kekal sebagai negeri utama pengeluar koko dengan komposisi 55.5 peratus daripada kuantiti pengeluaran koko negara yang berjumlah 303.2 tan metrik. Aktiviti penanaman koko di Sabah merekodkan kuantiti pengeluaran biji koko 168.4 tan metrik pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mendominasi pengeluaran koko dengan sumbangan 57.2 peratus dengan pengeluaran berjumlah 96.3 tan metrik. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 72.0 tan metrik biji koko dengan sumbangan 42.8 peratus.

Tawau merekodkan kuantiti pengeluaran koko tertinggi di Sabah pada tahun 2023 berjumlah 67.0 tan metrik dengan sumbangan 39.8 peratus kepada keseluruhan keluaran koko negeri. Pengeluaran koko di Tawau didominasi oleh pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya, Ranau mencatatkan kuantiti pengeluaran 44.3 tan metrik dengan sumbangan 26.3 peratus di Sabah. Kedua-dua daerah ini telah menyumbang 36.7 peratus atau 111.3 tan metrik kepada keluaran koko negara.

Paparan 79: Kuantiti Pengeluaran bagi Dua Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Koko, Sabah, 2023




4.14.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, tanaman koko di Sabah merekodkan kuantiti jualan biji koko 145.4 tan metrik dengan menjana nilai jualan RM1.44 juta. Pegangan pertanian individu merupakan penyumbang utama kepada kuantiti jualan dengan 75.9 tan metrik (52.2%) dan mencatatkan nilai jualan RM753.93 ribu (52.1%). Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang nilai jualan RM691.06 ribu (47.9%) dengan kuantiti jualan 69.5 tan metrik (47.8%).

Tawau direkodkan sebagai daerah utama yang menyumbang 23.8 peratus kepada kuantiti jualan biji koko di Malaysia pada

tahun 2023. Dengan kuantiti jualan 64.2 tan metrik, nilai jualan yang dicatatkan ialah RM638.06 ribu atau 44.2 peratus daripada nilai jualan koko Sabah. Seterusnya, Ranau menyumbang 34.8 tan metrik kepada kuantiti jualan koko dengan nilai jualan berjumlah RM345.8 ribu (23.9%).


Paparan 80: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Dua Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Koko, Sabah, 2023



4.14.6 Pendapatan

Subsektor koko merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM7.59 juta. Pegangan pertanian individu mencatatkan jumlah pendapatan RM6.90 juta, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM0.69 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Ranau (RM2.55 juta), Keningau (RM0.70 juta) dan Kota Belud (RM0.56 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, daerah Tawau merekodkan pendapatan tertinggi RM0.63 juta (91.3 peratus).

Paparan 81: Pendapatan Tanaman Koko, Sabah, 2023



4.14.7 Perbelanjaan

Tanaman koko merekodkan jumlah perbelanjaan RM3.04 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM2.56 juta, manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM0.48 juta. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Ranau (RM0.93 juta), Keningau (RM0.26 juta) dan Kota Belud (RM0.21 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, daerah Tawau turut merekodkan pendapatan tertinggi RM0.44 juta (91.7 peratus).

Paparan 82: Perbelanjaan Tanaman Koko, Sabah, 2023



4.15 TANAMAN LADA

4.15.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, 321 pegangan pertanian yang terlibat dalam tanaman lada di Sabah yang didominasi sepenuhnya oleh pegangan pertanian individu. Daerah Tambunan mencatat jumlah pegangan pertanian tertinggi dengan 104 pengusaha, diikuti Keningau 44 pengusaha dan Kota Belud 25 pengusaha.

Paparan 83: Pegangan Pertanian Tanaman Lada, Sabah, 2023




Pegangan Pertanian Individu
321 orang

4.15.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam bagi tanaman lada di Sabah mencatatkan sejumlah 31.4 hektar pada tahun 2023, yang disumbangkan secara keseluruhan oleh pegangan pertanian individu.

Tambunan merupakan daerah yang mempunyai keluasan bertanam tertinggi, iaitu 7.5 hektar. Ini diikuti oleh Keningau dengan keluasan 6.4 hektar dan seterusnya Beaufort dengan keluasan 2.9 hektar.


Paparan 84: Keluasan Bertanam bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Lada, Sabah, 2023



4.15.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai tanaman lada direkodkan seluas 28.3 hektar atau 90.3 peratus daripada keluasan bertanam. Tiga daerah di Sabah yang telah merekodkan keluasan bertuai tertinggi bagi tanaman lada ialah Keningau (6.2 hektar), Tambunan (6.0 hektar) dan Beaufort (3.0 hektar).


Paparan 85: Keluasan Bertuai bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Lada, Sabah, 2023



4.15.4 Kuantiti Pengeluaran

Industri tanaman lada di Sabah merekodkan kuantiti pengeluaran 137.5 tan metrik pada tahun 2023. Daerah Keningau merupakan pengeluar tertinggi tanaman lada dengan jumlah pengeluaran 40.4 tan metrik, diikuti Tambunan (31.4 tan metrik) dan Kota Belud (13.5 tan metrik). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 61.9 peratus daripada kuantiti pengeluaran lada Sabah.

Paparan 86: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Utama, Tanaman Lada, Sabah, 2023



		Kuantiti Pengeluaran	Sumbangan
1	Keningau	40.4 tan metrik	29.3%
2	Tambunan	31.4 tan metrik	22.8
3	Kota Belud	13.5 tan metrik	9.8 %


4.15.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan lada berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 adalah 128.9 tan metrik. Daripada kuantiti jualan tersebut, nilai jualan lada dijana adalah RM2.83 juta.

Keningau direkodkan sebagai daerah utama yang menyumbang 29.4 peratus kepada kuantiti jualan lada di Sabah pada tahun 2023. Dengan kuantiti jualan 38.0 tan metrik, nilai jualan yang dicatatkan ialah RM836.27 ribu. Seterusnya Tambunan, menyumbang 30.0 tan metrik kepada kuantiti jualan lada dengan nilai jualan berjumlah RM660.74 ribu dan Kota Belud pula menyumbang 11.5 tan metrik kepada kuantiti jualan lada RM253.14 ribu. Ketiga - tiga daerah ini menyumbang 61.7 peratus daripada kuantiti dan nilai jualan Sabah.



Paparan 87: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tiga Daerah Utama, Tanaman Lada, Sabah, 2023




		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Keningau	RM836.27 ribu	29.5%
2	Tambunan	RM660.74 ribu	23.3%
3	Kota Belud	RM253.14 ribu	8.9%



4.15.6 Pendapatan

Subsektor tanaman lada merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM3.22 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Keningau (RM873.94 ribu), Tambunan (RM787.25 ribu) dan Kota Belud (RM282.71 ribu).

Paparan 88: Pendapatan Tanaman Lada, Sabah, 2023



4.15.7 Perbelanjaan

Subsektor tanaman lada merekodkan jumlah perbelanjaan RM1.09 juta pada tahun 2023 yang didominasikan sepenuhnya oleh pegangan pertanian individu.

Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Keningau (RM288.45 ribu), Tambunan (RM255.50 ribu) dan Kota Belud (RM170.26 ribu).

Paparan 89: Perbelanjaan Tanaman Lada, Sabah, 2023




4.16 TANAMAN LAIN

4.16.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan jumlah pegangan pertanian bagi Tanaman Lain di Sabah adalah 4,144 pegangan pertanian. Daripada keseluruhan pegangan pertanian, 99.3 peratus atau 3,822 pengusaha adalah pegangan pertanian individu manakala 27 pertubuhan adalah pegangan pertanian pertubuhan (0.7%).

Paparan 90: Pegangan Pertanian Tanaman Lain, Sabah, 2023




Berdasarkan perspektif daerah, Tawau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 811 (21.1%), diikuti dengan Kota Marudu, 547 pegangan pertanian (13.2%) dan Ranau, 506 pegangan pertanian (12.2%). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 46.5 peratus kepada bilangan keseluruhan pegangan pertanian bagi aktiviti Tanaman Lain di Sabah.

4.16.2 Keluasan Bertanam

Jumlah keseluruhan keluasan bertanam bagi Tanaman Lain di Sabah adalah seluas 10.4 ribu hektar. Daerah Nabawan mencatatkan keluasan bertanam tertinggi dengan 2.9 ribu hektar, diikuti oleh Semporna (2.4 ribu hektar) dan Kota Marudu (1.8 ribu hektar).


Paparan 91: Keluasan Bertanam bagi Tiga Daerah Utama, Tanaman Lain, Sabah, 2023



4.16.3 Keluasan Bertuai

Jumlah keseluruhan keluasan bertuai bagi Tanaman Lain di Sabah adalah seluas 10.3 ribu hektar. Daerah Nabawan merupakan daerah yang mempunyai keluasan bertuai tertinggi dengan keluasan 2.9 ribu hektar, menyumbang 28.0 peratus kepada keluasan bertuai Tanaman Lain negeri Sabah, diikuti oleh Semporna (2.4 ribu hektar; 23.6%) dan Kota Marudu (1.8 ribu hektar; 17.3%).


Paparan 92: Keluasan Bertuai bagi Tiga Daerah Utama, Tanaman Lain, Sabah, 2023



4.16.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti Tanaman Lain pada tahun 2023 berjumlah 68.1 ribu tan metrik. Nabawan mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 25.1 ribu tan metrik, diikuti Ranau 10.0 ribu tan metrik dan Kota Marudu 7.5 ribu tan metrik.

Paparan 93: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Lain, Sabah, 2023




		Kuantiti Pengeluaran	Sumbangan
1	Nabawan	25.1 ribu tan metrik	36.9%
2	Ranau	10.0 ribu tan metrik	14.7%
3	Kota Marudu	7.2 ribu tan metrik	10.6%

4.16.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Jumlah keseluruhan kuantiti jualan Tanaman Lain berdasarkan penemuan Banci Pertanian 2024 adalah 67.4 ribu tan metrik. Nabawan, Ranau dan Kota Marudu merupakan tiga daerah yang merekodkan jumlah kuantiti jualan tertinggi di Sabah 39.2 ribu tan metrik (58.2%).

Pada tahun 2023, nilai jualan keseluruhan bagi Tanaman Lain di Sabah adalah RM163.77 juta. Ranau mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM78.93 juta, diikuti oleh Kota Marudu dengan nilai jualan RM15.12 juta dan Nabawan dengan nilai jualan RM13.27 juta.

Paparan 94: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Tanaman Lain, Sabah, 2023




		Nilai Jualan	Sumbangan
1	Ranau	RM78.93 juta	48.2%
2	Kota Marudu	RM15.12 juta	9.23%
3	Nabawan	RM13.27 juta	8.10%

4.16.6 Pendapatan

Subsektor Tanaman Lain merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM175.36 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan pendapatan RM141.43 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM33.92 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Ranau (RM72.17 juta), Kota Marudu (RM18.14 juta) dan Semporna (RM12.2 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Nabawan (RM12.95 juta), Ranau (RM7.62 juta) dan Kota Kinabalu (RM5.66 juta).

Paparan 95: Pendapatan Tanaman Lain, Sabah, 2023



4.16.7 Perbelanjaan

Subsektor Tanaman Lain merekodkan jumlah perbelanjaan RM74.43 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM62.82 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM11.61 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Ranau (RM33.04 juta), Kota Marudu (RM8.69 juta) dan Semporna (RM5.67 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Ranau (RM4.37 juta), Nabawan (RM3.36 juta) dan daerah Kota Kinabalu (RM1.54 juta).

Paparan 96: Perbelanjaan Tanaman Lain, Sabah, 2023



5.0 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN, SABAH

5.1 PENGENALAN

Subsektor Ternakan di Sabah merupakan salah satu komponen penting dalam bidang pertanian yang memainkan peranan besar dalam memastikan bekalan makanan, khususnya sumber protein, serta menjana pendapatan penduduk setempat. Subsektor ini merangkumi pelbagai jenis ternakan dan produk hasil ternakan yang menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Ternakan utama yang diusahakan di Sabah adalah ayam, lembu, babi, kerbau serta beberapa spesies ternakan lain. Hasilan ternakan utama yang dihasilkan adalah telur, susu segar, sarang burung walet dan madu.

Secara keseluruhannya, selaras dengan usaha meningkatkan bekalan makanan dan taraf hidup rakyat, penemuan daripada Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Subsektor Ternakan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan pertanian yang kukuh dan memberi kesan besar kepada sosioekonomi negeri Sabah.

5.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan 2,515 pegangan pertanian telah menjalankan aktiviti dalam Subsektor Ternakan di Sabah pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 95.7 peratus atau 2,408 pegangan merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 4.3 peratus atau 107 pegangan adalah pegangan pertanian pertubuhan. Tiga daerah yang merekodkan bilangan tertinggi

pegangan pertanian ternakan adalah Lahad Datu (363), Kudat (248) dan Beluran (192). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 31.9 peratus daripada keseluruhan pegangan Subsektor Ternakan di Sabah.

Paparan 97: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan, Sabah, 2023



Individu	Pertubuhan	Jumlah
2,408	107	2,515

5.2.1 Kewarganegaraan

Berdasarkan status kewarganegaraan, pegangan pertanian individu bagi warganegara mencatatkan seramai 2,388 orang (99.2%) berbanding pegangan pertanian individu bagi bukan warganegara yang merekodkan 20 orang (0.8%). Melihat dari perspektif komposisi warganegara mengikut daerah, semua daerah mencatatkan lebih daripada 97.0 peratus kecuali daerah Semporna dengan komposisi 92.9 peratus.

Paparan 98: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kewarganegaraan, Sabah, 2023



Warganegara	Bukan warganegara
2,388	20
(99.2%)	(0.8%)

5.2.2 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi Subsektor Ternakan terdiri daripada pengusaha lelaki yang mendominasi seramai 2,119 orang atau 88.0 peratus berbanding pengusaha perempuan seramai 289 orang (Paparan 74). Penglibatan pengusaha lelaki tertinggi adalah di daerah Lahad Datu (313 orang) diikuti oleh Kudat (212 orang) dan Beluran (183 orang). Manakala, penglibatan pengusaha ternakan perempuan tertinggi direkodkan di daerah Lahad Datu (39 orang), Kudat (35 orang)

diikuti Membakut, Pitas dan Semporna (17 orang). Semua daerah di Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 99: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Jantina, Sabah, 2023



Lelaki
2,119
(88.0%)




Perempuan
289
(12.0%)


5.2.3 Kumpulan Umur

Pegangan pertanian individu bagi kumpulan umur 46 hingga 59 tahun menunjukkan penglibatan yang tertinggi melibatkan 869 orang, diikuti oleh kumpulan umur 60 tahun dan ke atas dengan bilangan penglibatan 746 orang. Dua kumpulan umur ini menyumbang kepada 67.1 peratus pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti ternakan. Sementara itu, pengusaha berumur 45 tahun dan ke bawah berjumlah 793 orang, dan daripada jumlah ini, hanya 102 orang terdiri daripada golongan muda berumur antara 15 hingga 30 tahun.


Paparan 100: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Umur, Sabah, 2023




15 - 30 tahun
102 orang
(4.2%)



31 - 45 tahun
691 orang
(28.7%)



46 - 59 tahun
869 orang
(36.1%)



60 tahun dan ke atas
746 orang
(31.0%)

5.2.4 Kumpulan Etnik

Pegangan pertanian individu dalam Subsektor Ternakan didominasi oleh etnik bumiputera, yang mencatatkan seramai 2,191 orang (91.8%). Ini diikuti oleh etnik lain-lain seramai 133 orang (5.3%), etnik Cina seramai 62 orang (2.6%) dan etnik India seramai 2 orang.


Paparan 101: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Etnik, Sabah, 2023



5.2.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu di Sabah terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (2,017 orang; 83.8%), diikuti oleh balu/duda (180 orang; 7.5%), tidak pernah berkahwin (175 orang; 7.3%) dan bercerai/berpisah (36 orang; 1.5%).

Paparan 102: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Taraf Perkahwinan, Sabah, 2023



5.2.6 Sijil Tertinggi Diperoleh


Penemuan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka mempunyai kelulusan di peringkat menengah dengan jumlah 786 orang, diikuti oleh mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan formal seramai 714 orang dan kelulusan di peringkat rendah seramai 712 orang. Sebahagian kecil pengusaha pegangan pertanian individu dalam Subsektor Ternakan mempunyai kelulusan di peringkat tertiari, iaitu seramai 196 orang.

5.3 KUANTITI PENGELUARAN

5.3.1 Ternakan Hidup

Penemuan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa jumlah kuantiti pengeluaran ternakan hidup pada tahun 2023 di Sabah adalah 131.3 juta ekor. Pengeluaran ternakan hidup tertinggi direkodkan di daerah Kota Kinabalu iaitu 43.7 juta ekor, diikuti oleh Tuaran (25.1 juta) dan Tawau (23.0 juta). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 69.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup negeri Sabah.

Paparan 103: Kuantiti Pengeluaran bagi Ternakan Hidup, Sabah, 2023




5.3.2 Hasilan Ternakan

Bagi pengeluaran hasilan ternakan, Sabah merekodkan 939.5 juta biji telur ayam dan itik, 7.5 juta liter susu segar dan 33.5 ribu kilogram sarang burung walet, madu dan hasilan lain pada tahun 2023.

Tawau merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran telur di Sabah dengan 427.0 juta biji, meliputi 45.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran telur. Daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran kedua tertinggi adalah Papar dengan 344.9 juta biji (36.7%) dan Kota Kinabalu dengan 120.6 juta biji (12.8%). Ketiga - tiga daerah ini menyumbang 94.9 peratus kepada pengeluaran telur di Sabah.

Keningau mencatatkan kuantiti pengeluaran susu segar teratas iaitu 4.7 juta liter atau 62.7 peratus kepada keseluruhan pengeluaran susu segar di Sabah. Ini diikuti oleh Ranau, 2.0 juta liter (26.7%) dan Kota Marudu, 0.5 juta liter (6.7%). Tiga daerah ini telah menyumbang 96.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran susu segar di Sabah.

Paparan 104: Kuantiti Pengeluaran bagi Hasilan Ternakan, Sabah, 2023



5.4 KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

5.4.1 Ternakan Hidup

Daripada 131.3 juta ekor pengeluaran ternakan hidup, 113.9 juta ekor atau 86.7 peratus berjaya dijual pada tahun 2023. Kuantiti jualan ternakan hidup tertinggi direkodkan di daerah Kota Kinabalu iaitu 39.9 juta ekor, diikuti oleh Tuaran (21.8 juta) dan Papar (17.7 juta). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 69.7 peratus kepada kuantiti jualan ternakan hidup negeri Sabah.

Nilai jualan ternakan hidup di Sabah adalah RM1.11 bilion dengan Kota Kinabalu mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM360.96 juta, diikuti oleh Papar (RM287.93 juta) dan Tawau (RM162.46 juta). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 73.0 peratus kepada nilai jualan ternakan hidup di Sabah.

Paparan 105: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Ternakan Hidup, Sabah, 2023




5.4.2 Hasilan Ternakan

Bagi kuantiti jualan hasilan ternakan, 932.8 juta biji telur ayam dan itik, 5.9 juta liter susu segar dan 32.8 ribu kilogram sarang burung walet, madu dan hasilan lain telah dijual pada tahun 2023. Kuantiti jualan tertinggi bagi telur ayam dan itik didominasi oleh Tawau (426.4 juta biji) dan Keningau mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi susu segar 3.2 juta liter.

Nilai jualan telur ayam dan itik pada tahun 2023 berjumlah RM420.32 juta. Tawau mendominasi jualan telur ayam bernilai RM178.63 juta, diikuti oleh Papar (RM168.87 juta) dan Kota Kinabalu (RM53.23 juta). Sumbangan kepada nilai jualan telur biji dan ayam kepada negeri Sabah 95.3 peratus.

Manakala, nilai jualan bagi susu segar yang direkodkan adalah berjumlah RM27.40 juta. Keningau mencatatkan nilai jualan tertinggi penghasilan susu segar iaitu RM16.90 juta, diikuti oleh Ranau, RM8.03 juta dan Kota Marudu, RM1.68 juta. Nilai jualan tiga daerah ini menyumbang 97.1 peratus kepada keseluruhan nilai jualan susu segar.


Paparan 106: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Hasilan Ternakan, Sabah, 2023



5.5 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan keseluruhan subsektor ternakan adalah berjumlah RM2.18 bilion bagi negeri Sabah. Pendapatan keseluruhan subsektor ternakan ini disumbangkan oleh Kota Kinabalu dengan jumlah pendapatan RM662.38 juta, mewakili 30.4 peratus diikuti oleh Papar dan Tawau dengan jumlah pendapatan masing-masing RM604.67 juta (27.7%) dan RM528.83 juta (24.3%).

Paparan 107: Pendapatan Subsektor Ternakan, 2023



5.6 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan keseluruhan subsektor ternakan adalah berjumlah RM1.24 bilion bagi negeri Sabah. Perbelanjaan keseluruhan subsektor ternakan ini disumbangkan oleh Tawau dengan jumlah perbelanjaan RM354.00 juta, mewakili 28.6 peratus diikuti oleh Kota Kinabalu dan Papar dengan jumlah pendapatan masing-masing RM343.17 juta (27.7%) dan RM327.22 juta (26.4%).

Paparan 108: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, 2023







6.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN, SABAH


6.1 PENGENALAN

Subsektor perikanan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang utama di negeri Sabah. Subsektor ini bukan sahaja memainkan peranan sebagai penyumbang utama kepada keterjaminan makanan negara malah turut menyediakan peluang pekerjaan. Subsektor ini meliputi aktiviti perikanan tangkapan dan akuakultur.

6.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan jumlah pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan di Sabah adalah 17,067 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 99.3 peratus atau 16,953 orang merupakan pegangan pertanian individu manakala 114 pertubuhan adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 109: Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



Melihat daripada perspektif daerah utama, Semporna merupakan daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian individu teratas dalam Subsektor Perikanan iaitu 4,589 orang atau 27.0 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian Subsektor Perikanan, diikuti oleh Tawau (2,519; 14.9%), dan Sandakan (1,874; 11.1%). Manakala, bagi bilangan pegangan pertanian pertubuhan, Tawau merupakan daerah yang mempunyai bilangan tertinggi iaitu 24 pertubuhan atau 21.1 peratus daripada jumlah pegangan pertanian pertubuhan Subsektor Perikanan, diikuti oleh Lahad Datu, 22, Sandakan, 20 dan Kota Kinabalu, 17.

Paparan 110: Tiga Daerah Utama Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023


	Bilangan Pegangan Pertanian individu		Sumbangan
1	Semporna	4,589 Orang	27.0%
2	Tawau	2,519 Orang	14.9%
3	Sandakan	1,874 Orang	11.1%

	Bilangan Pertanian Pertubuhan		Sumbangan
1	Tawau	24 Pertubuhan	21.1%
2	Lahad Datu	22 Pertubuhan	19.3%
3	Sandakan	20 Pertubuhan	17.5%

6.3 KEWARGANEGARAAN

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan warganegara Malaysia di Sabah mendominasi dalam pegangan pertanian individu bagi subsektor Perikanan, iaitu seramai 12,729 orang. Manakala, seramai 4,114 orang bukan warganegara menjalankan subsektor Perikanan khususnya di Zon Pantai Timur Sabah.

Paparan 111: Pegangan Pertanian mengikut Kewarganegaraan, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



Warganegara

12,729
(75.5%)



Bukan Warganegara

4,114
(24.5%)

6.4 JANTINA

Subsektor Perikanan majoritinya adalah pegangan pertanian lelaki dengan komposisi 95.3 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian atau 16,052 orang. Selebihnya, pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 791 orang atau 4.7 peratus dari keseluruhan pegangan pertanian individu.

Paparan 112: Pegangan Pertanian mengikut Jantina, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



16,052 (95.3%)




791 (4.7%)

6.5 KUMPULAN UMUR

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa subsektor Perikanan didominasi oleh golongan berusia, khususnya mereka dalam lingkungan umur 46 hingga 59 tahun yang merekodkan 6,058 orang atau 36.0 peratus. Kumpulan umur antara 31 hingga 45 tahun merekodkan 5,990 orang (35.6 %), manakala mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas pula menyumbang seramai 3,040 orang (18.1 %).

Paparan 113: Pegangan Pertanian mengikut Kumpulan Umur, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023




15 - 30 tahun

1,775 orang (10.4%)




31 - 45 tahun

5,990 orang (35.6%)



46 - 59 tahun

6,058 orang (36.0%)



60 tahun dan ke atas

3,040 orang (18.1%)


Secara keseluruhan, lebih daripada 70 peratus pegangan pertanian bagi aktiviti ini terdiri daripada kumpulan umur 31 tahun hingga 59 tahun, menjadikan golongan berusia sebagai tenaga utama dalam sektor ini.



6.6 KUMPULAN ETNIK

Melihat daripada pengilbatan etnik dalam kalangan warganegara, etnik bumiputera mendominasi dengan merekodkan 95.4 peratus atau 12,137 orang. Seterusnya, etnik Lain-lain dengan 532 orang (4.2%), diikuti oleh etnik Cina dan etnik India yang masing-masing merekodkan 55 orang (0.4%) dan lima orang (0.0%). Pegangan pertanian individu Sabah dalam aktiviti ini jelas didominasi oleh warganegara Malaysia, khususnya oleh bumiputera.

Paparan 114: Pegangan Pertanian mengikut Kumpulan Etnik, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



Bumiputera	Cina	India	Lain-Lain
12,137 orang (95.4%)	55 orang (0.4%)	5 orang (0.0%)	532 orang (4.2%)

6.7 TARAF PERKAHWINAN

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa golongan berkahwin membentuk kumpulan terbesar dalam subsektor Perikanan di Sabah, berjumlah 14,069 orang atau 82.9 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian individu. Kategori seterusnya terdiri daripada individu yang tidak pernah berkahwin, seramai 1,729 orang (10.2%). Sementara itu, 907 orang (5.4%) tergolong dalam kategori balu atau duda, manakala 248 orang (1.5%) berada dalam kategori bercerai dan berpisah. Justeru, ini menunjukkan bahawa aktiviti ini lebih cenderung disertai oleh individu yang telah berkeluarga.



Paparan 115: Pegangan Pertanian mengikut Taraf Perkahwinan, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



Tidak Pernah Berkahwin	Berkahwin	Balu/Duda	Bercerai/Berpisah
1,729 orang (10.2%)	14,069 orang (82.9%)	907 orang (5.4%)	248 orang (1.5%)

6.8 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Komposisi tahap pendidikan dalam kalangan pegangan pertanian individu menunjukkan majoriti merupakan mereka yang tidak memiliki sebarang sijil kelulusan, iaitu seramai 8,655 orang (51.1%). Seterusnya, seramai 4,601 orang (27.1%) memiliki sijil peringkat rendah, manakala 3,477 orang (20.5%) yang memiliki sijil peringkat menengah.

Paparan 116: Pegangan Pertanian mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



Tertiari	Menengah	Rendah	Tiada Sijil
220 orang (1.3%)	3,477 orang (20.5%)	4,601 orang (27.1%)	8,655 orang (51.1%)

Sementara itu, hanya 220 orang (1.3%) mempunyai kelulusan pada peringkat tertiari. Corak ini mencerminkan kebergantungan aktiviti ini terhadap tenaga kerja berkemahiran sederhana dan rendah.

6.9 KUANTITI PENGELUARAN

Pada tahun 2023, subsektor Perikanan di Sabah merekodkan jumlah kuantiti keseluruhan pengeluaran 414.3 ribu tan metrik. 76.2 peratus daripada pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu 315.8 ribu tan metrik, manakala jumlah pengeluaran bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah 98.5 ribu tan

metrik (23.8%). Dapatan ini jelas memperlihatkan kepentingan sumbangan pengoperasian pegangan pertanian individu dalam menjana hasil perikanan Sabah.

Daripada subsektor perikanan, aktiviti perikanan tangkapan merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran 180.0 ribu tan metrik (43.5%), manakala aktiviti akuakultur 234.3 ribu tan metrik (56.5%). Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti akuakultur baka dan benih serta ikan hiasan adalah 109.4 juta ekor.

6.10 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Keseluruhan kuantiti jualan subsektor Perikanan di Sabah adalah 413.2 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM1.78 bilion. Daripada jumlah kuantiti dan nilai jualan, pegangan pertanian individu merekodkan kuantiti jualan 314.8 ribu tan metrik (76.2%) dengan nilai jualan berjumlah RM1.15 bilion (64.6%). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan 98.3 ribu tan metrik (23.8%) dengan nilai jualan RM625.45 juta (35.4%).


Daripada subsektor Perikanan, aktiviti perikanan tangkapan merekodkan jumlah kuantiti jualan 179.8 ribu tan metrik (43.5%), manakala aktiviti akuakultur 233.4 ribu tan metrik (56.5%). Kuantiti jualan bagi aktiviti akuakultur baka dan benih serta ikan hiasan adalah 109.3 juta ekor.

Sementara itu, nilai jualan aktiviti perikanan tangkapan berjumlah RM1.48 bilion (83.1%), manakala akuakultur mencatatkan RM291.0 juta (16.9%).

6.11 PENDAPATAN

Subsektor Perikanan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM1.80 bilion. Pegangan pertanian individu merekodkan RM1.17 bilion, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula mencatatkan jumlah pendapatan RM637.19 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM413.08juta), Kudat (RM161.57 juta) dan Lahad Datu (RM160.33 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kota Kinabalu (RM376.02 juta), Tawau (RM93.52 juta) dan Sandakan (RM45.49 juta).

Paparan 117: Pendapatan Subsektor Perikanan, Sabah, 2023



6.12 PERBELANJAAN

Subsektor Perikanan merekodkan jumlah perbelanjaan RM815.10 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM494.22 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM320.88 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM165.41 juta), Kudat (RM74.81juta) dan Lahad Datu (RM71.10 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kota Kinabalu (RM198.38 juta), Tawau (RM51.22 juta) dan daerah Sandakan (RM22.26 juta).

Paparan 118: Perbelanjaan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023




6.13 AKTIVITI PERIKANAN TANGKAPAN, SABAH

6.13.1 Pegangan Pertanian

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan jumlah pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan di Sabah adalah 14,903 pegangan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 99.6 peratus atau 14,847 orang merupakan pegangan pertanian individu manakala 56 pertubuhan adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 119: Pegangan Pertanian Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023



Melihat daripada perspektif daerah utama, Semporna merupakan daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian teratas dalam aktiviti Perikanan Tangkapan iaitu 3,588 orang atau 24.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian aktiviti Perikanan Tangkapan, diikuti oleh Tawau (2,436; 16.4%), dan Sandakan (1,829; 12.3%). Manakala, bagi bilangan pegangan pertanian pertubuhan, Lahad Datu merupakan daerah yang mempunyai bilangan tertinggi iaitu 17 pertubuhan atau 30.4 peratus daripada jumlah pegangan pertanian pertubuhan aktiviti Perikanan Tangkapan, diikuti oleh Sandakan, 15, Tawau, 8 dan Kota Kinabalu, 7.



Paparan 120: Tiga Daerah Utama Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023

	Bilangan Pegangan Pertanian Individu		Sumbangan
1	Semporna	3,588 pegangan pertanian	24.2%
2	Tawau	2,436 pegangan pertanian	16.4%
3	Sandakan	1,829 pegangan pertanian	12.3%

	Bilangan Pegangan Pertanian pertubuhan		Sumbangan
1	Lahad Datu	17 pegangan pertanian	30.4%
2	Sandakan	15 pegangan pertanian	26.8%
3	Tawau	8 pegangan pertanian	14.3%

6.13.2 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, aktiviti Perikanan Tangkapan di Sabah merekodkan jumlah keseluruhan pengeluaran 180.0 ribu tan metrik. 71.0 peratus daripada pengeluaran ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu 127.7 ribu tan metrik, manakala jumlah pengeluaran bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah 52.3 ribu tan metrik (29.0%). Dapatan ini jelas memperlihatkan kepentingan sumbangan pengoperasian pegangan pertanian individu dalam menjana hasil perikanan tangkapan Sabah. Daerah yang menyumbang kepada kuantiti pengeluaran di Sabah ialah Kota Kinabalu dengan jumlah pengeluaran 44.9 ribu tan metrik (24.9%), diikuti oleh Semporna (41.0 ribu tan metrik; 22.8%), Kudat (22.6 ribu tan metrik; 12.5%), dan Lahad Datu (19.6 ribu tan metrik; 10.9%). Keempat-empat daerah ini merekodkan sumbangan signifikan 71.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran Sabah.


Paparan 121: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Utama bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023



6.13.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Keseluruhan kuantiti jualan aktiviti Perikanan Tangkapan di Sabah adalah 179.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM1.48 bilion. Daripada jumlah kuantiti dan nilai jualan, pegangan pertanian individu merekodkan kuantiti jualan 127.5 ribu tan metrik (71.0%) peratus dengan nilai jualan berjumlah RM1.05 bilion. Manakala, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kuantiti jualan 52.3 ribu tan metrik (29.0%) dengan nilai jualan RM438.06 juta. Daripada perspektif daerah utama, Kota Kinabalu mencatatkan sebagai penyumbang tertinggi dalam aktiviti Perikanan Tangkapan di Sabah dengan kuantiti jualan 44.8 ribu tan metrik dan nilai jualan berjumlah RM376.92 juta. Ini diikuti oleh Semporna dengan kuantiti jualan 40.6 ribu tan metrik dan nilai jualan RM337.93 juta, serta Kudat dengan kuantiti jualan 21.6 ribu tan metrik dan nilai jualan RM170.55 juta. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga daerah ini menyumbang 60 peratus daripada keseluruhan kuantiti dan nilai jualan Sabah.

Paparan 122: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tiga Daerah Utama bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023








	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
Kota Kinabalu	44.8 ribu tan metrik	RM376.92 juta
Semporna	40.6 ribu tan metrik	RM337.93 juta
Kudat	21.6 ribu tan metrik	RM170.55 juta

6.13.4 Pendapatan

Aktiviti Perikanan Tangkapan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM 1.50 bilion. Pegangan pertanian individu merekodkan RM1.06 bilion, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula mencatatkan jumlah pendapatan RM443.05 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM338.35 juta), Kudat (RM158.96 juta)

dan Lahad Datu (RM155.35 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kota Kinabalu (RM370.93 juta), Sandakan (RM28.30 juta) dan daerah Kudat (RM17.58 juta).

Paparan 123: Pendapatan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023



6.13.5 Perbelanjaan

Aktiviti Perikanan Tangkapan merekodkan jumlah perbelanjaan RM719.49 juta pada tahun2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM486.86 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM232.63 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM163.60 juta), Kudat (RM74.55 juta) dan Lahad Datu (RM70.08 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kota Kinabalu (RM196.15 juta), Sandakan (RM13.97 juta) dan daerah Kudat (RM9.63 juta).

Paparan 124: Perbelanjaan Aktiviti Perikanan Tangkapan, Sabah, 2023




6.14 AKTIVITI AKUAKULTUR, SABAH

6.14.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, aktiviti Akuakultur di Sabah merekodkan penglibatan 2,164 pegangan pertanian pada tahun 2023. Daripada keseluruhan pegangan pertanian, pegangan pertanian individu seramai 2,106 orang (97.3%), dan pegangan pertanian pertubuhan 58 pertubuhan (2.7%).

Paparan 125: Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur, Sabah, 2023



Bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dicatatkan di Semporna dengan 1,001 pegangan pertanian atau 47.5 peratus daripada jumlah pegangan pertanian individu aktiviti Akuakultur, diikuti oleh Kunak, 154 pegangan pertanian (7.3%) dan Keningau, 113 pegangan pertanian (5.4%). Bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi direkodkan di Tawau dengan 16 pertubuhan (27.6%), diikuti Kota Kinabalu, 10 pertubuhan (17.2%). Manakala Lahad Datu, Semporna, Sandakan dan Penampang masing-masing merekodkan lima pegangan pertanian pertubuhan. Gabungan enam daerah ini menyumbang 79.3 peratus kepada jumlah pegangan pertanian pertubuhan di Sabah.



Paparan 126: Tiga Daerah Utama Bilangan Pegangan Pertanian Tertinggi, Aktiviti Akuakultur, Sabah, 2023

	Bilangan Pegangan Pertanian Individu		Sumbangan
1	Semporna	1,001 pegangan pertanian	47.5 %
2	Kunak	154 pegangan pertanian	7.3 %
3	Keningau	113 pegangan pertanian	5.4 %

	Bilangan Pegangan Pertanian Pertubuhan		Sumbangan
1	Tawau	16 pegangan pertanian	27.6 %
2	Kota Kinabalu	10 pegangan pertanian	17.2 %
3	Lahad Datu	5 pegangan pertanian	8.6 %

6.14.2 Keluasan Ternakan

Keluasan keseluruhan aktiviti Akuakultur di Sabah adalah 7.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 3.9 ribu hektar atau 54.4 peratus diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala pegangan pertanian pertubuhan mengusahakan 3.2 ribu hektar (45.6%). Semporna merekodkan keluasan terbesar dalam aktiviti Akuakultur dengan 5.9 ribu hektar (83.5%), diikuti Tawau dengan 306 hektar (4.3%), dan Lahad Datu, 187 hektar (2.6%). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 90.5 peratus daripada keluasan ternakan akuakultur di Sabah.

Paparan 127: Keluasan Ternakan Akuakultur bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama, Aktiviti Akuakultur, Sabah, 2023



7,101 hektar


	Keluasan Ternakan		Sumbangan
1	Semporna	5,931 hektar	83.5%
2	Tawau	306 hektar	4.3%
3	Lahad Datu	187 hektar	2.6%

6.14.3 Kuantiti Pengeluaran

Aktiviti Akuakultur di Sabah merekodkan kuantiti pengeluaran 234.3 ribu tan metrik bagi aktiviti Akuakultur Air Payau dan Air Tawar, dan 109.4 juta ekor bagi aktiviti pengeluaran Baka dan Benih serta Ikan Hiasan. Pengeluaran tertinggi direkodkan oleh daerah Semporna dengan 157.6 ribu tan metrik atau 67.3 peratus daripada keseluruhan pengeluaran di Sabah bagi aktiviti akuakultur Air Payau dan Air Tawar. Ini diikuti oleh Tawau (10.7 ribu tan metrik; 4.6 %) dan Kunak (7.2 ribu tan metrik; 3.1%).

Bagi kuantiti pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan pula, daerah Kota Kinabalu mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 70.0 juta ekor menyumbang 64.0 peratus kepada keseluruhan pengeluaran di Sabah. Ini diikuti oleh Kudat, 38.9 juta ekor (35.6%) dan Tuaran, 274.6 ribu ekor (0.3%).

Paparan 128: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Daerah Pentadbiran Utama bagi Aktiviti Akuakultur, Sabah, 2023



6.14.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, aktiviti Akuakultur mencatatkan kuantiti jualan 233.4 ribu tan metrik bagi Akuakultur Air Payau dan Air Tawar dan 109.3 juta ekor bagi penternakan Baka dan Benih serta Ikan Hiasan dengan nilai jualan keseluruhan RM291.04 juta. Semporna mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi aktiviti Akuakultur Air Payau dan Air Tawar iaitu 165.5 ribu tan metrik (70.9%), diikuti oleh Tawau dengan 45.1 ribu tan metrik (19.3%) dan Lahad Datu, 9.5 ribu tan metrik (4.1%).

Sementara itu, kuantiti jualan tertinggi bagi aktiviti Penternakan Baka dan Benih serta Ikan Hiasan pula direkodkan oleh

Kota Kinabalu dengan 70.0 juta ekor, menyumbang 64.0 peratus kepada kuantiti jualan aktiviti Akuakultur. Manakala, Kudat mencatatkan kuantiti jualan 38.9 juta ekor (35.6%) dan Tuaran, 242.4 ribu ekor (0.2%). Daripada perspektif nilai jualan daerah pula, Semporna merekodkan nilai jualan tertinggi bagi Subsektor Akuakultur dengan nilai jualan RM116.63 juta. Tawau mencatatkan nilai jualan kedua tertinggi dengan RM81.59 juta dan diikuti oleh Kudat dengan nilai jualan RM22.19 juta.


Paparan 129: Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Aktiviti Akuakultur, Sabah, 2023

	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
AIR TAWAR & AIR PAYAU	233.4 ribu tan metrik	RM291.04 juta
BAKA & BENIH DAN IKAN	109.3 juta ekor	

6.14.5 Pendapatan

Aktiviti Akuakultur merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM301.29 juta pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu merekodkan RM107.16 juta, manakala pegangan pertanian pertubuhan pula mencatatkan jumlah pendapatan RM194.14 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM74.73 juta), Tawau (RM5.86 juta) dan Kunak (RM5.71 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Lahad Datu (RM81.53 juta), Sandakan (RM44.17 juta) dan daerah Kota Marudu (RM19.49 juta).

Paparan 130: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Sabah, 2023



6.14.6 Perbelanjaan

Aktiviti Akuakultur merekodkan jumlah perbelanjaan RM95.61 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM7.36 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM88.25 juta bagi aktiviti yang sama.

Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM1.82 juta), Lahad Datu (RM973.95 ribu) dan Kunak (RM909.44 ribu). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Tawau (RM45.30 juta), Semporna (RM14.67 juta) dan daerah Sandakan (RM8.29 juta).

Paparan 131: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Sabah, 2023







7.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN, SABAH

7.1 PENGENALAN

Perhutanan dan pembalakan di Malaysia merupakan sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi negara melalui pengeluaran kayu dan hasil hutan bukan kayu, di samping menyokong pembangunan industri berasaskan kayu. Malaysia mengurus sumber hutannya di bawah rangka kerja undang-undang seperti Akta Perhutanan Negara 1984, dengan penekanan terhadap pengurusan hutan secara berkekalan.

Status hutan yang dibenarkan untuk aktiviti pembalakan dan hasil hutan bukan kayu terdiri daripada dua kategori utama. Hutan tanah berimilik (swasta) merujuk kepada hutan yang terletak di atas tanah milik individu, syarikat atau entiti swasta. Kawasan ini bukan milik kerajaan dan boleh diurus mengikutkepentingan pemilik, termasuk pembalakan, pengeluaran hasil bukan kayu atau pemuliharaan.

Hutan tanah kerajaan pula ditakrifkan di bawah Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) sebagai semua tanah dalam sesebuah negeri, termasuk dasar sungai dan kawasan pantai, kecuali tanah berimilik, tanah rizab, tanah lombong serta tanah yang telah diwartakan sebagai hutan simpanan di bawah undang-undang berkaitan hutan.

Hutan Simpanan Kekal (HSK) merujuk kepada tanah yang diwartakan sebagai HSK di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Kawasan ini ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan segala hasil hutannya adalah milik Kerajaan Negeri. HSK diwujudkan bagi memastikan sumber hutan dipelihara, diurus secara lestari dan kekal sebagai aset negara.

Ladang hutan kekal pula ialah kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuhan hutan, sama ada spesies tempatan atau dagang melalui kaedah tanaman secara terbuka yang meliputi keluasan sekurang-kurangnya 50 hektar. Kawasan ini dibangunkan sebagai sumber bahan kayu lestari dan berfungsimengurangkan tekanan terhadap HSK serta hutan semula



7.2 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Jumlah keseluruhan pegangan pertanian perhutanan & pembalakan di negeri Sabah adalah 162 pegangan, di mana 76.5 peratus

(124 orang) diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan yang terlibat adalah 38 pertubuhan. Daerah Kota Marudu merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 31 pegangan pertanian, diikuti oleh Beaufort (19 pegangan pertanian) dan Membakut (18 pegangan pertanian).

Paparan 132: Pegangan Pertanian Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023




7.3 KEWGANEGARAAN DAN JANTINA

Keseluruhan pengusaha bagi aktiviti perhutanan & pembalakan di Sabah merupakan warganegara Malaysia.

Dari segi jantina, penyertaan lelaki lebih tinggi dengan 79 orang (63.7%) berbanding perempuan 45 orang (36.3%).


Paparan 133: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Kewarganegaraan, Sabah, 2023



Warganegara

124
(100.0%)


Paparan 134: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Jantina, Sabah, 2023



7.4 KUMPULAN UMUR


35.2 peratus (31 individu) pegangan pertanian individu terdiri daripada kumpulan 60 tahun dan ke atas. Sementara itu, kumpulan umur 46 hingga 59 tahun menyumbang 34.1 peratus (30 orang) kepada pegangan pertanian perhutanan dan pembalakan, diikuti oleh kumpulan umur 31 hingga 45 tahun (29.5%) dan 15 hingga 30 tahun (1.1%).

Paparan 135: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Kumpulan Umur, Sabah, 2023




15 – 30 tahun

1 orang
(1.1%)




31 - 45 tahun

26 orang
(29.5%)



46 - 59 tahun

30 orang
(34.1%)



60 tahun dan ke atas

31 orang
(35.2%)

7.5 KUMPULAN ETNIK

Kesemua 124 pegangan pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan di Sabah adalah terdiri daripada etnik bumiputera.

Paparan 136: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Kumpulan Etnik, Sabah, 2023



Bumiputera

124
(100%)

7.6 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada berstatus berkahwin iaitu 65 orang (73.9%). Diikuti dengan balu/duda iaitu 13 orang (14.8%). Selain itu, bagi status bercerai/berpisah merekodkan 8 orang (9.1%) dan tidak pernah berkahwin seramai 2 orang (2.3%).

Paparan 137: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Taraf Perkahwinan, Sabah, 2023



Tidak Pernah Berkahwin	Berkahwin	Balu/Duda	Bercerai/Berpisah
2 orang (2.3%)	65 orang (73.9%)	13 orang (14.8%)	8 orang (9.1%)

7.7 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Banci Pertanian 2024 menunjukkan pegangan pertanian individu tertinggi bagi di bawah taraf kelulusan SPM/SPM (V), iaitu seramai 54 orang (43.6%). Seterusnya, 43 orang (34.7%) tidak mempunyai sijil, diikuti 22 orang (17.7%) yang memiliki sijil SPM/SPM(V) atau yang setaraf dan 3 orang (2.4%) memiliki sijil STPM atau yang setaraf. Manakala hanya 2 orang (1.6%) memiliki pendidikan tertiari.

Paparan 138: Pegangan Pertanian individu Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Sabah, 2023



Pendidikan Rendah	Tiada Sijil	Pendidikan Menengah
54 orang (44.2%)	**43 orang (35.2%)**	**22 orang (17.7%)**


7.8 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang direkodkan oleh pegangan individu mencatatkan 186.8 tan metrik pada tahun 2023. Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, jumlah kuantiti pengeluaran direkodkan 0.3 tan metrik. Daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Beaufort (124.2 tan metrik) dan diikuti oleh Tuaran (18.9 tan metrik) dan Kota Marudu (17.7 tan metrik). Manakala hanya Sandakan sahaja daerah yang mempunyai

pegangan pertanian pertubuhan dengan kuantiti pengeluaran iaitu 0.3 tan metrik.

Bagi pegangan pertanian individu, aktiviti pembalakan yang merangkumi aktiviti pengumpulan sisa-sisa kayu balak seperti seperti kayu getah, kayu bakau dan lain-lain jenis kayu yang digunakan dalam pembuatan kraftangan telah mencatatkan pengeluaran 837.0 meter padu. Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan jumlah pengeluaran 803.7 ribu meter padu. Daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah Tawau dengan 378.4 ribu meter padu, diikuti Sandakan (217.3 ribu meter padu) dan Keningau (161.6 ribu meter padu)

Paparan 139: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023



7.9 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhan, aktiviti hasil hutan bukan kayu mencatatkan kuantiti jualan 136.3 ribu kilogram, iaitu 72.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran serta menjana nilai jualan RM4.37 juta. Daripada keseluruhan kuantiti jualan, 99.8 peratus atau 136.0 ribu kilogram adalah sumbangan daripada pegangan pertanian individu yang merekodkan nilai jualan RM3.66 juta (83.8%). Manakala, aktiviti pembalakan yang didominasi oleh pegangan pertanian pertubuhan telah merekodkan kuantiti jualan keseluruhan 804.6 ribu meter padu dengan nilai jualan RM745.70. Sumbangan pegangan pertanian pertubuhan kepada kuantiti jualan dan nilai jualan adalah 99.9 peratus, dengan kuantiti jualan 803.7 ribu meter padu yang bernilai RM745.14 juta.

Daerah penyumbang utama nilai jualan hasil hutan bukan kayu adalah Kunak dengan nilai RM2.65 juta. Seterusnya, Sandakan dengan nilai RM0.72 juta dan Beaufort RM0.66 juta. Manakala, daerah

dengan nilai jualan tertinggi bagi aktiviti pembalakan pula direkodkan oleh Kota Kinabalu iaitu RM348.94 juta (369.9 ribu m^3), diikuti oleh Tawau RM137.20 juta (157.7 ribu m^3) dan Sandakan RM133.54 juta (196.4 ribu m^3).


Paparan 140: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023



7.10 PENDAPATAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM808.18 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM803.60 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah Tawau (RM430.62 juta), Sandakan (RM167.83 juta) dan Keningau (RM164.20 juta).

Paparan 141: Pendapatan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023



7.11 PERBELANJAAN

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan jumlah perbelanjaan RM386.02 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan pendapatan RM1.19 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan RM384.83 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah Tawau (RM206.71 juta), Sandakan (RM92.83 juta) dan Keningau (RM68.48 juta).

Paparan 142: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Sabah, 2023



8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA

8.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pantai Timur Utara yang terdiri daripada daerah Sandakan, Kinabatangan, Beluran, Tongod dan Telupid. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh pegangan pertanian individu dan pertubuhan meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan.

Zon Pantai Timur Utara merekodkan penglibatan 21,273 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM10.00 bilion. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan nilai jualan di

Zon Pantai Timur Utara yang bernilai RM9.69 bilion, diikuti subsektor Perhutanan dan Pembalakan (RM146.39 juta), Perikanan Tangkapan (RM121.36 juta), Ternakan (RM32.22 juta) dan Akuakultur (RM19.27 juta).

Berdasarkan kepada nilai jualan mengikut daerah, Kinabatangan mendominasi sektor pertanian di Zon Pantai Timur Utara dengan nilai jualan RM4.14 bilion, menyumbang 41.5 peratus daripada nilai jualan di zon ini. Diikuti oleh Beluran dengan nilai jualan


RM2.85 bilion (28.5%) dan Sandakan dengan nilai jualan RM2.59 bilion (25.9%). Manakala, Tongod dan Telupid masing-masing mencatatkan nilai jualan RM278.00 juta (2.8%) dan RM126.60 juta (1.3%).

8.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA


8.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, Zon Pantai Timur Utara merekodkan 18,137 pegangan pertanian dalam subsektor tanaman yang terdiri daripada 17,171 pegangan pertanian individu dan 966 pegangan pertanian pertubuhan. Beluran merupakan daerah yang merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 4,991 pegangan pertanian, diikuti oleh Kinabatangan dengan 3,838 pegangan pertanian dan Tongod, 3,887 pegangan pertanian. Manakala Sandakan dan Telupid, masing-masing mencatatkan 3,416 dan 2,143 pegangan pertanian.

Paparan 143: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Carta 4: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023




8.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Timur Utara melibatkan kawasan bertanam seluas 793.6 ribu hektar. Penggunaan utama tanah di zon ini membabitkan penanaman pelbagai jenis tanaman industri seperti kelapa sawit, buah-buahan dan getah. Berdasarkan keseluruhan keluasan bertanam, 85.9 peratus atau seluas 681.9 ribu hektar adalah keluasan bertuai.


Tiga daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Kinabatangan dengan 336.2 ribu hektar, diikuti oleh Beluran dengan keluasan 235.9 ribu hektar dan Sandakan dengan keluasan 179.7 ribu hektar.

Kinabatangan mencatatkan komposisi keluasan bertuai tertinggi iaitu 36.0 peratus dengan keluasan 285.4 ribu hektar, diikuti oleh Beluran, 200.1 ribu hektar (25.2%) dan Sandakan, 158.1 ribu hektar (19.9%). Manakala Tongod dan Telupid, masing-masing mencatatkan keluasan bertuai 26.0 ribu hektar (3.3%) dan 12.4 ribu hektar (1.6%).

Paparan 144: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pantai Timur Utara, 2023



Carta 5: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.2.3 Kuantiti Pengeluaran

Subsektor tanaman di Zon Pantai Timur Utara mencatatkan kuantiti pengeluaran 11.3 juta tan metrik. Kinabatangan mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 4.9 juta tan metrik, diikuti oleh Beluran dengan 3.3 juta tan metrik dan Sandakan dengan 2.7 juta tan metrik.

Tanaman utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini adalah kelapa sawit 11.3 juta tan metrik, diikuti oleh buah-buahan, 11.5 ribu tan metrik dan getah, 9.9 ribu tan metrik.

Paparan 145: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Kuantiti Pengeluaran

11.3 juta tan metrik

Kinabatangan : 4.9 juta tan metrik
Beluran : 3.3 juta tan metrik
Sandakan : 2.7 juta tan metrik
Tongod : 0.3 juta tan metrik
Telupid : 0.1 juta tan metrik

Paparan 146: Tiga Tanaman dengan Kuantiti Pengeluaran Tertinggi bagi Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Kelapa Sawit

11.3 juta tan metrik



Buah-Buahan

11.5 ribu tan metrik



Getah

9.9 ribu tan metrik

8.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Timur Utara mencatatkan kuantiti jualan 11.3 juta tan metrik dengan nilai jualan RM9.70 bilion. Kinabatangan merupakan daerah yang menyumbang kuantiti dan nilai jualan tertinggi Subsektor Tanaman di Zon ini iaitu 42.7 peratus dengan kuantiti jualan 4.9 juta tan metrik yang bernilai RM4.14 bilion. Ini diikuti oleh Beluran dengan kuantiti jualan 3.3 juta tan metrik yang bernilai RM2.83 bilion, Sandakan, kuantiti jualan 2.7 juta tan metrik yang bernilai RM2.32 bilion serta Tongod, kuantiti jualan 271.4 ribu tan metrik yang bernilai RM278.02 juta. Sementara itu, Telupid mencatatkan kuantiti dan nilai jualan masing-masing 149.1 ribu tan metrik dan RM124.00 juta.

Penanaman kelapa sawit, buah-buahan dan getah merupakan tiga aktiviti utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam subsektor tanaman di Zon Pantai Timur Utara.

Paparan 147: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan

11.3 juta tan metrik



Nilai Jualan

RM9.70 bilion

Paparan 148: Tiga Tanaman dengan Kuantiti dan Nilai Jualan Tertinggi bagi Subsektor Tanaman, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Kelapa Sawit

11.3 juta tan metrik
RM9.55 bilion



Getah

9.9 ribu tan metrik
RM70.83 juta



Buah-Buahan

8.9 ribu tan metrik
RM47.75 juta

8.2.4.1 Kelapa Sawit

Penanaman kelapa sawit mencatatkan nilai jualan RM9.55 bilion, menyumbang 98.5 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon Pantai Timur Utara. Daerah penyumbang utama kepada penanaman kelapa sawit di zon ini ialah Kinabatangan iaitu 43.1 peratus kepada nilai jualan kelapa sawit zon ini dengan kuantiti jualan 4.9 juta tan metrik dan nilai jualan RM4.12 bilion.

8.2.4.2 Getah

Aktiviti penanaman getah di zon ini mencatatkan kuantiti jualan 9.9 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM70.83 juta, menyumbang 0.7 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman di zon ini. Tongod merupakan daerah penyumbang terbesar kepada nilai jualan getah di zon ini, iaitu RM49.66 juta dengan kuantiti jualan 6.0 ribu tan metrik.


8.2.4.3 Buah – Buahan

Nilai jualan bagi penanaman buah-buahan adalah RM47.75 juta atau menyumbang 0.6 peratus daripada nilai jualan subsektor tanaman zon. Daerah yang mencatatkan jualan tertinggi adalah Tongod dengan kuantiti 2.6 ribu tan metrik yang bernilai RM13.9 juta, menyumbang 29.1 peratus kepada nilai jualan buah-buahan di zon ini.

8.2.5 Pendapatan

Subsektor Tanaman merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM10.66 bilion. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM9.54 bilion. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Beluran (RM388.71 juta), Kinabatangan (RM257.98 juta) dan Tongod (RM215.94 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kinabatangan (RM4.3 bilion), Beluran (RM2.74 bilion) dan daerah Sandakan (RM2.41 bilion).


Carta 6: Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.2.6 PERBELANJAAN

Subsektor Tanaman merekodkan jumlah perbelanjaan RM3.6 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM411.46 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM2.75 bilion bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Beluran (RM136.22 juta), Kinabatangan (RM93.04 juta) dan Tongod (RM85.08 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Kinabatangan (RM1.23 bilion), Beluran (RM789.67 juta) dan daerah Sandakan (RM693.60 juta).

Carta 7: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023




8.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA


8.3.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2023 menunjukkan bahawa terdapat 448 pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Zon Pantai Timur Utara dengan 435 pegangan pertanian individu dan 13 pegangan pertanian pertubuhan. Beluran mencatatkan daerah yang mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 192 pegangan pertanian. Ini diikuti oleh Sandakan dengan 129 pegangan pertanian dan Kinabatangan 113 pegangan pertanian. Tongod merekodkan 12 pegangan pertanian, manakala Telupid mencatatkan 2 pegangan pertanian.

Paparan 149: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Carta 8: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.3.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Zon Pantai Timur Utara adalah 1.26 juta ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 23.4 juta biji telur dan 1.6 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Pengeluaran ternakan hidup di zon ini didominasi oleh pengeluaran ayam dan itik iaitu sumbangan 99.9 peratus daripada jumlah pengeluaran ternakan hidup di Zon Pantai Timur Utara. Daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran yang terbesar di zon ini adalah Sandakan, menyumbang 99.5 peratus dengan pengeluaran berjumlah 1.3 juta ekor.

Sementara itu, bagi pengeluaran hasilan ternakan, zon ini merekodkan sumbangan 10.4 peratus kepada pengeluaran sarang burung walet, madu dan hasilan lain Sabah. Kuantiti pengeluaran sarang burung walet, madu dan hasilan lain di zon ini adalah 1.6 tan metrik. Manakala, pengeluaran telur di zon ini pula adalah 23.4 juta biji. Sandakan merupakan daerah pengeluar tertinggi hasilan ternakan di zon ini dengan 672 kilogram sarang burung walet, madu dan hasilan lain, serta 23.4 juta biji telur.

Paparan 150: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023




8.3.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, Zon Pantai Timur Utara merekodkan jualan ternakan yang bernilai RM32.22 juta atau 1.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Subsektor Ternakan negeri Sabah. Kuantiti jualan ternakan hidup di Zon Pantai timur Utara adalah 903.3 ribu ekor dengan nilai RM20.51 juta. Manakala kuantiti jualan bagi hasilan ternakan adalah 23.3 juta biji telur dan 1.5 ribu kilogram meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain dengan nilai jualan RM9.16 juta dan RM3.29 juta.

Tiga daerah penyumbang utama kepada subsektor ternakan di zon ini adalah Sandakan dengan nilai jualan RM30.24 juta, Beluran (RM1.30 juta) dan Kinabatangan (RM900.0 ribu). Manakala, Telupid dan Tongod masing-masing mencatatkan nilai jualan RM484.63 ribu dan RM37.24 ribu.


Paparan 151: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.3.4 Pendapatan

Subsektor Ternakan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM39.40 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM36.49 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Beluran (RM17.66 juta), Kinabatangan (RM925.22 juta) dan Sandakan (RM189.77 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Tongod (RM38.10 juta), Sandakan (RM35.11 juta) dan daerah Telupid (RM1.37 juta).


Carta 9: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.3.5 Perbelanjaan

Subsektor Ternakan merekodkan jumlah perbelanjaan RM26.17 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM596.33 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM25.58 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Kinabatangan (RM271.55 juta), Sandakan (RM189.77 juta) dan Beluran (RM133.17 ribu).

Carta 10: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023




8.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA


8.4.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2023, Zon Pantai Timur Utara mempunyai 2,842 pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan dengan 2,827 pegangan pertanian individu dan 15 pegangan pertubuhan. Sandakan mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan 1,844 pegangan pertanian. Ini diikuti oleh Beluran dengan 624 pegangan pertanian dan Kinabatangan dengan 211 pegangan pertanian. Sementara itu, Tongod dan Telupid masing-masing mencatatkan 87 pegangan pertanian dan 76 pegangan pertanian.

Paparan 152: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Kategori, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023




Carta 11: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.4.2 Keluasan Ternakan Akuakultur

Dapatan Banci Pertanian 2023 menunjukkan bahawa Zon Pantai Timur Utara merekodkan keluasan 161.3 hektar untuk aktiviti akuakultur dengan 41.9 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan 119.4 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sandakan merekodkan keluasan ternakan terbesar dengan 145.8 hektar, diikuti oleh Tongod (6.7 hektar) dan Beluran (5.2 hektar). Telupid (2.6 hektar) dan Kinabatangan (1.1 hektar).


Carta 12 : Keluasan Ternakan Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, subsektor Perikanan di Zon Pantai Timur Utara merekodkan kuantiti pengeluaran 16.3 ribu tan metrik meliputi aktiviti tangkapan serta aktiviti akuakultur air tawar dan air payau atau 7.8 peratus daripada keseluruhan pengeluaran perikanan Sabah. Tiga daerah utama pengeluar perikanan di zon ini adalah Sandakan dengan pengeluaran 11.17 ribu tan metrik menyumbang 81.4 peratus kepada pengeluaran zon, diikuti oleh Beluran, 2.1 ribu tan metrik (9.9%) dan Kinabatangan, 1.1 ribu tan metrik (6.5%). Manakala, Tongod dan Telupid mencatatkan pengeluaran masing-masing 130.5 tan metrik dan 53.2 tan metrik.

Carta 13 : Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



Bagi aktiviti akuakultur, Kinabatangan merupakan daerah pengeluar tertinggi dengan 4.3 ribu ekor dan 2.6 tan metrik. Manakala, Telupid merekodkan jumlah pengeluaran terendah 3.3 tan metrik.

Paparan 153: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023

BAKA & BENIH DAN IKAN HIASAN (EKOR)	
Kinabatangan	4.3 ribu
Sandakan	1.8 ribu
Beluran	-
Telupid	-
Tongod	-


KUANTITI PENGELUARAN

AIR TAWAR & AIR PAYAU (TAN METRIK)	
Sandakan	1,754.3
Tongod	22.8
Beluran	6.0
Telupid	3.3
Kinabatangan	2.6

8.4.4 Kuantiti Dan Nilai Jualan

Zon Pantai Timur Utara mencatatkan kuantiti jualan 16.3 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM140.63 juta. Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh Sandakan iaitu RM106.90 juta dengan kuantiti jualan 13.0 ribu tan metrik, menyumbang 76.0 peratus kepada nilai jualan di zon ini. Diikuti oleh Beluran dengan nilai jualan RM17.42 juta dan kuantiti jualan 2.1 ribu tan metrik. Seterusnya, Kinabatangan dengan nilai jualan RM11.63 juta dan kuantiti jualan 1.1 ribu tan metrik. Manakala, Telupid mencatatkan nilai jualan terendah dengan RM2.10 Juta.

Paparan 154: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023








	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
Perikanan Tangkapan	14.6 tan metrik	RM121.36 juta
Akuakultur	1.8 ribu tan metrik 6.0 ribu ekor	RM19.27 juta

8.4.5 Pendapatan

Subsektor Perikanan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM142.42 juta. Daerah Sandakan mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM108.37 juta, diikuti Beluran (RM17.66 juta) dan Kinabatangan (RM11.67 juta). Manakala, Tongod dan Telupid merekodkan jumlah pendapatan RM2.59 juta dan RM2.12 juta.


Carta 14 : Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



8.4.6 Perbelanjaan

Subsektor Perikanan merekodkan jumlah perbelanjaan RM64.27 juta pada tahun 2023. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Sandakan (RM48.54 juta), diikuti oleh Beluran (RM8.18 juta) dan Kinabatangan (RM5.39 juta). Manakala, Tongod dan Telupid merekodkan jumlah perbelanjaan RM1.32 juta dan RM850.71 ribu.

Carta 15 : Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Utara, Sabah, 2023



9.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PANTAI TIMUR SELATAN

9.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pantai Timur Selatan yang terdiri daripada daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Kalabakan. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan melibatkan pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pantai Timur Selatan merekodkan penglibatan 24,960 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM9.43 bilion. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan nilai jualan di Zon Pantai Timur Selatan dengan nilai jualan RM7.77 bilion atau sumbangan 82.3 peratus, diikuti dengan Subsektor Perikanan, RM647.28 juta (6.9%); Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, RM417.67 juta (4.4%); Subsektor Ternakan, RM380.57 juta (4%); serta

Subsektor Akuakultur, RM220.95 juta (2.3%).


Dari segi nilai jualan mengikut daerah, Tawau mendominasi Sektor Pertanian di Zon Pantai Timur Selatan dengan nilai jualan RM4.05 bilion atau sumbangan 42.9 peratus daripada nilai jualan zon, diikuti oleh Lahad Datu dengan nilai jualan RM3.54 bilion (37.6%); Kunak, RM897.09 juta (9.5%) dan Semporna, RM846.10 juta (9.0%). Manakala, Kalabakan hanya mencatatkan nilai jualan RM97.13 juta (1.0%).

9.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PANTAI TIMUR SELATAN


9.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, Zon Pantai Timur Selatan merekodkan 15,959 pegangan pertanian yang terdiri daripada 14,885 pegangan pertanian individu dan 1,074 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Tawau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi subsektor tanaman iaitu 8,515 pegangan pertanian, diikuti oleh Lahad Datu, 4,111 pegangan pertanian dan Semporna, 1,397 pegangan pertanian. Manakala, Kalabakan dan Kunak masing-masing merekodkan 1,057 dan 879 pegangan pertanian.

Paparan 155: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Carta 16: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.2.2 Keluasan Bertanam Dan Bertuai

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Timur Selatan melibatkan kawasan bertanam seluas 606.0 ribu hektar atau 34.0 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam di negeri Sabah. Penggunaan utama tanah di zon ini membabitkan penanaman tanaman komoditi antaranya kelapa sawit dan getah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Daripada jumlah keluasan bertanam, 89.6 peratus atau 542.9 ribu hektar adalah keluasan bertuai.

Daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Lahad Datu dengan 270.2 ribu hektar (44.6%), diikuti oleh Tawau dengan keluasan 231.0 ribu hektar (38.1%) dan Kunak dengan keluasan 64.1 ribu hektar (10.6%). Manakala, Semporna dan Kalabakan masing-masing mencatatkan keluasan bertanam 32.8 ribu hektar (5.4%) dan 7.9 ribu hektar (1.3%).


Kalabakan mencatatkan kadar keluasan bertuai tertinggi iaitu 96.8 peratus dengan keluasan bertuai 7.7 ribu hektar berbanding 7.9 ribu hektar keluasan bertanam, diikuti oleh Kunak, 93.9 peratus dan Tawau, 93.6 peratus. Manakala, Semporna dan Lahad Datu mencatatkan kadar keluasan bertuai di bawah 90 peratus iaitu masing-masing 87.7 peratus dan 85.1 peratus.

Paparan 156: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Keluasan Bertanam


606.0 ribu hektar



Keluasan Bertuai

542.9 ribu hektar

Carta 17: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.2.3 Kuantiti Pengeluaran

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Timur Selatan mencatatkan kuantiti pengeluaran 9.1 juta tan metrik. Lahad Datu mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 3.9 juta tan metrik, seterusnya Tawau dengan 3.6 juta tan metrik dan Kunak dengan 1.0 juta tan metrik. Tanaman Kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini 9.0 juta tan metrik, diikuti oleh buah-buahan (26.1 ribu tan metrik) dan tanaman lain (13.7 ribu tan metrik).

Paparan 157: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Kuantiti Pengeluaran

9.1 juta tan metrik

Lahad Datu	: 3.9 juta tan metrik
Tawau	: 3.6 juta tan metrik
Kunak	: 1.0 juta tan metrik
Semporna	: 0.7 juta tan metrik
Kalabakan	: 0.1 juta tan metrik

Paparan 158: Kuantiti Pengeluaran bagi Tiga Tanaman Utama, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Kelapa Sawit

9.0 juta tan metrik



Buah-Buahan

26.1 ribu tan metrik



Tanaman Lain

13.7 ribu tan metrik

9.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Timur Selatan mencatatkan kuantiti jualan 9.1 juta tan metrik atau 39.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti jualan dengan nilai jualan RM7.77 bilion. Lahad Datu merekodkan kuantiti jualan 3.9 juta tan metrik dengan nilai jualan RM3.34 bilion, menyumbang 43.0 peratus kepada nilai jualan tanaman zon ini. Ini diikuti oleh Tawau dengan kuantiti jualan 3.6 juta tan metrik dan nilai jualan RM3.11 bilion, serta Kunak dengan kuantiti jualan 1.0 juta tan metrik dan nilai jualan RM834.41 juta. Sementara itu, Semporna dan Kalabakan mencatatkan kuantiti dan nilai jualan masing-masing 445.4 ribu tan metrik (RM390.58 juta) dan 103.1 ribu tan metrik (RM88.30 juta).

Tiga tanaman utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi di Zon Pantai Timur Selatan adalah kelapa sawit (RM7.62 bilion), buah-buahan (RM78.70 juta) dan sayur-sayuran (RM36.16 juta).

Paparan 159: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan

9.1 juta tan metrik



Nilai Jualan

RM7.77 bilion

Paparan 160: Nilai Jualan bagi Tiga Tanaman Utama, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Kelapa Sawit

RM7.62 bilion



Buah-Buahan

RM78.70 juta



Sayur-Sayuran

RM36.16 juta

9.2.4.1 Kelapa Sawit

Kelapa sawit mencatatkan jualan bernilai RM7.62 bilion dan menyumbang 98.1 peratus kepada nilai jualan subsektor tanaman Zon Pantai Timur Selatan. Daerah Lahad Datu merupakan penyumbang utama dengan nilai jualan tertinggi yang berjumlah RM3.31 bilion (43.4%) dan kuantiti jualan 3.9 juta tan metrik.

9.2.4.2 Sayur – Sayuran

Tanaman sayur - sayuran mencatatkan nilai jualan RM36.16 juta. Tawau merupakan daerah penyumbang tertinggi bagi nilai jualan iaitu 41.0 peratus atau RM15.69 juta dengan kuantiti jualan 2.2 ribu tan metrik.

9.2.4.3 Buah – Buahan


Tanaman buah-buahan mencatatkan nilai jualan RM78.70 juta. Tawau merupakan daerah penyumbang tertinggi bagi nilai jualan iaitu 59.3 peratus atau RM46.72 juta dengan kuantiti jualan 12.0 ribu tan metrik.

9.2.5 Pendapatan

Subsektor tanaman merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM8.55 bilion. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM3.36 bilion. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Tawau (RM389.32 juta), Lahad Datu (RM302.87 juta) dan Kunak (RM189.22 juta). Manakala pegangan

pertanian pertubuhan pula adalah Lahad Datu (RM3.36 bilion), Tawau (RM3.03 bilion) dan daerah Kunak (RM737.71 juta).


Carta 18: Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.2.6 Perbelanjaan

Subsektor tanaman merekodkan jumlah perbelanjaan RM2.55 bilion pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM387.26 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM2.16 bilion bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Tawau (RM143.89 juta), Lahad Datu (RM111.67 juta) dan Kunak (RM66.70 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Lahad Datu (RM962.60 juta), Tawau (RM873.81 juta) dan daerah Kunak (RM214.14 juta).

Carta 19: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023




9.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA


9.3.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat 659 pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Zon Pantai Timur Selatan dengan 636 pegangan pertanian individu dan 23 pegangan pertanian pertubuhan. Lahad Datu mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 363 pegangan pertanian. Ini diikuti oleh Semporna dengan 98 pegangan pertanian dan Tawau 67 pegangan pertanian. Manakala Kalabakan dan Kunak masing-masing merekodkan 67 dan 64 pegangan pertanian.

Paparan 161: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Carta 20: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.3.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Zon Pantai Timur Selatan adalah 23.0 juta ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula adalah 427.2 juta biji telur dan 2,731 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Pengeluaran ternakan hidup di zon ini didominasi oleh pengeluaran ayam dan itik yang menyumbang 25.0 peratus kepada jumlah keseluruhan pengeluaran ayam dan itik negeri Sabah. Kuantiti pengeluaran ayam dan itik di zon ini adalah 23.0 juta ekor, iaitu 66.6 peratus daripada jumlah pengeluaran ternakan hidup di Zon Pantai Timur Selatan. Daerah pengeluar ayam dan itik terbesar di zon ini adalah Tawau yang menyumbang hampir keseluruhan pengeluaran ayam dan itik di zon ini.

Sementara itu, bagi pengeluaran hasilan ternakan, zon ini merekodkan sumbangan 45.2 peratus kepada pengeluaran telur negeri Sabah, 19.9 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup serta 17.3 peratus kepada pengeluaran sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Tawau merupakan daerah pengeluar telur tertinggi di Sabah dengan kuantiti pengeluaran 427.2 juta biji.

Paparan 162: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.3.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, industri ternakan Zon Pantai Timur Selatan menyumbang RM380.57 juta atau 27.2 peratus daripada nilai jualan keseluruhan Subsektor Ternakan negeri Sabah. Subsektor Ternakan di Zon Pantai Timur Selatan didominasi oleh ternakan ayam dan itik serta pengeluaran telur.

Zon ini mencatatkan kuantiti jualan ternakan hidup 17.1 juta ekor dengan nilai jualan RM307.26 juta. Manakala, kuantiti jualan yang direkodkan bagi hasilan ternakan pula adalah 426.6 juta biji telur dan 2,626 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain dengan jumlah nilai jualan RM6.06 juta.

Tiga daerah utama penyumbang kepada Subsektor Ternakan di zon ini adalah Tawau dengan sumbangan nilai jualan RM502.58 juta, diikuti oleh Lahad Datu (RM34.00 juta) dan Kalabakan (RM1.14 juta). Manakala, Semporna dan Kunak masing-masing mencatatkan nilai jualan RM0.95 juta dan RM0.73 juta.


Paparan 163: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.3.4 Pendapatan

Subsektor ternakan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM567.18 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM547.82 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Lahad Datu (RM13.08 juta), Tawau (RM3.44 juta) dan Kalabakan (RM1.14 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Tawau (RM525.40 juta), Lahad Datu (RM22.42 juta) dan daerah Semporna (RM7.89 ribu).

Carta 21: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.3.5 Perbelanjaan

Subsektor ternakan merekodkan jumlah perbelanjaan RM370.18 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan perbelanjaan RM4.44 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah perbelanjaan RM365.74 juta bagi aktiviti yang sama. Daerah yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Lahad Datu (RM3.08 juta), Semporna (RM497.22 ribu) dan Kalabakan (RM346.43 ribu). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Tawau (RM353.69 juta), Lahad Datu (RM12.05 juta) dan Semporna (RM2.57 ribu).

Carta 22: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PANTAI TIMUR UTARA

9.4.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pantai Timur Selatan mempunyai 8,546 pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan dengan 8,494 pegangan pertanian individu dan 52 pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah ini, Semporna mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan 4,579 pegangan pertanian. Ini diikuti oleh Tawau dengan 2,543 pegangan pertanian dan Lahad Datu dengan 819 pegangan pertanian. Sementara itu, Kunak mencatatkan 437 pegangan pertanian, manakala Kalabakan pula merekodkan 168 pegangan pertanian.

Paparan 164: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



Pegangan Pertanian

8,546



Individu


8,494



Pertubuhan

52


Carta 23: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.4.2 Keluasan Ternakan Akuakultur

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Zon Pantai Timur Selatan merekodkan 6.6 ribu hektar keluasan aktiviti akuakultur dengan 3.5 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan 3.1 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Semporna merekodkan keluasan terbesar dengan 5.9 ribu hektar, diikuti oleh Tawau dengan 305.8 hektar dan Lahad Datu dengan 186.6 hektar. Kunak pula mencatatkan keluasan 135.8 hektar, manakala Kalabakan mencatatkan keluasan 11.4 hektar.


Carta 28: Keluasan Ternakan Subsektor Akuakultur, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan di Zon Pantai Timur Selatan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 306.3 ribu tan metrik meliputi aktiviti perikanan tangkapan serta aktiviti akuakultur air tawar dan air payau, serta 391 ekor meliputi aktiviti akuakultur baka & benih dan ikan hiasan. Semporna merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi bagi aktiviti perikanan tangkapan dengan 41.0 ribu tan metrik, diikuti oleh Lahad Datu (19.6 ribu tan metrik), Tawau (10.8 ribu tan metrik), Kunak (5.6 ribu tan metrik) dan Kalabakan (437 tan metrik).

Carta 24: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023




Bagi aktiviti akuakultur, Semporna merupakan daerah pengeluar tertinggi dengan 166.2 ribu tan metrik. Manakala, Kalabakan merekodkan jumlah pengeluaran terendah dengan 664.5 tan metrik.

Paparan 165: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023

BAKA & BENIH DAN IKAN HIASAN (EKOR)	
Lahad Datu	161
Kunak	130
Semporna	100
Tawau	-
Kalabakan	-



KUANTITI PENGELUARAN




AIR TAWAR & AIR PAYAU (TAN METRIK)	
Semporna	166.2 ribu
Tawau	45.2 ribu
Lahad Datu	9.5 ribu
Kunak	7.2 ribu
Kalabakan	666

9.4.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Timur Selatan mencatatkan kuantiti jualan 78.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM647.28 juta. Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh Semporna iaitu RM337.93 juta dengan kuantiti jualan 40.6 ribu tan metrik, menyumbang 52.2 peratus kepada nilai jualan Perikanan di zon ini. Daerah kedua yang mencatat nilai jualan tertinggi adalah Lahad Datu dengan jualan bernilai RM156.46 juta dan kuantiti jualan 19.3 ribu tan metrik. Seterusnya, Tawau merekodkan nilai jualan berjumlah RM95.69 juta dengan kuantiti jualan 11.5 tan metrik.

Paparan 166: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023








	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
Perikanan Tangkapan	78.0 ribu tan	RM647.28 juta
Akuakultur	228.0 ribu tan	RM220.95 juta
	286 ekor	

9.4.5 Pendapatan

Subsektor perikanan merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah RM880.12 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM151.19 juta. Daerah yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Semporna (RM413.08 juta), Lahad Datu (RM160.33 juta) dan Tawau (RM90.57 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah Tawau (RM93.52 juta), Semporna (RM44.17 juta) dan daerah Lahad Datu (RM9.82 juta).


Carta 25 : Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



9.4.6 Perbelanjaan

Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM373.35 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Perikanan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Semporna (RM180.08 juta), diikuti oleh Tawau (RM92.92 juta) dan Lahad Datu (RM73.95 juta). Manakala Kunak dan Kalabakan masing-masing mencatatkan jumlah perbelanjaan RM23.03 juta dan RM3.35 juta.

Carta 26: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Timur Selatan, Sabah, 2023



10.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PANTAI BARAT UTARA

10.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pantai Barat Utara yang terdiri daripada daerah Ranau, Kota Belud, Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan melibatkan pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023, Zon Pantai Barat Utara merekodkan penglibatan 53,104 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM1.50 bilion. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah nilai jualan keseluruhan di Zon Pantai Barat Utara dengan nilai jualan berjumlah RM1.16 bilion, diikuti dengan Subsektor Perikanan (RM260.79 juta), Subsektor Ternakan (RM61.67 juta) dan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan (RM20.16 juta).


Dari perspektif nilai jualan mengikut daerah, Ranau mendominasi sektor pertanian di Zon Pantai Barat Utara dengan nilai jualan RM456.56 juta mewakili 30.4 peratus daripada nilai jualan keseluruhan zon, diikuti oleh Kudat, RM422.87 juta (28.2%) dan Kota Belud, RM213.14 juta (14.2%). Manakala, Pitas dan Kota Marudu pula masing-masing mencatatkan nilai jualan RM205.43 juta dan RM202.01 juta.

10.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PANTAI BARAT UTARA


10.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, Zon Pantai Barat Utara merekodkan 49,833 pegangan pertanian yang terdiri daripada 49,757 pegangan pertanian individu dan 76 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Ranau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi Subsektor Tanaman iaitu 12,743 pegangan pertanian, diikuti oleh Kota Marudu dengan 12,312 pegangan pertanian dan Kota Belud, 11,197 pegangan pertanian. Manakala, Kudat dan Pitas pula masing-masing mencatatkan 6,926 pegangan pertanian dan 6,655 pegangan pertanian.

Paparan 167: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



Carta 27: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023




10.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Subsektor tanaman di Zon Pantai Barat Utara meliputi kawasan bertanam seluas 145.0 ribu hektar atau 8.1 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam di negeri Sabah. Penggunaan tanah di zon ini diliputi pelbagai jenis tanaman industri dan tanaman makanan antaranya adalah getah, kelapa sawit dan sayur-sayuran. Daripada keseluruhan keluasan bertanam, 93.5 peratus atau 135.6 ribu hektar adalah keluasan bertuai. Ini menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dalam pengurusan tanah tanaman.


Tiga daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Kota Marudu dengan keluasan 36.2 ribu hektar, diikuti oleh Ranau (35.5 ribu hektar) dan Kota Belud (25.3 ribu hektar). Manakala, Kudat dan Pitas masing-masing mencatatkan keluasan bertanam 25.1 ribu hektar dan 22.8 ribu hektar.

Dari perspektif kadar keluasan bertuai, semua daerah di Zon Pantai Barat Utara merekodkan kadar keluasan bertuai melebihi 90.0 peratus. Kota Marudu mencatatkan kadar keluasan bertuai tertinggi iaitu 94.7 peratus dengan keluasan 34.2 ribu hektar berbanding 36.2 ribu hektar keluasan bertanam, diikuti oleh Kudat (93.9%) dan Pitas (93.5%). Manakala, Kota Belud dan Ranau masing-masing mencatatkan kadar keluasan bertuai 92.8 peratus dan 92.5 peratus.

Paparan 168: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023




Carta 28: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.2.3 Kuantiti Pengeluaran


Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Utara mencatatkan kuantiti pengeluaran 769.9 ribu tan metrik. Ranau mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 222.9 ribu tan metrik, diikuti oleh Kudat (176.3 ribu tan metrik), Kota Marudu (164.0 ribu tan metrik) dan Pitas (137.5 ribu tan metrik). Manakala, Kota Belud mencatatkan kuantiti pengeluaran terendah dengan 69.3 ribu tan metrik.

Carta 29: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



Tiga tanaman utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini adalah kelapa sawit (589.3 ribu tan metrik), diikuti oleh buah-buahan termasuk nanas (48.0 ribu tan metrik) dan padi (45.2 ribu tan metrik).

Paparan 169: Tiga Tanaman Utama mengikut Kuantiti Pengeluaran Tertinggi, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Barat Utara mencatatkan kuantiti jualan 753.0 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM1.16 bilion. Ranau melaporkan kuantiti dan nilai jualan tertinggi iaitu 219.1 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM445.22 juta, menyumbang 38.5 peratus kepada nilai jualan keseluruhan Subsektor Tanaman zon ini. Ini diikuti oleh Kudat dengan nilai jualan RM208.49 juta dan kuantiti jualan 175.0 ribu tan metrik, Kota Marudu (RM192.95 juta; 161.6 ribu tan metrik) dan Pitas (RM182.18 juta; 136.9 ribu tan metrik). Manakala, Kota Belud merekodkan nilai jualan RM128.61 juta dengan kuantiti jualan 60.4 ribu tan metrik.

10.2.4.1 Kelapa Sawit

Penanaman Kelapa sawit yang mencatatkan nilai jualan RM491.05 juta, menyumbang 42.4 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon Pantai Barat Utara. Daerah Ranau merupakan penyumbang utama kepada penanaman kelapa sawit di zon ini dengan kuantiti jualan 165.6 ribu tan metrik dan nilai jualan RM138.33 juta.

10.2.4.2 Sayur-Sayuran

Nilai jualan bagi tanaman sayur-sayuran adalah RM204.64 juta atau menyumbang 17.9 peratus daripada nilai jualan Subsektor Tanaman di zon ini. Daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi adalah Ranau dengan nilai jualan RM178.62 juta dan kuantiti jualan 33.8 ribu tan metrik. Sayur kobis merupakan sayur-sayuran yang mencatatkan pengeluaran dan nilai jualan tertinggi bagi Ranau.


10.2.4.3 Getah

Aktiviti penanaman getah di zon ini mencatatkan kuantiti jualan 28.7 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM168.54 juta, menyumbang 14.6 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Utara. Daerah Pitas merupakan penyumbang terbesar kepada nilai jualan getah iaitu RM66.96 juta dengan kuantiti jualan 10.0 ribu tan metrik.

10.2.5 Pendapatan

Zon Pantai Barat Utara merekodkan jumlah pendapatan RM1.60 bilion bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023. Daerah Ranau mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM592.88 juta, diikuti Kota Marudu (RM316.49 juta) dan Kudat (RM255.49 juta). Manakala Kota Belud merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM201.07 juta.


Carta 30 : Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.2.6 Perbelanjaan

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM519.48 juta pada tahun 2023. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Ranau (RM199.48 juta), Kota Marudu (RM89.43 juta) dan Kudat (RM84.63 juta).

Carta 31: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PANTAI BARAT UTARA

10.3.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat 733 pegangan pertanian bagi Subsektor Ternakan di Zon Pantai Barat Utara dengan 723 pegangan pertanian individu dan 10 pegangan pertanian pertubuhan. Kudat mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 248 pegangan pertanian, diikuti oleh Pitas (154), Kota Marudu (148), Kota Belud (138) dan Ranau (45).

Paparan 170: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



Pegangan Pertanian

733



Individu


723



Pertubuhan

10

Carta 32: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.3.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Zon Pantai Barat Utara adalah 18.4 juta ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 874.9 ribu biji telur, 2.5 juta liter susu segar dan 21.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil ternakan lain.

Daerah Kota Belud merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi ternakan hidup dan pengeluaran telur di zon ini iaitu 18.4 juta ekor ternakan dan 344.4 ribu biji telur. Manakala, Ranau merupakan penyumbang utama penghasilan susu segar di zon ini dengan kuantiti pengeluaran 2.0 juta liter. Kudat pula merupakan daerah terbesar yang menghasilkan 9.9 ribu kilogram hasilan ternakan meliputi penghasilan sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Paparan 171: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023




10.3.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, kuantiti jualan ternakan hidup di Zon Pantai Barat Utara adalah 15.5 juta ekor, manakala kuantiti jualan bagi hasilan ternakan pula mencatatkan 766.1 ribu biji telur, 2.5 juta liter susu segar dan 20.9 ribu kilogram meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain dengan jumlah nilai jualan RM61.67 juta.

Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh Kota Belud dengan RM45.91 juta, diikuti dengan Ranau (RM9.56 juta), Kota Marudu (RM2.95 juta), Kudat (RM2.08 juta) dan Pitas (RM1.17 juta).


Paparan 172: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.3.4 Pendapatan

Zon Pantai Barat Utara merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM65.85 juta bagi Subsektor Ternakan pada tahun 2023. Daerah Kota Belud mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM48.47 juta, diikuti Ranau (RM10.40 juta) dan Kota Marudu (RM3.57 juta). Manakala Pitas merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM1.32 juta.


Carta 33: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.3.5 Perbelanjaan

Zon Pantai Barat Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM29.82 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Ternakan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Kota Belud (RM18.92 juta), manakala Kudat merekodkan jumlah perbelanjaan terendah dengan RM248 ribu.

Carta 34 : Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023




10.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PANTAI BARAT UTARA

10.4.1 Pegangan Pertanian


Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pantai Barat Utara mempunyai 2,994 pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan dengan 2,980 pegangan pertanian individu dan 14 pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah ini,

Kudat mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan 1,369 pegangan pertanian, diikuti dengan Pitas (863), Kota Marudu (319), Kota Belud (317) dan Ranau (126).

Paparan 173: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



Carta 35: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Aktiviti dan Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.4.2 Keluasan Ternakan Akuakultur

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan Zon Pantai Barat Utara merekodkan keluasan ternakan seluas 310 hektar bagi aktiviti akuakultur dengan 133 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan 177 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kudat merekodkan keluasan terbesar dengan 251 hektar atau meliputi 80.9 peratus daripada keluasan ternakan akuakultur zon ini. Ini diikuti oleh Ranau (26 hektar), Kota Belud (17 hektar), Pitas (14 hektar) dan Kota Marudu (3 hektar).


Carta 36: Keluasan Ternakan Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan di Zon Pantai Barat Utara merekodkan kuantiti pengeluaran 30.7 ribu tan metrik meliputi aktiviti perikanan tangkapan serta aktiviti akuakultur air tawar dan air payau, serta 38.9 juta ekor meliputi aktiviti akuakultur baka & benih dan ikan hiasan. Kudat merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi bagi aktiviti perikanan tangkapan dengan 22,5 ribu tan metrik, diikuti oleh Kota Belud (3.5 ribu tan metrik), Pitas (2.3 ribu tan metrik), Kota Marudu (754 tan metrik) dan Ranau (102 tan metrik).

Carta 37: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



Bagi aktiviti akuakultur, Kudat merupakan daerah pengeluar tertinggi dengan 38.9 juta ekor dan 805 tan metrik. Manakala, Kota Marudu merekodkan jumlah pengeluaran terendah dengan 280 ekor dan 19 tan metrik.

Paparan 174: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023

BAKA & BENIH DAN IKAN HIASAN (EKOR)	
Kudat	38.9 juta
Pitas	16.2 ribu
Ranau	14.8 ribu
Kota Belud	500
Kota Marudu	280




AIR TAWAR & AIR PAYAU (TAN METRIK)	
Kudat	805
Kota Belud	591
Ranau	75
Pitas	42
Kota Marudu	19

10.4.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Barat Utara mencatatkan kuantiti jualan 29.9 ribu tan metrik dan 39.0 juta ekor dengan nilai jualan RM260.79 juta. Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh daerah Kudat dengan RM192.74 juta, menyumbang 73.9 peratus kepada nilai jualan Subsektor Perikanan di zon ini, diikuti oleh Kota Belud (RM38.14 juta), Pitas (RM22.07 juta) dan Kota Marudu (RM6.06 juta). Manakala, Ranau mencatatkan nilai jualan terendah dengan RM1.78 juta.



Paparan 175: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023




	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan
Perikanan	28.4 ribu tan metrik	RM225.08 juta
Akuakultur	1.5 ribu tan metrik 38.9 juta ekor	RM35.71 juta

10.4.5 Pendapatan

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan bagi Zon Pantai Barat Utara merekodkan jumlah pendapatan RM269.96 juta. Daerah Kudat mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM199.29 juta, diikuti Kota Belud (RM38.45 juta) dan Pitas (RM24.25 juta). Manakala Kota Marudu dan Ranau merekodkan jumlah pendapatan kurang daripada RM10.0 juta.


Carta 38: Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



10.4.6 Perbelanjaan

Zon Pantai Barat Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM122.42 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Perikanan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Kudat (RM91.47 juta), diikuti oleh Kota Belud (RM16.64 juta) dan Pitas (RM10.71 juta). Manakala Kota Marudu dan Ranau masing-masing mencatatkan jumlah perbelanjaan kurang RM10.0 juta.

Carta 39: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Utara, Sabah, 2023



11.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PANTAI BARAT SELATAN

11.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pantai Barat Selatan yang terdiri daripada daerah Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang, Putatan dan Papar. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan melibatkan pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pantai Barat Selatan merekodkan penglibatan 15,296 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM1.85 bilion. Subsektor Ternakan merupakan penyumbang utama kepada jumlah nilai jualan keseluruhan di Zon Pantai Barat Selatan dengan nilai jualan RM1.06 bilion diikuti dengan Subsektor Perikanan (RM449.17 juta), Subsektor Tanaman (RM340.53 juta), serta Subsektor Perhutanan dan Pembalakan (RM5.46 juta).


Dari perspektif nilai jualan mengikut daerah, Kota Kinabalu mendominasi Sektor Pertanian di Zon Pantai Barat Selatan dengan nilai jualan RM880.90 juta mewakili 47.5 peratus daripada nilai jualan zon diikuti Papar dengan nilai jualan RM562.18 juta (30.3%) dan Tuaran dengan nilai jualan RM295.99 juta (16.0%). Manakala, Penampang dan Putatan mencatatkan nilai jualan di bawah RM100 juta iaitu masing-masing RM88.02 juta dan RM25.68 juta.

11.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PANTAI BARAT SELATAN


11.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, Zon Pantai Barat Selatan merekodkan 13,691 pegangan pertanian yang terdiri daripada 13,529 pegangan pertanian individu dan 162 pegangan pertanian pertubuhan. Tuaran mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi Subsektor Tanaman iaitu 7,405 pegangan pertanian, diikuti oleh Papar dengan 2,312 pegangan pertanian dan Penampang 1,900 pegangan pertanian. Kota Kinabalu mencatatkan 1,862 pegangan pertanian, manakala Putatan 212 pegangan pertanian.

Paparan 175: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Selatan, 2023



Carta 40: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023




11.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai


Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Selatan melibatkan kawasan bertanam seluas 33.8 ribu hektar atau 1.9 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam di negeri Sabah. Penggunaan tanah di zon ini membabitkan penanaman pelbagai jenis tanaman industri dan buah-buahan, antaranya getah, kelapa sawit dan padi. Daripada keseluruhan keluasan bertanam, 90.4 peratus atau 30.5 ribu hektar adalah keluasan bertuai. Ini menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dalam pengurusan tanaman. Tiga daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Tuaran dengan 15.8 ribu hektar, diikuti oleh Papar dengan keluasan 7.9 ribu hektar dan Kota Kinabalu dengan keluasan 6.3 ribu hektar. Manakala, Penampang dan Putatan pula masing-masing mencatatkan keluasan bertanam 3.6 ribu hektar dan 163.1 hektar.

Putatan mencatatkan kadar keluasan bertuai tertinggi iaitu 92.8 peratus dengan keluasan 151 hektar berbanding 163 hektar keluasan bertanam, diikuti oleh Kota Kinabalu (91.8%), Penampang (91.6%) dan Tuaran (91.2%). Manakala, Papar mencatatkan kadar bertuai di bawah 90 peratus iaitu 87.1 peratus.

Paparan 176: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Carta 41: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023




11.2.3 Kuantiti Pengeluaran


Subsektor tanaman di Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan kuantiti pengeluaran 172.0 ribu tan metrik. Daerah Papar mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 58.1 ribu tan metrik, seterusnya Kota Kinabalu dengan 53.5 ribu tan metrik dan Tuaran dengan 44.9 ribu tan metrik. Manakala, Penampang dan Putatan masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran 13.9 ribu tan metrik dan 1.6 ribu tan metrik.

Tanaman utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini adalah kelapa sawit (109.3 ribu tan metrik), diikuti oleh buah-buahan (20.5 ribu tan metrik) dan sayur-sayuran (9.3 ribu tan metrik).

Carta 42: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Paparan 178 : Tiga Tanaman Utama mengikut Kuantiti Pengeluaran Tertinggi, Subsektor Tanaman, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan kuantiti jualan 163.7 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM340.53 juta. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan di Tuaran iaitu 40.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM118.03 juta, menyumbang 34.7 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman zon ini. Diikuti oleh Papar yang mencatatkan kuantiti jualan 56.3 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM83.79 juta, dan Kota Kinabalu dengan kuantiti jualan 52.5 ribu tan metrik dan nilai jualan RM78.35 juta. Manakala, Penampang dan Putatan masing-masing mencatatkan nilai jualan di bawah RM60 juta dengan RM54.32 juta (12.7 ribu tan metrik) dan RM6.04 juta (1.4 ribu tan metrik).

Penanaman buah-buahan, kelapa sawit dan sayur-sayuran merupakan tiga aktiviti utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Selatan.

Paparan 179: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan


163.7 ribu tan metrik



Nilai Jualan

RM340.53 juta

Carta 43: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.2.4.1 Buah – Buahan

Nilai jualan bagi penanaman buah-buahan bagi Zon Pantai Barat Selatan adalah RM74.02 juta, menyumbang 35.4 peratus daripada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon. Kuantiti jualan yang direkodkan adalah 30,602 tan metrik. Tuaran mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM29.20 juta dengan kuantiti jualan 17,180 tan metrik, menyumbang 49.7 peratus kepada nilai jualan buah-buahan di Zon ini. Nanas merupakan penyumbang utama kepada tanaman buah-buahan di Tuaran dengan sumbangan RM30.65 juta atau 51.2 peratus.

11.2.4.2 Kelapa Sawit

Penanaman Kelapa sawit yang mencatatkan nilai jualan RM93.98 juta, menyumbang 27.6 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon Pantai Barat Selatan. Daerah penyumbang utama kepada penanaman kelapa sawit di zon ini ialah Papar dengan kuantiti jualan 47,282 tan metrik dan nilai jualan RM40.47 juta, menyumbang 43.1 peratus kepada nilai jualan kelapa sawit zon ini.


11.2.4.3 Sayur – Sayuran

Tanaman makanan seperti sayur-sayuran juga merupakan antara aktiviti pertanian yang penting bagi Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Selatan. Aktiviti penanaman sayur-sayuran di zon ini mencatatkan kuantiti jualan 8,990 tan metrik dengan nilai jualan RM60.77 juta. Daerah Tuaran turut menjadi penyumbang utama bagi penanaman sayur-sayuran di zon ini dengan nilai RM22.68 juta dan 3,151 tan metrik. Pengeluaran sayur utama di daerah ini adalah sayur Kucai.

11.2.1 Pendapatan

Zon Pantai Barat Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM479.38 juta bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023. Daerah Tuaran mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM165.33 juta, diikuti Kota Kinabalu (RM115.48 juta) dan Papar (RM106.44 juta). Manakala Putatan merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM6.78 juta.


Carta 44: Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.2.2 Perbelanjaan

Subsektor Tanaman di Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM180.04 juta pada tahun 2023. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah daerah Tuaran (RM65.91 juta), Kota Kinabalu (RM41.80 juta) dan Papar (RM37.85 juta).

Carta 45: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PANTAI BARAT SELATAN

11.3.3 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat 332 pegangan pertanian bagi subsektor ternakan di Zon Pantai Barat Selatan dengan 279 pegangan pertanian individu dan 53 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Tuaran mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 105 pegangan pertanian. Ini diikuti oleh Papar (81 pegangan pertanian), Kota Kinabalu (63 pegangan pertanian), Penampang (60 pegangan pertanian) dan Putatan (23 pegangan pertanian).

Paparan 180: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Pegangan Pertanian

332



Individu


279



Pertubuhan

53

Carta 46: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.3.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Zon Pantai Barat Selatan 88.0 juta ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 469.1 juta biji telur, 241.5 ribu liter susu segar dan 5.4 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Daerah Kota Kinabalu merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran ternakan hidup dan penghasilan susu segar di zon ini, masing-masing merekodkan kuantiti pengeluaran 43.7 juta ekor dan 204.1 ribu liter. Manakala, Papar pula merupakan daerah utama pengeluar telur dan hasilan ternakan lain termasuk sarang burung walet dan madu dengan catatan kuantiti pengeluaran 344.9 juta biji dan 2,453 kilogram.

Paparan 181: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023




11.3.5 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, Zon Pantai Barat Selatan merekodkan kuantiti jualan ternakan hidup 79.9 juta ekor, manakala kuantiti jualan bagi hasilan ternakan pula direkodkan 464.9 juta biji telur, 241.5 ribu liter susu segar dan 5.2 ribu kilogram meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain dengan jumlah nilai jualan RM1.06 bilion.

Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh daerah Papar dengan RM460.21 juta, Kota Kinabalu (RM415.10 juta) dan Tuaran (RM153.91 juta). Manakala, Penampang dan Putatan masing-masing mencatatkan nilai jualan kurang daripada RM30.00 juta iaitu RM28.34 juta dan RM44.40 ribu.


Paparan 182: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.3.6 Pendapatan

Pada tahun 2023, Subsektor Ternakan bagi Zon Pantai Barat Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM1.46 bilion. Daerah Kota Kinabalu mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM662.38 juta, diikuti Papar (RM604.67 juta) dan Tuaran (RM159.36 juta). Manakala Putatan merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM48.75 ribu.


Carta 47: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.3.7 Perbelanjaan

Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM772.54 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Ternakan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Kota Kinabalu (RM343.17 juta), diikuti oleh Papar (RM327.22 juta) dan Tuaran (RM89.32 juta).

Carta 48: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023




11.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PANTAI BARAT SELATAN


11.4.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pantai Barat Selatan mempunyai 1,365 pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan dengan 1,338 pegangan pertanian individu dan 27 pegangan pertanian pertubuhan. Daripada jumlah ini, Tuaran mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan 797 pegangan pertanian, diikuti oleh Papar dengan 203 pegangan pertanian dan Kota Kinabalu dengan 200 pegangan pertanian. Sementara itu, Putatan mencatatkan 91 pegangan pertanian, manakala Penampang merekodkan 74 pegangan pertanian.

Paparan 183: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Kategori, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Carta 49: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Aktiviti dan Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, 2023




11.4.2 Keluasan Ternakan Akuakultur

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Zon Pantai Barat Selatan merekodkan keluasan 94.4 hektar untuk aktiviti akuakultur dengan 80.3 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan 14.1 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Tuaran merekodkan keluasan terbesar dengan 64.3 hektar, diikuti oleh Penampang dengan 20.6 hektar dan Kota Kinabalu dengan 5.8 hektar. Papar pula mencatatkan keluasan 3.6 hektar, manakala Putatan mencatatkan keluasan 0.1 hektar.

Carta 50: Keluasan Kawasan Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023




11.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan di Zon Pantai Barat Selatan merekodkan kuantiti pengeluaran 54.0 ribu tan metrik meliputi aktiviti perikanan tangkapan serta aktiviti akuakultur air tawar dan air payau, serta 70.31 juta ekor meliputi aktiviti akuakultur baka & benih dan ikan hiasan.

Kota Kinabalu merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi bagi aktiviti perikanan tangkapan dengan 45.0 ribu tan metrik, diikuti oleh Tuaran (3.6 ribu tan metrik), Putatan (2.5 ribu tan metrik) dan Papar (2.3 ribu tan metrik).

Carta 51: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



Bagi aktiviti akuakultur, Kota Kinabalu merupakan daerah penyumbang terbesar bagi pengeluaran baka & benih dan ikan hiasan dengan 70.0 juta ekor. Tuaran pula merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau dengan 1.1 ribu tan metrik.

Paparan 184: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023

BAKA & BENIH DAN IKAN HIASAN (EKOR)	
Kota Kinabalu	70.03 juta
Tuaran	274.6 ribu
Papar	7.0 ribu
Putatan	800
Penampang	40

KUANTITI PENGELUARAN


AIR TAWAR & AIR PAYAU (TAN METRIK)	
Tuaran	1.1 ribu
Penampang	253
Kota Kinabalu	160
Papar	132
Putatan	2

11.4.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan kuantiti jualan 54.0 ribu tan metrik dan 70.3 juta ekor dengan nilai jualan RM449.17 juta. Nilai jualan tertinggi

direkodkan oleh daerah Kota Kinabalu iaitu RM382.07 juta dengan sumbangan 85.1 peratus kepada nilai jualan Subsektor Perikanan di zon ini, diikuti oleh Tuaran (RM23.98 juta), Putatan (RM19.60 juta) dan Papar (RM18.16 juta). Manakala, Penampang mencatatkan nilai jualan terendah dengan RM5.36 juta.


Paparan 185: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.4.5 Pendapatan

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan bagi Zon Pantai Barat Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM452.16 juta. Daerah Kota Kinabalu mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM382.50 juta, diikuti Tuaran (RM26.07 juta) dan Putatan (RM19.66 juta) dan. Manakala Papar merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM18.56 juta.


Carta 52: Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



11.4.6 Perbelanjaan

Zon Pantai Barat Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM230.22 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Perikanan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Kota Kinabalu (RM201.58 juta), diikuti oleh Tuaran (RM11.19 juta) dan Putatan (RM7.96 juta). Papar mencatatkan jumlah perbelanjaan RM7.46 juta.

Carta 53: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pantai Barat Selatan, Sabah, 2023



12.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PEDALAMAN UTARA

12.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pedalaman Utara yang terdiri daripada daerah Tenom, Nabawan, Keningau dan Tambunan. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan melibatkan pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan.

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023, Zon Pedalaman Utara merekodkan penglibatan 30,632 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM1.27 bilion. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah nilai jualan keseluruhan di Zon Pedalaman Utara dengan nilai jualan berjumlah RM1.07 bilion, diikuti Subsektor Perhutanan dan Pembalakan (RM158.71 juta), Subsektor Ternakan (RM39.60 juta), Subsektor Akuakultur (RM1.77 juta) dan Subsektor Perikanan Tangkapan (RM772.71 ribu).


Dari perspektif nilai jualan mengikut daerah, Keningau mendominasi Sektor Pertanian di Zon Pedalaman Utara dengan nilai jualan RM735.71 juta menyumbang 58.0 peratus daripada nilai jualan di zon ini. Diikuti Tenom dengan nilai jualan RM159.23 juta (12.6%). Manakala, Nabawan dan Tambunan masing-masing mencatatkan nilai jualan RM109.65 juta (8.6%) dan RM63.0 juta (5.0%).

12.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PEDALAMAN UTARA


12.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, Zon Pedalaman Utara merekodkan 30,414 pegangan pertanian yang terdiri daripada 30,328 pegangan pertanian individu dan 86 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Keningau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi bagi Subsektor Tanaman iaitu 14,016 pegangan pertanian, diikuti oleh Tenom dengan 8,129 pegangan pertanian dan Tambunan dengan 4,193 pegangan pertanian. Manakala, Nabawan merekod kan 4,076 pegangan pertanian.

Paparan 186: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Carta 54: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah,Zon Pedalaman Utara, 2023



12.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Subsektor tanaman di Zon Pedalaman Utara meliputi kawasan bertanam seluas 149.6 ribu hektar. Penggunaan tanah di zon ini diliputi pelbagai jenis tanaman industri dan tanaman makanan antaranya adalah kelapa sawit, getah, dan buah-buahan. Daripada keseluruhan keluasan bertanam, 92.2 peratus atau 138.0 ribu hektar adalah keluasan bertuai. Ini menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dalam pengurusan tanah tanaman.

Tiga daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Keningau dengan 79.7 ribu hektar, diikuti oleh Tenom (30.3 ribu hektar) dan Nabawan (20.7 ribu hektar).


Dari perspektif kadar keluasan bertuai, Keningau mencatatkan kadar keluasan bertuai tertinggi iaitu 92.6 peratus dengan keluasan 79.7 ribu hektar berbanding 86.1 ribu hektar keluasan bertanam, diikuti oleh Tenom (93.2%) dan Tambunan (85.3%). Manakala, Nabawan mencatatkan kadar bertuai 92.3 peratus.

Paparan 187: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Keluasan Bertanam


149.6 ribu hektar



Keluasan Bertuai

138.0 ribu hektar


Carta 55: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, 2023



12.2.3 Kuantiti Pengeluaran


Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Utara mencatatkan kuantiti pengeluaran 1.01 juta tan metrik. Keningau mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 724.2 ribu tan metrik, diikuti oleh Tenom (151.6 ribu tan metrik), dan Nabawan (116.2 ribu tan metrik). Manakala, Tambunan mencatatkan kuantiti pengeluaran terendah dengan 20.1 ribu tan metrik.

Carta 56: Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Tiga tanaman utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini adalah kelapa sawit (920.3 ribu tan metrik), diikuti oleh getah (34.8 ribu tan metrik) dan buah-buahan (16.9 ribu tan metrik).

Paparan 188: Tiga Tanaman Utama mengikut Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Kuantiti Pengeluaran



Kelapa Sawit

920.3 ribu tan metrik



Getah

34.8 ribu tan metrik



Buah-Buahan

16.9 ribu tan metrik

12.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pedalaman Utara mencatatkan kuantiti jualan 1.01 juta tan metrik dengan nilai jualan RM1.07 bilion. Keningau melaporkan kuantiti dan nilai jualan tertinggi iaitu 722.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM735.71 juta, menyumbang 68.9 peratus kepada nilai jualan keseluruhan Subsektor Tanaman zon ini. Ini diikuti oleh Tenom dengan nilai jualan RM159.23 juta dan kuantiti jualan 148.8 ribu tan metrik, Nabawan (116.0 ribu tan metrik; RM109.65 juta) dan Tambunan (18.7 ribu tan metrik; RM63.0 juta).

Paparan 189: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan


1.01 juta tan metrik



Nilai Jualan

RM1.07 bilion

Carta 57: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, 2023



Penanaman kelapa sawit, getah dan buah-buahan merupakan tiga aktiviti utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Utara. Ketiga-tiga tanaman ini menyumbang 94.0 peratus kepada nilai jualan keseluruhan Subsektor Tanaman di zon ini.

12.2.4.1 Kelapa Sawit

Penanaman Kelapa sawit yang mencatatkan nilai jualan RM763.34 juta, menyumbang 71.5 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon Pedalaman Utara. Keningau merupakan penyumbang utama kepada penanaman kelapa sawit di zon ini dengan kuantiti jualan 697.9 ribu tan metrik dan nilai jualan RM578.34 juta.

12.2.4.2 Getah

Aktiviti penanaman getah di zon ini mencatatkan kuantiti jualan 34.8 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM185.28 juta, menyumbang 17.4 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Utara. Daerah Keningau merupakan penyumbang terbesar kepada nilai jualan getah iaitu RM117.03 juta dengan kuantiti jualan 16.0 ribu tan metrik.


12.2.4.3 Buah – Buahan

Nilai jualan bagi tanaman buah-buahan adalah RM55.43 juta atau menyumbang 5.2 peratus daripada nilai jualan Subsektor Tanaman di zon ini. Daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi adalah Tenom dengan nilai jualan RM28.06 juta dan kuantiti jualan 10.1 ribu tan metrik.

12.2.5 Pendapatan

Zon Pedalaman Utara merekodkan jumlah pendapatan RM1.35 bilion bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023. Daerah Keningau mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM885.04 juta, diikuti Tenom (RM234.90 juta) dan Nabawan (RM147.95 juta). Manakala Tambunan merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM84.91 juta.


Carta 58: Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.2.6 PERBELANJAAN

Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM431.02 juta pada tahun 2023. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Keningau (RM275.67 juta), Tenom (RM79.66 juta) dan Nabawan (RM43.70 juta).

Carta 59: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023




12.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PEDALAMAN UTARA


12.3.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat 45 pegangan pertanian bagi Subsektor Ternakan di Zon Pedalaman Utara dengan 37 pegangan pertanian individu dan 8 pegangan pertanian pertubuhan. Keningau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 18 pegangan pertanian, diikuti oleh Tambunan (15), Nabawan (8) dan Tenom (4).

Paparan 190: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Carta 60: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, 2023



12.3.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Zon Pedalaman Utara adalah 500.8 ribu ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 18.6 juta biji telur, 4.7 juta liter susu segar dan 64.8 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil ternakan lain.

Daerah Tenom merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran ternakan hidup di zon ini, iaitu 468.7 ribu ekor dan juga daerah yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi hasilan ternakan lain termasuk sarang burung dan madu dengan kuantiti 50.0 kilogram. Manakala, Keningau merupakan pengeluar telur tertinggi dan daerah tunggal bagi penghasilan susu segar dengan catatan 18.5 juta biji telur dan 4.7 juta liter susu segar.

Paparan 191: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pedalaman Utara, 2023




12.3.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, kuantiti jualan ternakan hidup di Zon Pedalaman Utara adalah 473.18 ribu ekor, manakala kuantiti jualan bagi hasilan ternakan pula mencatatkan 17.01 juta biji telur dan 3.2 juta liter susu segar dan 58.8 kilogram meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain dengan jumlah nilai jualan RM39.60 juta.

Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh Keningau dengan RM32.33 juta, diikuti dengan Tenom (RM6.95 juta), Tambunan (RM0.28 juta) dan Nabawan (RM40.85 ribu).


Paparan 192: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.3.4 Pendapatan

Zon Pedalaman Utara merekodkan jumlah pendapatan RM43.64 juta bagi Subsektor Ternakan pada tahun 2023. Daerah Keningau mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM36.36 juta, diikuti Tenom (RM6.95 juta) dan Tambunan (RM277.42 ribu). Manakala Nabawan merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM49.33 ribu.


Carta 61: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.3.5 Perbelanjaan

Zon Pedalaman Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM37.83 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Ternakan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Keningau (RM33.72 juta), manakala Nabawan merekodkan jumlah perbelanjaan terendah dengan RM27.27 ribu.

Carta 62: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PEDALAMAN UTARA

12.4.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pedalaman Utara mencatatkan seramai pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan dan kesemuanya merupakan pegangan pertanian individu. Daripada jumlah ini, Keningau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 120 pegangan pertanian, diikuti oleh Tambunan 37 pegangan pertanian, Tenom 24 pegangan pertanian dan Nabawan dengan 18 pegangan pertanian.


Paparan 193: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Kategori, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Individu


199

Carta 63: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan mengikut Aktiviti dan Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan Zon Pedalaman Utara merekodkan keluasan ternakan seluas 13.2 hektar bagi aktiviti akuakultur yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu. Tambunan merekodkan keluasan terbesar dengan 5.2 hektar atau meliputi 39.4 peratus daripada keluasan ternakan akuakultur zon ini. Ini diikuti oleh Keningau (4.1 hektar), Tenom (3.5 hektar) dan Nabawan (0.4 hektar).


Carta 64: Keluasan Ternakan Subsektor Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.4.2 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan di Zon Pedalaman Utara merekodkan kuantiti pengeluaran 215.8 tan metrik meliputi aktiviti perikanan tangkapan serta aktiviti akuakultur air tawar dan air payau, serta 133.20 ribu ekor meliputi aktiviti akuakultur baka & benih dan ikan hiasan. Tenom merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi bagi aktiviti perikanan tangkapan dengan 40.2 tan metrik, diikuti oleh Nabawan (30.0 tan metrik), Pitas (2,273 tan metrik) dan Keningau (3.8 tan metrik).

Carta 65: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023




Bagi aktiviti akuakultur, Keningau merupakan daerah pengeluar tertinggi dengan 132.8 ribu ekor dan 126.1 tan metrik. Manakala, Tambunan merekodkan jumlah pengeluaran terendah dengan 360 ekor dan 6.6 tan metrik.

12.4.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pedalaman Utara mencatatkan kuantiti jualan 213.6 tan metrik dan 133.13 ribu ekor dengan nilai jualan RM2.54 juta. Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh daerah Keningau dengan RM1.62 juta, menyumbang 63.8 peratus kepada nilai jualan Subsektor Perikanan di zon ini, diikuti oleh Nabawan (RM371.17 ribu), dan Tenom (RM359.92 ribu). Manakala, Tambunan mencatatkan nilai jualan terendah dengan RM192.79 ribu.


Paparan 194: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.4.4 Pendapatan

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan bagi Zon Pedalaman Utara merekodkan jumlah pendapatan RM2.54 juta. Daerah Keningau mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM1.62 juta, diikuti Nabawan (RM372.37 ribu) dan Tenom (RM359.92 ribu). Manakala Tambunan merekodkan jumlah pendapatan kurang daripada RM200.00 ribu.


Carta 66: Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



12.4.5 Perbelanjaan

Zon Pedalaman Utara mencatatkan jumlah perbelanjaan RM642.42 ribu pada tahun 2023 bagi Subsektor Perikanan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Keningau (RM276.93 ribu), diikuti oleh Tenom (RM170.14 ribu) dan Nabawan (RM147.95 ribu). Manakala Tambunan mencatatkan jumlah perbelanjaan kurang RM50.00 ribu.

Carta 67: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Utara, Sabah, 2023



13.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ZON PEDALAMAN SELATAN

13.1 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama sektor pertanian Zon Pedalaman Selatan yang terdiri daripada daerah Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang dan Membakut. Aktiviti pertanian yang dilaksanakan meliputi subsektor tanaman,

ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan melibatkan pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan.

Merujuk kepada dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pedalaman Selatan merekodkan penglibatan seramai 14,129 pegangan pertanian dengan nilai jualan keseluruhan RM623.48 juta. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang utama kepada jumlah nilai jualan keseluruhan di Zon Pedalaman Selatan dengan nilai jualan RM560.93 juta, diikuti Subsektor Perikanan Tangkapan (RM52.15 juta), Subsektor Ternakan (RM6.76 juta), Subsektor Akuakultur (RM1.95 juta) dan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan (RM1.68 juta).

Berdasarkan nilai jualan mengikut daerah, Beaufort mendominasi Sektor Pertanian di Zon Pedalaman Selatan dengan nilai jualan RM434.60 juta menyumbang 69.7 peratus daripada nilai jualan di zon ini. Diikuti Sipitang dengan nilai jualan RM91.20 juta (14.6%). Manakala, Membakut dan Kuala Penyu masing-masing mencatatkan nilai jualan RM55.82 juta (9.0%) dan RM41.86 juta (6.7%).

Paparan 195: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Pegangan Pertanian

14,129



Nilai Jualan


RM623.48 juta

13.2 SUBSEKTOR TANAMAN, ZON PEDALAMAN SELATAN


13.2.1 Pegangan Pertanian

Pada tahun 2023, subsektor tanaman di Zon Pedalaman Selatan merekodkan 14,129 pegangan pertanian yang terdiri daripada 14,106 pegangan pertanian individu dan 23 pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Beaufort mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi subsektor tanaman iaitu 4,630 pegangan pertanian, diikuti oleh Sipitang dengan 3,813 pegangan pertanian, Kuala Penyu 2,866 dan Membakut 1,784 pegangan pertanian.

Paparan 196: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kategori, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Carta 68: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Daerah, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023




13.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Selatan melibatkan kawasan bertanam seluas 53.3 ribu hektar. Penggunaan tanah di zon ini membabitkan penanaman pelbagai jenis tanaman industri seperti tanaman kelapa sawit dan getah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Berdasarkan keseluruhan keluasan bertanam, seluas 49.1 ribu hektar adalah keluasan bertuai.


Tiga daerah yang mencatatkan keluasan bertanam terbesar adalah Beaufort dengan 34.0 ribu hektar, diikuti oleh Sipitang dengan keluasan 9.9 ribu hektar dan Kuala Penyu dengan keluasan 6.2 ribu hektar.

Beaufort mencatatkan kadar keluasan bertuai tertinggi iaitu 65 peratus dengan keluasan 31.9 berbanding 34.0 hektar keluasan bertanam, diikuti oleh Sipitang (18.2%), Kuala Penyu (11.1%) dan Membakut (5.8%).

Paparan 197: Keluasan Bertanam dan Bertuai, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023




Carta 69: Keluasan Bertanam dan Bertuai mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.2.3 Kuantiti Pengeluaran


Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Selatan mencatatkan kuantiti pengeluaran 518.2 ribu tan metrik. Beaufort mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan pengeluaran 452.5 ribu tan metrik, seterusnya Sipitang dengan 28.8 ribu tan metrik dan Kuala Penyu dengan 24.6 ribu tan metrik. Manakala, Membakut mencatatkan kuantiti pengeluaran terendah dengan 12.5 ribu tan metrik.

Carta 70: Kuantiti Pengeluaran mengikut Daerah, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Tiga tanaman utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di zon ini adalah kelapa sawit 478.6 ribu tan metrik, diikuti oleh buah-buahan 27.2 ribu tan metrik dan sayur-sayuran 4.4 ribu tan metrik.

Paparan 198: Tiga Tanaman Utama mengikut Kuantiti Pengeluaran Tertinggi Subsektor Tanaman, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pedalaman Selatan mencatatkan kuantiti jualan 511.1 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM560.93 juta. Daerah Beaufort mencatatkan kuantiti jualan 452.5 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM401.85 juta, menyumbang 71.6 peratus kepada nilai jualan tanaman zon ini, diikuti oleh Sipitang (28,616 tan metrik; RM85.61 juta), Membakut (12.5 ribu tan metrik; RM47.46 juta) dan Kuala Penyu (24.6 ribu tan metrik; RM26.01 juta)

Paparan 199: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Kuantiti Jualan


511.1 ribu tan metrik



Nilai Jualan

RM560.93 Juta

Carta 71: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Penanaman kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran merupakan tiga aktiviti utama yang mencatatkan nilai jualan tertinggi dalam Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Selatan.

13.2.4.1 Kelapa Sawit

Penanaman Kelapa sawit yang mencatatkan nilai jualan RM400.08 juta, menyumbang 71.3 peratus kepada nilai jualan Subsektor Tanaman Zon Pedalaman Selatan. Daerah penyumbang utama kepada penanaman kelapa sawit di zon ini adalah Beaufort dengan kuantiti jualan 444.5 ribu tan metrik dan nilai jualan RM371.53 juta, menyumbang 92.9 peratus kepada nilai jualan kelapa sawit zon ini.

13.2.4.2 Buah – Buahan

Penanaman buah-buahan mencatatkan nilai jualan RM105.95 juta dengan kuantiti 20.6 ribu tan metrik. Daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi adalah Sipitang iaitu RM66.99 juta, menyumbang 63.2 peratus kepada nilai jualan buah-buahan di zon ini dan 11.9 ribu tan metrik kuantiti jualan.


13.2.4.3 Sayur – Sayuran

Tanaman makanan seperti sayur-sayuran juga merupakan antara aktiviti pertanian yang penting bagi Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Selatan. Aktiviti penanaman sayur-sayuran di zon ini mencatatkan kuantiti jualan 4.2 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM26.69 juta. Membakut menjadi penyumbang utama bagi penanaman sayur-sayuran di zon ini dengan nilai jualan RM14.46 juta dan sayur Cekur Manis merupakan keluaran sayur utama di daerah ini.

13.2.5 Pendapatan

Zon Pedalaman Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM789.97 juta bagi Subsektor Tanaman pada tahun 2023. Daerah Beaufort mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM492.20 juta, diikuti Sipitang (RM194.3 juta) dan Membakut (RM54.86 juta). Manakala Kuala Penyu merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM39.60 juta.


Carta 72: Jumlah Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.2.6 Perbelanjaan

Subsektor Tanaman di Zon Pedalaman Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM271.68 juta pada tahun 2023. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah daerah Beaufort (RM164.36 juta), Sipitang (RM77.01 juta) dan Membakut (RM20.04 juta).

Carta 73: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.3 SUBSEKTOR TERNAKAN, ZON PEDALAMAN SELATAN

13.3.1 Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa terdapat 298 pegangan pertanian bagi Subsektor Ternakan di Zon Pedalaman Selatan. Daerah Membakut mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 140 pegangan pertanian, diikuti oleh Beaufort dengan 92 pegangan pertanian, Kuala Penyu 38 pegangan pertanian dan Sipitang merekodkan 28 pegangan pertanian.


Paparan 200: Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kategori, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Pegangan Pertanian Individu

298

Carta 74: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.3.2 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi Subsektor Ternakan di Zon Pedalaman Selatan 56.9 ribu ekor bagi ternakan hidup. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 301.8 ribu biji telur, 5.6 ribu liter susu segar dan 2.8 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain.

Daerah Beaufort merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi ternakan hidup di zon ini, iaitu 32.7 ribu ekor. Manakala, Kuala Penyu merupakan pengeluar telur tertinggi 131.4 ribu biji dan daerah tunggal bagi penghasilan susu segar 5.6 ribu liter.


Paparan 201: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.3.3 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, Zon Pedalaman Selatan menyumbang RM6.76 juta atau 0.4 peratus daripada nilai jualan keseluruhan Subsektor Ternakan negeri Sabah. Tiga daerah utama penyumbang kepada Subsektor Ternakan di zon ini adalah Beaufort dengan sumbangan nilai jualan RM4.63 juta, Membakut (RM1.55 juta) dan Kuala Penyu (RM0.40 juta).


Paparan 202: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.3.4 Pendapatan

Zon Pedalaman Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM7.03 juta juta bagi Subsektor Ternakan pada tahun 2023. Daerah Beaufort mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM4.71 juta, diikuti Membakut (RM1.68 juta) dan Kuala Penyu (RM0.45 juta). Manakala Sipitang merekodkan jumlah pendapatan terendah dengan RM0.19 juta.


Carta 75: Jumlah Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.3.5 Perbelanjaan

Zon Pedalaman Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM1.98 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Ternakan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Membakut (RM857 ribu), manakala Sipitang merekodkan jumlah perbelanjaan terendah dengan RM107 ribu.

Carta 76: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.4 SUBSEKTOR PERIKANAN, ZON PEDALAMAN SELATAN

13.4.1 Pegangan Pertanian

Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, Zon Pedalaman Selatan mencatatkan seramai 856 pegangan pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan dan kesemuanya merupakan pegangan pertanian individu. Daripada jumlah ini, Kuala Penyu mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 325 pegangan pertanian diikuti oleh Beaufort (261), Membakut (164) dan Sipitang (106).

Paparan 203: Pegangan Pertanian mengikut Kategori bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023




Pegangan Pertanian Individu

856

13.4.2 Keluasan Ternakan Akuakultur

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa Zon Pedalaman Selatan merekodkan keluasan 121 hektar untuk aktiviti akuakultur yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Daerah Membakut merekodkan keluasan terbesar dengan keluasan 105 hektar, diikuti oleh Beaufort dengan 12 hektar dan Kuala Penyu dengan keluasan 3 hektar. Manakala, Sipitang mencatatkan keluasan 1 hektar.

Carta 76: Keluasan Ternakan Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023




13.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan Tangkapan di Zon Pedalaman Selatan merekodkan kuantiti pengeluaran 6.4 ribu tan metrik. Jumlah ini menyumbang 3.6 peratus kepada jumlah pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan negeri Sabah. Kuantiti pengeluaran tertinggi direkodkan oleh daerah Beaufort dengan mencatatkan 3.5 ribu tan metrik, diikuti oleh Kuala Penyu (1.8 ribu tan metrik), Membakut (623 tan metrik) dan Sipitang (571 tan metrik).

Subsektor Akuakultur di Zon Pedalaman Selatan merekodkan kuantiti pengeluaran 343 tan metrik meliputi Aktiviti Akuakultur Air Tawar dan Air Payau. Manakala, pengeluaran Aktiviti Ikan Hiasan adalah 1.6 ribu ekor. Membakut mencatatkan pengeluaran 302 tan metrik, sementara itu, Kuala Penyu mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi aktiviti Akuakultur Baka dan Benih serta Ikan Hiasan iaitu 1.5 ribu ekor.

Carta 77: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



Paparan 204: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023

BAKA & BENIH DAN IKAN HIASAN (EKOR)	
Membakut	160
Beaufort	0
Kuala Penyu	1,530
Sipitang	0

KUANTITI PENGELUARAN

AIR TAWAR & AIR PAYAU (TAN METRIK)	
Membakut	302
Beaufort	25
Kuala Penyu	15
Sipitang	0.8


13.4.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Zon Pedalaman Selatan mencatatkan kuantiti jualan 6.4 ribu tan metrik dengan nilai jualan RM52.15 juta. Nilai jualan tertinggi direkodkan oleh daerah Beaufort dengan RM26.71 juta dengan kuantiti jualan 3.2 ribu tan metrik, menyumbang 51.2 peratus kepada nilai jualan Subsektor Perikanan Tangkapan di zon ini. Ini diikuti oleh Kuala Penyu dengan nilai jualan RM14.90 juta dengan kuantiti jualan 1.9 ribu tan metrik. Seterusnya Membakut merekodkan kuantiti jualan 745 tan metrik dengan nilai jualan RM6.10 juta.

Subsektor Akuakultur di Zon Pedalaman Selatan mencatatkan kuantiti jualan 340 tan metrik dan 1.3 ribu ekor dengan nilai jualan RM1.95 juta, menyumbang 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan akuakultur negeri Sabah.

Daerah yang mencatatkan nilai jualan tertinggi di zon ini adalah Beaufort iaitu RM751.17 ribu dengan kuantiti jualan 24 tan metrik dan diikuti oleh Membakut (RM653 ribu), Kuala Penyu (RM538.30 ribu) dan Sipitang (RM12.3 ribu).


Paparan 205: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.4.5 Pendapatan

Pada tahun 2023, Subsektor Perikanan bagi Zon Pedalaman Selatan merekodkan jumlah pendapatan RM55.90 juta. Daerah Beaufort mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM27.88 juta, diikuti Kuala Penyu (RM15.91 juta), Membakut (RM7.51 juta) dan Sipitang (RM4.60 juta).


Carta 78: Jumlah Pendapatan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023



13.4.6 Perbelanjaan

Zon Pedalaman Selatan mencatatkan jumlah perbelanjaan RM24.19 juta pada tahun 2023 bagi Subsektor Perikanan. Daerah yang merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi adalah Beaufort (RM91.47 juta), diikuti oleh Kuala Penyu (RM6.94 juta), Membakut (RM2.85 juta) dan Sipitang (RM2.41 juta).

Carta 79: Jumlah Perbelanjaan Subsektor Perikanan mengikut Daerah Pentadbiran, Zon Pedalaman Selatan, Sabah, 2023





RENCANA

55 Status Industri Penternakan Rumpai Laut Di Sabah: Tinjauan Semasa, Cabaran Dan Prospek Masa Depan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

STATUS INDUSTRI PENTERNAKAN RUMPAI LAUT DI SABAH: TINJAUAN SEMASA, CABARAN DAN PROSPEK MASA DEPAN

Muhammad Amri bin Idris
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah

Pendahuluan

Sabah mempunyai garis pantai yang luas, lebih daripada 1,743 kilometer yang sebahagian terletak di Pulau Borneo. Dengan keluasan garisan pantai yang luas ini, Sabah memiliki potensi besar dalam industri akuakultur yang berasaskan sumber laut terutama aktiviti penternakan rumpai laut.

Industri penternakan rumpai laut di Sabah merupakan sektor akuakultur yang strategik dan sumber ekonomi penting bagi negeri ini. Sabah telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar utama rumpai laut di Malaysia, menyumbang secara signifikan kepada pengeluaran akuakultur nasional. Potensi industri ini melangkaui sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, turut berperanan penting dalam pembasmian kemiskinan dan pemuliharaan ekosistem marin. Pengukuhan berterusan terhadap faedah industri penternakan rumpai laut dalam peningkatan ekonomi, pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan taraf hidup sosial telah meletakkannya sebagai komponen utama agenda pembangunan lestari Sabah.

Sejarah dan Perkembangan Awal Industri

Tahun 1978 menjadi permulaan penting projek penternakan rumpai laut diperkenalkan di Sabah, khususnya di Semporna, melalui inisiatif komersial oleh sebuah syarikat daripada luar negara daripada Amerika Syarikat. Mulai tahun 1980, Jabatan Perikanan Sabah (DOFS) mengambil alih pengurusan projek ini, secara aktif mempromosikan rumpai laut sebagai sumber pendapatan yang stabil kepada masyarakat tempatan dan nelayan. Walaupun menghadapi cabaran ketidakstabilan harga dan serangan penyakit, yang menyebabkan kurangnya penyertaan aktif daripada penternak tempatan, usaha berterusan dijalankan agensi terbabit terhadap industri ini, dalam mengubah kesejahteraan kehidupan penduduk setempat melalui strategi jangka panjang melebihi keuntungan segera.

Mulai dekad 90an, rumpai laut telah menjadi sumber semula jadi yang semakin penting secara ekonomi bagi Malaysia, khususnya Sabah. Antara 1994 hingga 1997, sektor akuakultur Sabah menyumbang RM114 juta nilai eksport produk perikanan, dengan lebih 60 peratus disumbangkan oleh Akuakultur Marin dengan penternakan rumpai laut menjadi penyumbang kedua terbesar (33%) selepas penternakan udang (48%).

Hasil penglibatan awal agensi kerajaan negeri, telah ni meletakkan asas bagi dominasi Sabah akhirnya, menunjukkan peranan kritikal fasa pembangunan dalam mengukuhkan penternakan rumpai laut sebagai industri yang berpotensi tinggi tetapi berisiko tinggi. Sabah muncul sebagai pengeluar utama di Malaysia, dengan Semporna sebagai daerah utama pengeluaran rumpai laut negara. Melihatkan kepada potensi kawasan pesisir pantai sekeliling Sabah, DOFS juga telah mengembangkan penternakan rumpai laut di daerah pesisir lain seperti Lahad Datu, Kunak, Kota Belud, Kudat, Pitas, dan Tuaran.

Keluasan Ternakan

Berdasarkan Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Akuakultur, keluasan keseluruhan subsektor akuakultur di Malaysia adalah seluas 24,078.2 hektar. Akukultur air payau merekodkan keluasan tertinggi iaitu 15,358.1 hektar, diikuti oleh akuakultur air tawar dengan keluasan 6,814.9 hektar. Seterusnya, akuakultur baka dan benih mencakupi keluasan 1,547.0 hektar, manakala akuakultur ikan hiasan meliputi 358.1 hektar.

Bagi Akuakultur Air Payau yang meliputi aktiviti penternakan rumpai laut, Sabah merekodkan keluasan yang paling besar iaitu 6,841.5 hektar atau 28.4 peratus daripada keluasan keseluruhan akuakultur air payau Malaysia. Ini diikuti oleh Johor dengan keluasan 1,783.4 hektar (7.4%), Perak 1,548.4 hektar (6.4%), Pulau Pinang 1,368.3 hektar (5.7%) dan Selangor dengan keluasan 980.7 hektar (4.1%).

Berdasarkan laporan DOFS, keluasan aktiviti penternakan rumpai laut di Sabah pada tahun 2023 adalah seluas 3,527.6 hektar. Semporna adalah daerah terbesar penternakan rumpai laut dengan keluasan 1,909 hektar, menyumbang 54.1 peratus daripada keluasan rumpai laut Sabah pada tahun 2023. Daerah lain yang mempunyai keluasan berternak yang signifikan adalah Tawau (742 hektar, 21.0%), Lahad Datu (450 hektar, 12.7%) dan Kunak (392 hektar, 11.1%).

Jadual 1: Keluasan penternakan rumpai laut mengikut daerah, Sabah, 2023

Daerah	Keluasan (ha)	Komposisi Keluasan
Semporna	1,909.8	54.1%
Tawau	741.7	21.0%
Lahad Datu	449.6	12.7%
Kunak	392.1	11.1%
Kota Belud	0.1	0.0%
Sandakan	20.2	0.6%
Tuaran	14.0	0.4%
Jumlah	**3,527.6**	**100.0%**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Status Semasa dan Statistik Pengeluaran

Sabah merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran akuakultur negara. Pada tahun 2023, pengeluaran akuakultur Sabah mencatatkan 461,161 tan metrik dengan nilai jualan RM486.67 juta, menyumbang 90.9 peratus daripada jumlah pengeluaran akuakultur Malaysia (Jadual 2). Pada tahun 2022, akuakultur di Sabah mencatatkan pengeluaran yang tertinggi iaitu 627,753 tan metrik dengan nilai RM760.72 juta.

Pengeluaran penternakan rumpai laut menyumbang hampir 50 peratus kepada pengeluaran subsektor akuakultur Sabah. Dengan sumbangan tersebut, industri rumpai laut menjana pendapatan RM100 juta yang menunjukkan kepentingannya kepada ekonomi Sabah. Melihat perspektif pengeluaran rumpai laut, Sabah kekal sebagai penyumbang dominan kepada pengeluaran rumpai laut negara. Pada tahun 2023, pengeluaran rumpai laut dicatatkan 225,040 tan metrik dengan nilai jualan RM100.33 juta, menyumbang hampir 100 peratus kepada jumlah pengeluaran rumpai laut Malaysia.

Jadual 2: Pengeluaran dan nilai jualan bagi akuakultur, Malaysia dan Sabah, 2019 – 2023


	2019		2020		2021		2022		2023	
	Kuantiti (mt)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM juta)	Kuantiti (mt)	Nilai (RM juta)
Akuakultur										
Malaysia	411,782	3,304.63	400,018	3,114.74	417,188	3,430.34	573,683	4,016.36	506,868	4,467.54
Sabah	397,358	564.19	376,469	370.03	368,180	327.77	627,753	760.72	461,161	486.67
Rumpai Laut										
Malaysia	188,111	65.86	182,061	58.87	178,897	57.90	307,973	247.10	225,086	101.08
Sabah	188,110	65.84	182,043	58.25	178,873	57.23	307,943	246.35	225,040	100.33

Sumber: Buku Perangkaan Agromakanan Malaysia, 2023

Jumlah pengeluaran rumpai laut basah yang direkodkan sejak tahun 2019 hingga tahun 2023 menunjukkan ketidakstabilan pengeluaran. Penurunan pengeluaran secara beransur-ansur berlaku dari tahun 2019 hingga 2021 dan peningkatan mendadak pada tahun 2022 (Rajah 1).

Antara tahun 2019 hingga 2023, industri rumpai laut di Sabah tahun 2022 mencatatkan pengeluaran yang tertinggi iaitu 307,943 tan metrik dengan nilai RM246.35 juta. Perbezaan ketara dalam nilai dan anggaran jumlah pengeluaran yang dilaporkan dari 2022 ke 2023, dengan andaian metrik pelaporan atau penurunan harga yang berbeza, menyerlahkan kebergantungan industri terhadap turun naik pasaran dan isu pengeluaran asas.

Rajah 1: Kuantiti dan perubahan pengeluaran rumpai laut, Sabah, 2020 – 2023



Sumber: Buku Perangkaan Agromakanan Malaysia, 2023

Melihat daripada perspektif pengeluaran mengikut daerah, Semporna mendahului pengeluaran rumpai laut di Sabah dengan catatan 148.1 ribu tan metrik atau 34.3 peratus. Ini diikuti oleh Tawau, 56.23 ribu tan metrik, Lahad Datu,13.83 ribu tan metrik dan Kunak, 6.92 ribu tan metrik. Manakala, daerah Kota Belud, Sandakan dan Tuaran pula merekodkan pengeluaran kurang daripada satu ribu tan metrik dengan jumlah keseluruhan adalah 1.4 ribu tan metrik

Jadual 3: Keluasan dan pengeluaran rumpai laut mengikut daerah, Sabah, 2023

Daerah	Keluasan (ha)	Pengeluaran (mt)	Nilai (RM juta)
Semporna	1,909.8	148,062	65.035,678
Tawau	741.7	56,233	26,114,307
Lahad Datu	449.6	13,829	5,532,360
Kunak	392.1	6,915	3,652,096
Kota Belud	0.1	0.70	273.00
Sandakan	20.2	0.50	150.00
Tuaran	14.0	0.20	115.00
Jumlah	**3,527.6**	**225,040**	**100,324,979**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Nota: Data pengeluaran untuk setiap daerah di atas adalah berdasarkan peratusan pengeluaran daerah daripada jumlah pengeluaran Sabah 2023 yang dilaporkan dalam.[4] Terdapat sedikit perbezaan dalam jumlah keseluruhan akibat pembundaran peratusan.

Cabaran dan Isu Utama

Industri rumpai laut di Sabah menghadapi beberapa cabaran utama yang saling berkaitan. Pertama, terdapat kemerosotan hasil dan kualiti stok benih, terutamanya disebabkan oleh amalan pembiakan vegetatif berdekad-dekad yang mengurangkan daya tahan dan produktiviti tanaman secara keseluruhan. Kedua, kesan perubahan iklim, khususnya peningkatan suhu permukaan laut, memberi impak negatif terhadap pengeluaran rumpai laut, mengancam kelestarian jangka panjang industri ini.

Ketiga, industri ini terjejas oleh isu rantaian bekalan, termasuk kekurangan teknologi pemprosesan yang matang dan ketidakstabilan harga pasaran yang ketara. Contohnya, harga rumpai laut spesis Kappaphycus pernah turun naik secara drastik, mendedahkan penternak kepada volatiliti pasaran yang tinggi, akibat manipulasi harga orang tengah serta penawaran harga dari negara jiran. Penutupan kilang pemprosesan karagenan tempatan yang dilaporkan pada tahun 2020 akibat harga tempatan yang tidak menarik menunjukkan kelemahan dalam rantaian nilai hiliran.

Gabungan kemerosotan kualiti stok benih, impak perubahan iklim dan harga pasaran yang tidak menentu mewujudkan "ketidaktentuan dan ketidakpastian" bagi penternak untuk mengusahakan ternakan rumpai laut secara konsisten, secara langsung menjejaskan mata pencarian penternak dan kelestarian industri.

Berdasarkan tinjauan semasa Banci Pertanian 2024, penternak sering membangkitkan ketidakstabilan harga berikutan lebih tumpuan kepada aktiviti pengeluaran berbanding inisiatif meningkatkan pemasaran dan aktiviti hiliran. Ini menyebabkan kurangnya insentif untuk pelaburan dalam pemprosesan nilai tambah, mengehadkan potensi pertumbuhan industri secara keseluruhan. Ketidakseimbangan ini, di mana pengeluaran bahan mentah melebihi kapasiti pemprosesan dan kestabilan pasaran, menyebabkan hakisan nilai dan kelemahan penternak menjaga kualiti rumpai laut yang dihasilkan. Akhir sekali, amalan biosekuriti yang lemah dan bekalan benih sihat yang tidak mencukupi mengakibatkan kerugian pengeluaran yang besar akibat perosak dan penyakit, merupakan ancaman berterusan kepada produktiviti dan kemampanan. Cabaran yang saling berkaitan antara kerentanan biologi dan ketidakseimbangan pasaran dan dasar ini mewujudkan risiko sistemik bagi industri rumpai laut Sabah, menunjukkan bahawa menangani isu-isu ini memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu.

Peluang dan Hala Tuju Masa Depan

Walaupun menghadapi cabaran, industri rumpai laut Sabah menawarkan potensi besar untuk pertumbuhan dan pembangunan. Rumpai laut menawarkan pelbagai aplikasi melangkaui makanan, termasuk dalam industri farmaseutikal, kosmetik, nutraseutikal, makanan haiwan, bioplastik dan *biofuel*. Ini membuka pasaran baharu dan meningkatkan nilai komoditi, membolehkan Sabah beralih kepada ekonomi berasaskan nilai. Terdapat penekanan kuat untuk menarik pelaburan dalam kilang pemprosesan rumpai laut bagi menghasilkan produk nilai tambah serta inisiatif penetapan harga yang standard dan telus, yang bukan sahaja meningkatkan pendapatan tetapi juga mewujudkan peluang pekerjaan tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport bahan mentah.

Peralihan ke arah pemprosesan hiliran dan kepelbagaian kepada aplikasi bukan makanan merupakan tindakan strategik daripada model eksport komoditi mentah kepada industri bersepadu yang bernilai lebih tinggi. Rumpai laut berpotensi menyumbang kepada keselamatan makanan global dan usaha dekarbonisasi, dengan pasaran global dijangka berkembang AS$11.8 bilion menjelang 2030.

Peralihan kepada aplikasi baharu sumber laut secara mampan sambil mempromosikan pertumbuhan ekonomi baru akan melindungi ekosistem laut secara berterusan sambil meningkatkan taraf hidup sosial menawarkan penyelesaian untuk pemuliharaan biodiversiti marin dan pembasmian kemiskinan, selaras dengan agenda Ekonomi Biru Sabah. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) kultur tisu untuk pengeluaran benih rumpai laut yang lebih cekap dan berkualiti tinggi adalah kritikal yang secara langsung menangani cabaran biologi asas kemerosotan kualiti stok benih.

Dasar Agro Makanan Negara 2.0 (NAP 2.0) 2021-2030 dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang menyokong pembangunan sektor agro makanan yang mampan, berdaya tahan, dan berasaskan teknologi, termasuk akuakultur, menyediakan kerangka strategik yang komprehensif untuk pertumbuhan industri rumpai laut. Penyelarasan dengan dasar nasional dan tempatan untuk kerjasama dalam R&D, pengkomersialan produk baharu dan penyelarasan piawaian industri adalah penting untuk mempercepat pertumbuhan industri rumpai laut, membolehkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik. Masa depan industri rumpai laut Sabah bergantung pada peralihan strategik daripada pengeluaran primer kepada ekosistem yang pelbagai dan aplikasi penggunaan bernilai tambah, disokong oleh R&D yang teguh dan kerangka dasar bersepadu.

Kesimpulan

Industri penternakan rumpai laut di Sabah telah berkembang pesat sejak diperkenalkan pada tahun 1978, menjadi penyumbang utama kepada sektor akuakultur negara. Walaupun menghadapi cabaran seperti kemerosotan kualiti benih, kesan perubahan iklim, dan ketidakstabilan pasaran, potensi pertumbuhannya kekal tinggi. Daya maju jangka panjang dan impak yang dipertingkatkan bagi industri rumpai laut Sabah bergantung pada evolusi strategik daripada model pengeluaran primer yang berpusatkan jumlah kepada ekosistem yang didorong oleh kualiti dan nilai.

Dengan tumpuan yang diperbaharui kepada pembangunan hiliran, inovasi R&D (termasuk kultur tisu), dan sokongan dasar yang bersepadu dan berkesan, Sabah berkedudukan baik untuk terus memacu industri rumpai laut. Ini bukan sahaja akan meningkatkan sumbangan ekonominya tetapi juga mengukuhkan peranan rumpai laut dalam keselamatan makanan, dekarbonisasi, dan pembangunan lestari komuniti pesisir. Kejayaan masa depan bergantung kepada keupayaan untuk mengimbangi pertumbuhan pengeluaran dengan pembangunan rantaian nilai yang kukuh, disokong oleh penyelidikan saintifik yang berterusan, amalan biosekuriti yang teguh, dan kerjasama strategik di peringkat nasional dan serantau. Ini memerlukan usaha bersepadu untuk merapatkan jurang antara pengeluaran hulu dan pemprosesan hiliran, disokong oleh inovasi saintifik berterusan dan kerangka dasar bersepadu yang menangani kedua-dua kerentanan biologi dan pasaran.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Elyssa, L., & Wei-Li, W. (2024, October 24). *Seaweed: Prospects for decarbonisation and food security in Southeast Asia* (ISEAS Perspective No. 2024/88). ISEAS – Yusof Ishak Institute.

Infofish. (n.d.). *Seaweed: Prospects for decarbonisation and food security in Southeast Asia*. Retrieved from https://www.infofish.org

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan interim banci pertanian 2024: Akuakultur*. https://www.dosm.gov.my

Jabatan Perikanan Malaysia. (2024, March 10). *Siaran media 10 Mac 2024*. https://www.dof.gov.my


Jabatan Perikanan Malaysia. (n.d.-a). *Perangkaan perikanan*. https://www.dof.gov.my

Jabatan Perikanan Malaysia. (n.d.-b). *Perangkaan tahunan*. https://www.dof.gov.my

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2023). *Buku perangkaan agromakanan Malaysia 2023*. https://www.kpkm.gov.my

United Nations University Institute on Comparative Regional Integration Studies (UNU-CRIS). (2021). *Sustainable value chain for the seaweed industry in Malaysia and the ASEAN region: A roadmap for policy formulation*. https://cris.unu.edu

The seaweed industry in Sabah, East Malaysia. (2004, July 17). Paper presented at the *7th Asian Fisheries Forum*, Penang, Malaysia.



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agricultural Holdings by State, Malaysia, 2023

Negeri *State*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Malaysia	**1,012,993**	**98.0**	**21,189**	**2.0**	**1,034,182**	**100.0**
Johor	102,423	96.6	3,580	3.4	106,003	100.0
Kedah	127,996	99.0	1,235	1.0	129,231	100.0
Kelantan	87,597	99.5	442	0.5	88,039	100.0
Melaka	13,018	94.2	802	5.8	13,820	100.0
Negeri Sembilan	44,011	97.0	1,344	3.0	45,355	100.0
Pahang	87,356	97.2	2,543	2.8	89,899	100.0
Perak	105,228	97.6	2,596	2.4	107,824	100.0
Perlis	19,994	99.3	131	0.7	20,125	100.0
Pulau Pinang	12,559	91.6	1,154	8.4	13,713	100.0
Sabah	156,770	98.4	2,624	1.6	159,394	100.0
Sarawak	145,377	98.6	2,034	1.4	147,411	100.0
Selangor	35,933	95.6	1,646	4.4	37,579	100.0
Terengganu	72,405	99.1	684	0.9	73,089	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,428	81.2	330	18.8	1,758	100.0
W.P. Labuan	732	95.6	34	4.4	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.3	10	5.7	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:
1. States indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Zon, Sabah, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings by Zone, Sabah, 2023

Zon *Zone*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Sabah	**156,770**	**98.4**	**2,624**	**1.6**	**159,394**	**100.0**
Pantai Barat Selatan	**15,054**	**98.4**	**242**	**1.6**	**15,296**	**100.0**
Kota Kinabalu	1,935	91.6	177	8.4	2,112	100.0
Tuaran	8,277	99.9	11	0.1	8,288	100.0
Penampang	1,971	98.2	37	1.8	2,008	100.0
Papar	2,551	99.5	14	0.5	2,565	100.0
Putatan	320	99.1	3	0.9	323	100.0
Pantai Barat Utara	**53,004**	**99.8**	**100**	**0.2**	**53,104**	**100.0**
Ranau	12,852	99.8	21	0.2	12,873	100.0
Kota Belud	11,570	99.9	14	0.1	11,584	100.0
Kudat	8,422	99.9	11	0.1	8,433	100.0
Kota Marudu	12,665	99.6	47	0.4	12,712	100.0
Pitas	7,495	99.9	7	0.1	7,502	100.0
Pantai Timur Selatan	**23,801**	**95.4**	**1,159**	**4.6**	**24,960**	**100.0**
Tawau	10,567	94.9	567	5.1	11,134	100.0
Lahad Datu	4,735	91.7	429	8.3	5,164	100.0
Semporna	5,906	98.1	117	1.9	6,023	100.0
Kunak	1,334	97.2	39	2.8	1,373	100.0
Kalabakan	1,259	99.4	7	0.6	1,266	100.0
Pantai Timur Utara	**20,269**	**95.3**	**1,004**	**4.7**	**21,273**	**100.0**
Sandakan	4,798	89.3	577	10.7	5,375	100.0
Kinabatangan	3,954	95.1	204	4.9	4,158	100.0
Beluran	5,473	96.5	196	3.5	5,669	100.0
Tongod	3,824	99.8	8	0.2	3,832	100.0
Telupid	2,220	99.2	19	0.8	2,239	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Zon, Sabah, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings by Zone, Sabah, 2023 (cont'd)

Zon *Zone*	Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Pedalaman Selatan	**14,106**	**99.8**	**23**	**0.2**	**14,129**	**100.0**
Beaufort	4,909	99.7	15	0.3	4,924	100.0
Kuala Penyu	3,198	99.9	4	0.1	3,202	100.0
Sipitang	3,923	99.9	4	0.1	3,927	100.0
Membakut	2,076	100.0	-	-	2,076	100.0
Pedalaman Utara	**30,536**	**99.7**	**96**	**0.3**	**30,632**	**100.0**
Tenom	8,149	99.9	8	0.1	8,157	100.0
Nabawan	4,069	99.5	21	0.5	4,090	100.0
Keningau	14,092	99.6	61	0.4	14,153	100.0
Tambunan	4,226	99.9	6	0.1	4,232	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri, zon dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. States, zones and administrative districts indicate the location of agricultural holder's living quarters

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agricultural Holdings by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor *Subsector*		**Individu** *Individual*		**Pertubuhan** *Establishment*		**Pegangan Pertanian** *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	236,241	96.0	9,806	4.0	246,047	100.0
	Padi *Paddy*	130,394	99.9	170	0.1	130,564	100.0
	Getah *Rubber*	386,910	99.9	309	0.1	387,219	100.0
	Nanas *Pineapple*	7,752	96.2	308	3.8	8,060	100.0
	Kenaf *Kenaf*	862	99.5	4	0.5	866	100.0
	Lada *Pepper*	32,191	100.0	10	0.0	32,201	100.0
	Koko *Cocoa*	4,147	99.6	16	0.4	4,163	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	44,261	94.3	2,658	5.7	46,919	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	38,801	96.7	1,344	3.3	40,145	100.0
Ternakan *Livestocks*		44,087	93.7	2,963	6.3	47,050	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	48,267	99.2	399	0.8	48,666	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	8,407	81.8	1,872	18.2	10,279	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Sabah, 2023

Table 2.1: Agricultural Holdings by Subsector, Sabah, 2023

Subsektor *Subsector*		Individu *Individual*		Pertubuhan *Establishment*		Pegangan Pertanian *Agricultural Holdings*	
		Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*	Bilangan *Number*	Peratus (%) *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	32,309	93.4	2,283	6.6	34,592	100.0
	Padi *Paddy*	6,760	99.9	8	0.1	6,768	100.0
	Getah *Rubber*	81,225	100.0	13	0.0	81,238	100.0
	Nanas *Pineapple*	1,473	99.6	6	0.4	1,479	100.0
	Lada *Pepper*	321	100.0	-	-	321	100.0
	Koko *Cocoa*	2,217	99.9	3	0.1	2,220	100.0
	Buah-Buahan *Fruits*	13,802	99.8	27	0.2	13,829	100.0
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	8,027	99.5	42	0.5	8,069	100.0
	Tanaman Lain *Other Crops*	4,117	99.3	27	0.7	4,144	100.0
Ternakan *Livestocks*		2,408	95.7	107	4.3	2,515	100.0
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	14,847	99.6	56	0.4	14,903	100.0
	Akuakultur *Aquaculture*	2,106	97.3	58	2.7	2,164	100.0
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		124	76.5	38	23.5	162	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

2. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

3. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Sabah, 2023

Table 2.2: Individual Agricultural Holdings by Subsector and Citizenship, Sabah, 2023

Subsektor *Subsector*		**Warganegara** *Malaysian*		**Bukan Warganegara** *Non Malaysian*	
		Bilangan *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*	**Bilangan** *Number*	**Peratus (%)** *Percentage (%)*
Tanaman *Crops*	**Kelapa Sawit** *Oil Palm*	32,162	99.5	147	0.5
	Padi *Paddy*	6,749	99.8	11	0.2
	Getah *Rubber*	81,170	99.9	55	0.1
	Nanas *Pineapple*	1,436	97.5	37	2.5
	Lada *Pepper*	318	99.1	3	0.9
	Koko *Cocoa*	2,217	100.0	-	-
	Buah-Buahan *Fruits*	12,647	91.6	1,155	8.4
	Sayur-Sayuran *Vegetables*	6,719	83.7	1,308	16.3
	Tanaman Lain *Other Crops*	3,680	89.4	437	10.6
Ternakan *Livestocks*		2,388	99.2	20	0.8
Perikanan *Fisheries*	**Perikanan Tangkapan** *Captured Fisheries*	10,986	74.0	3,861	26.0
	Akuakultur *Aquaculture*	1,820	86.4	286	13.6
Perhutanan & Pembalakan *Forestry & Logging*		124	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:
1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
